

Wacana 1: **Imam Terlupa Membaca al-Fatihah**

Seorang Imam terlupa untuk membaca al-Fatihah pada rakaat kedua dan terus membaca surah. Kemudian setelah berkali-kali ditegur oleh maknum, beliau terus rukuk dan meneruskan solat.

Solat mempunyai rukunnya yang tersendiri. Ianya terbahagi kepada rukun fi'li yang berkaitan dengan perbuatan, rukun qauli yang bersangkutan dengan percakapan, rukun qalbi dan rukun maknawi. Kesemua rukun-rukun ini wajib dilakukan barulah solat yang ditunaikan menjadi sah.

Membaca al-Fatihah merupakan salah satu daripada rukun qauli. Solat tidak sah jika tidak membaca surah al-Fatihah. Ini berdasarkan sabda Nabi saw yang diriwayatkan oleh Ubadah Bin Somit :

لَا صَلَاةٌ لِمَنْ لَمْ يَفْرُأْ فِيهَا بِقَاتِحَةً الْكِتَابِ

Maksudnya :" Tidak ada solat (tidak solatnya) bagi sesiapa yang tidak membaca di dalamnya surah al-Fatihah."³

Kata Imam al-Nawawi ketika berkomentar berkenaan hadis ini :" Membaca al-Fatihah bagi yang mampu untuk membacanya merupakan kefarduan dan rukun yang mana tidak diterjemahkan kepada bahasa selain dari bahasa arab dan juga tidak boleh diganti dengan bacaan yang lain daripada al-Quran. Ianya juga wajib dibaca pada kesemua solat sama ada solat fardu maupun solat sunat."⁴

³ Riwayat Ibnu Majah (828), Riwayat al-Bukhari (756) dan Muslim (900)

⁴ Rujuk al-Majmuk Syarh al-Muhazzab (3/283)

Qaul Tamm

Ini bermakna bahawa tidak sah solat jika surah al-Fatiyah tidak dibaca. Jika seseorang terlupa membaca al-Fatiyah, kewajipan tersebut tidak tergugur daripadanya. Pandangan ini adalah kesepakatan yang telah dirumuskan oleh Jumhur Ulama yang bermazhab Syafie⁵.

Ada tiga keadaan jika seseorang itu terlupa membaca al-Fatiyah⁶ :

- i- Jika dia terlupa membaca al-Fatiyah dan teringat bahawa dia tidak membaca al-Fatiyah dan pada ketika itu dia rukuk maka dia perlu bangun dan membaca semula surah al-Fatiyah.
- ii- Jika dia teringat setelah dia bangun untuk rakaat seterusnya, maka bacaan al-Fatiyah pada ketika itu, menjadi ganti untuk rakaat yang dia terlupa untuk membaca al-Fatiyah. Sebelum salam, dia perlu bangun dan menambah rakaat serta sujud sahwı.
- iii- Jika dia teringat selepas memberi salam dalam waktu yang tidak terlalu lama, maka dia perlu bangun untuk menambah rakaat sebagai ganti rakaat yang dia terlupa membaca al-Fatiyah dan disusuli dengan sujud sahwı. Adapun jika berlalu waktu yang terlalu lama kemudian dia teringat bahawa ada satu rakaat yang dia terlupa membaca al-Fatiyah, maka dalam keadaan ini dia perlu solat semula.

Bagi imam yang terlupa membaca al-Fatiyah, solatnya tidaklah batal dan dia perlu menambah rakaat sebelum salam. Ini kerana rakaat yang dia terlupa untuk membaca al-Fatiyah dianggap tidak bernilai.

⁵ Imam al-Nawawi di dalam al-Majmuk. Rujuk al-Majmuk Syarh al-Muhazzab (3/288)

⁶ al-Majmuk Syarh al-Muhazzab (2/288)

Oleh itu sebelum salam, dia perlu bangun dan tambah rakaat sebagai ganti kepada rakaat yang mana dia terlupa untuk al-Fatihah di dalamnya. Adapun, jika dia tidak bangun menambah rakaat sesudah salam dan berlalu dalam tempoh masa yang lama, maka solat yang dilakukannya sebelum itu tidak sah dan perlu mengulang semula solatnya.

Bagi makmum pula, mereka mempunyai dua pilihan jika imam terlupa membaca al-Fatihah :

- i- Terus mengikut imam dengan harapan dan anggapan bahawa imam akan menganti semula rakaat yang dia terlupa membaca al-Fatihah. Jika Imam tidak mengganti rakaat pada akhir solat iaitu sebelum salam, makmum boleh berniat mufaraqah dan mengganti sendiri rakaat tersebut.
- ii- Makmum terus berniat mufaraqah dan meneruskan solatnya secara sendiri.

Kesimpulannya, seeloknya hendaklah mengikut imam. Ini supaya tidak menimbulkan kekacauan dan kekecohan. Jika imam tidak juga mengganti rakaat sebelum salam maka dibenarkan kepada makmum untuk berniat mufaraqah.

Qaul Tamm

Wacana 2: Imam Tertinggal Satu Ayat Al-Fatiyah

Imam terlupa atau tertinggal satu ayat dari Surah al-Fatiyah semasa menunaikan solat Isyak, adakah solat yang dilakukan sah? Apakah yang perlu dilakukan oleh imam tersebut dan para jemaah yang hadir pada malam tersebut?

Pada asasnya, di dalam mazhab Imam al-Syafie, membaca surah al-Fatiyah di dalam solat merupakan salah satu daripada rukun-rukun solat dan ia wajib dibaca di dalam setiap rakaat sama ada solat sunat ataupun fardhu. Sekiranya seseorang itu tidak membaca surah al-Fatiyah di dalam mana-mana rakaat maka solatnya itu tidak sah.

Begitu juga hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَلَّى صَلَاةً لَمْ يَعْرُأْ فِيهَا بِقَاتِحَةَ الْكِتَابِ فَهُنَّ خَدَاجُ. يَقُولُ لَهَا ثَلَاثًا

Maksudnya: “Barangsiapa yang melaksanakan solat dan tidak membaca al-Fatiyah di dalamnya, maka solatnya itu kurang/rosak.” Perkataan ini diulang sehingga tiga kali⁷.

Imam Nawawi berkata: Membaca al-Fatiyah adalah wajib dibaca pada kesemua solat sama ada solat fardu mahupun solat sunat. Jika seseorang terlupa membaca al-Fatiyah, kewajipan tersebut tidak tergugur daripadanya. Pandangan ini adalah kesepakatan yang telah disebut oleh jumhur ulama yang bermazhab Syafie⁸.

⁷ Riwayat Muslim (907)

⁸ Lihat al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 3/288)

Imam al-Baijuri dalam kitabnya telah menyenaraikan sebelas syarat yang perlu dijaga ketika membaca surah al-Fatihah di dalam sembahyang, antaranya:

- i- Membaca dengan tertib (tersusun mengikut susunan ayat-ayatnya).
- ii- Membaca setiap ayatnya termasuk Basmalahnya, kerana ianya adalah sebahagian daripada surah al-Fatihah⁹.

Imam Nawawi juga menyebut: Orang yang meninggalkan membaca surah al-Fatihah kerana lupa sehingga salam atau rukuk, terdapat dua pendapat yang masyhur;

- i- Yang paling kuat berdasarkan kesepakatan ulama' dalam mazhab kami dan ia merupakan qaul jadid (pendapat terbaru Imam Syafi'e) ialah tidak gugur baginya kewajiban membaca surah al-Fatihah.
- ii- Jika dia ingat sesaat sahaja setelah salam, maka dia hendaklah kembali solat dan melanjutkan solatnya dengan menambah satu rakaat lagi, lalu sujud sahw. Jika waktunya sudah berselang lama, maka dia hendaklah mengulangi solat daripada awal¹⁰.

Ringkasnya, terdapat tiga keadaan jika seseorang itu terlupa membaca al-Fatihah:

- i- Jika dia terlupa membaca al-Fatihah dan teringat bahawa dia tidak membaca al-Fatihah dan pada ketika itu dia rukuk maka dia perlu bangun dan membaca semula surah al-Fatihah.

⁹ Lihat Hasyiyah al-Baijuri, 1/290)

¹⁰ Lihat al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 3/288

Qaul Tamm

- ii- Jika dia teringat setelah dia bangun untuk rakaat seterusnya, maka bacaan al-Fatihah pada ketika itu, menjadi ganti untuk rakaat yang dia terlupa untuk membaca al-Fatihah. Sebelum salam, dia perlu bangun dan menambah rakaat serta sujud sahw.
- ii- Jika dia teringat selepas memberi salam dalam waktu yang tidak terlalu lama, maka dia perlu bangun untuk menambah rakaat sebagai ganti rakaat yang dia terlupa membaca al-Fatihah dan disusuli dengan sujud sahw. Adapun jika berlalu waktu yang terlalu lama kemudian dia teringat bahawa ada satu rakaat yang dia terlupa membaca al-Fatihah, maka dalam keadaan ini dia perlu solat semula¹¹.

Imam terlupa membaca al-Fatihah

Solatnya tidaklah batal dan dia perlu menambah rakaat sebelum salam. Ini kerana rakaat yang dia terlupa untuk membaca al-Fatihah dianggap tidak bernilai. Oleh itu sebelum salam, dia perlu bangun dan tambah rakaat sebagai ganti kepada rakaat yang mana dia terlupa untuk al-Fatihah di dalamnya. Adapun, jika dia tidak bangun menambah rakaat sesudah salam dan berlalu dalam

tempoh masa yang lama, maka solat yang dilakukannya sebelum itu tidak sah dan perlu mengulang semula solatnya.

Situasi Makmun dan pilihannya

¹¹ Lihat al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 2/288

Mereka mempunyai dua pilihan jika imam terlupa membaca al-Fatihah :

- i- Terus mengikut imam dengan harapan dan anggapan bahawa imam akan menganti semula rakaat yang dia terlupa membaca al-Fatihah. Jika Imam tidak mengganti rakaat pada akhir solat iaitu sebelum salam, makmum boleh berniat mufaraqah dan mengganti sendiri rakaat tersebut.
- ii- Makmum terus berniat mufaraqah dan meneruskan solatnya secara sendiri.

Kesimpulannya, memandangkan terdapat banyak nas fuqaha'. Secara umumnya seperti berikut, antaranya:

Al-Imam al-Mardawi berkata: Hendaklah makmum menegur imam. Sama ada Fatihah yang terlupa atau bacaan yang lain yang tidak wajib. Adapun selain daripada Fatihah, maka tidak wajib menegurnya tanpa khilaf yang aku ketahui. Sedangkan Fatihah yang terlupa, maka pendapat yang sahih dalam mazhab dan juga jumhur al-Ashab mewajibkan untuk menegurnya. Ada qaul yang berpendapat tidak wajib dan ia merupakan zahir kalam musannif¹².

Oleh itu, tuntasnya :

- i- Jika lupa dalam solat dan masih dalam solat, dan berada selepas rukuk, maka hendaklah ditambah satu rakaat sebagai ganti dan makmum mengikutnya.
- ii- Jika lupa di luar solat, tetapi waktu masih pendek dari masa solat yang telah ditunaikan, maka hendaklah ditambah satu rakaat yang

¹² Lihat al-Insaf, 2/100) Huraian yang sama terdapat Hasyiyah al-Raudh (2/106

Qaul Tamm

dilupai serta diikuti oleh makmum dan sujud sahwī berdasarkan hadis Zu al-Yadain¹³.

- iii- Jika lupa tersebut tetapi makmum mengetahuinya sedangkan tidak diendahkan oleh imam selepas diperingatkan, maka tidak harus makmum mengikutnya dan boleh bermufaraqah¹⁴.

Jika sekiranya waktu sudah berlalu, maka wajiblah imam dan makmum i'adah (mengulangi) solat semula atau qadha solat semula kerana solat tidak memenuhi rukun iaitu bacaan Fatihah yang sempurna. Justeru, kami syorkan solatlah sebagai *qadha'*jika tempoh masa sudah lama dan keadaan terlupa bukanlah satu kesalahan.

Wacana 3 : Imam Solat Jumaat Bangun Ke Rakaat Ketiga

Sekiranya imam dalam solat jumaat menambah rakaat dalam solat Jumaat? Adakah makmum perlu menunggu pada

¹³ Lihat Sahih Bukhari, no. 714 dan Sahih Muslim, No. 573

¹⁴ Lihat nukilan al-Khatib al-Syarbini dalam Mughni al-Muhtaj, Imam al-Zarkasyi, 1/196

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Makmum tasyahhud, bangun bersama imam atau mufaraqah? Apakah hal tersebut memberi kesan kepada kesahihan solat jumaat?

Isu ini merupakan antara hukum-hukum yang penting untuk diketahui oleh masyarakat awam sama ada bagi imam atau makmum kerana kemungkinan ia berlaku adalah pasti dan sememangnya pernah berlaku.

Dalam situasi ini, kebiasaanada makmum yang bangun mengikut imam berdiri sama ada kerana menyangka imam bangun untuk rakaat kedua, atau kerana mereka sendiri terlupa bilangan rakaat.

Begitu juga sebahagian akan tetap duduk tasyahhud akhir kemudian menegur imam dengan lafaz “Subhanallah!” kerana menyangka imam menambah rukun dalam solat yang dilarang untuk diikuti. Akhir sekali, tidak kurang juga yang akan berputus asa dengan imam lalu *bermufaraqah* daripada mengikut imam.

Oleh kerana wujud bukan sahaja satu kemungkinan dalam isu ini menyebabkan sebahagian masyarakat keliru sama ada solat Jumaat mereka sah atau tidak. Malahan isu ini boleh mewujudkan perbahalahan antara masyarakat kerana isu ini melibatkan hukum fardhu ain yang begitu sensitif kepada masyarakat Islam keseluruhannya sehingga menyebabkan reputasi imam tercalar dan wujud aktiviti saling menuduh antara satu sama lain tentang kesahihan solat masing-masing.

Hukum imam menambah rakaat dalam solat berjemaah.

Qaul Tamm

Kaedah umum mengatakan bahawa jika imam bangun untuk rakaat tambahan, contohnya rakaat kelima bagi solat Zohor, maka makmum dilarang daripada mengikuti imam.

Berkata Imam Ibn Hajar al-Haitami:

“Apabila imamnya bangun ke rakaat tambahan, seperti rakaat kelima, kerana sahw (lalai), maka tidak dibenarkan makmum mengikutinya, sekalipun jika makmum itu masbuk (datang lambat), atau makmum itu seorang yang syak pada bilangan rakaat solat, tanpa perlu mengambil kira kemungkinan bahawa imam itu meninggalkan rukun dalam mana-mana rakaat, kerana kefardhuan ke atas makmum itu ialah mengetahui apa yang sedang berlaku, atau berdasarkan sangkaan yang kuat. Justeru dia boleh mufaraqah daripada imam itu dan memberi salam, atau menunggunya berdasarkan pendapat yang muktamad¹⁵.”

Kesannya, makmum mempunyai pilihan untuk mufaraqah daripada imam atau menunggu imam menyelesaikan rakaatnya kemudian kembali bersama perbuatan para makmum yang duduk menunggu pada tasyyahhud kemudian memberi salam selepas salamnya imam.

¹⁵ Tuhfah al-Muhtaj (2/194)

Menurut Imam al-Nawawi dalam kitab Raudhoh al-Tolibin (2/10-11), pendapat yang lebih sahih menunjukkan hukum yang sama berlaku untuk solat Jumaat¹⁶.

Pada asalnya, perbuatan menambah rakaat di dalam solat membatalkan solat jika dilakukan secara sengaja. Namun begitu, apabila imam bangun untuk rakaat ketiga dalam solat Jumaat, makmum tidak dapat menghukumkan batal solat imam itu secara mutlak kerana wujud kemungkinan imam terlupa atau sengaja menambah rakaat untuk menampung rukun yang cacat¹⁷.

Jika alasan imam itu diketahui hanya selepas selesai solat Jumaat, maka hal itu tetap tidak membatalkan keseluruhan solat Jumaat kerana hukumnya sama dengan hukum imam berjunub.

Imam al-Nawawi menghuraikan pendapat yang mengatakan sah seperti berikut:

"Kita tidak menerima bahawa keadaan berhadas imam itu sebagai penghalang kepada kesahihan solat berjemaah, maka sabit hukumnya pada hak makmum yang tidak mengetahui keadaan jubub imamnya. Fadilat berjemaah juga tidak terhalang bagi semua jenis solat, dan tidak juga pada ibadat-ibadat lain dalam hukum hakam yang melibatkan jemaah, berdasarkan pendapat yang azhar.

Berkata pengarang al-Bayan (yakni Imam Yahya al-Imrani): Jika seseorang solat Jumaat mengimami empat puluh orang, kemudian mengetahui selepas solat makmum itu semuanya

¹⁶ Al-Syarh al-Kabir (2/265-266) oleh Imam al-Rafie

¹⁷ al-Majmu' Syarh al-Muhadzzab (4/557); al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra (1/256) oleh Ibn Hajar al-Haitami

Qaul Tamm

berhadas, sah solat Jumaat imam itu, melainkan jika diketahui bahawa para maknum itu hamba, atau perempuan, sedangkan hal itu mudah untuk diperiksa¹⁸."

Di tempat lain, Imam al-Nawawi berkata:

"Jikalau imam Jumaat itu berjunub dan cukup bilangan Jumaat tanpanya maka jika diketahui keadaan junubnya itu selepas beredar dari solat maka solat Jumaat masyarakat di situ adalah sah, menurut mazhab¹⁹."

Hukum mufaraqah solat Jumaat kerana imam menambah rakaat

Daripadauraian sebelum ini, kita jelas bahawa salah satu pilihan maknum dalam solat Jumaat ialah berpisah daripada imam, atau mufaraqah. Hukum asal mufaraqah adalah makruh bagi solat jemaah, jika tidak wujud keuzuran. Namun dalam konteks solat Jumaat dan keuzuran, terdapat perincian.

Berkata Imam al-Khatib al-Syarbini:

"Tidak diharuskan untuk memutuskan diri dari solat jemaah pada rakaat pertama dalam solat Jumaat, seperti mana yang akan

¹⁸ Raudhoh al-Tolibin (2/10-11)

¹⁹ al-Majmu` Syarh al-Muhadzzab (4/590)

dibahaskan, bahawa sesungguhnya berjemaah pada rakaat pertama itu adalah syarat (sah Jumaat). Adapun pada rakaat kedua maka ia bukan syarat dalam solat Jumaat untuk berjemaah, maka diharuskan untuk keluar daripada solat Jumaat, berbeza dengan jawapan dalam al-Kifayah yang tidak membenarkan.

Jika solat berjemaah itu gagal wujud kerana keluarnya dia maka kami mengatakan bahawa solat itu adalah fardhu kifayah, justeru mestilah dihukumkan tidak boleh keluar daripadanya, seperti pendapat ulama-ulama muta'akhhirin, kerana fardhu kifayah itu apabila telah dikhurasukan pada peringkat individu maka jadilah fardhu ain²⁰."

Ini menunjukkan bahawa solat Jumaat tidak terbatal jika berlaku mufaraqah dalam kalangan 40 orang yang menjadi syarat sah Jumaat, kerana mufaraqah di sini tidak membatalkan solat berjemaah secara keseluruhan bagi maknum yang mufaraqah selepas mendapat satu rakaat bersama imam.

Hukum ini bersesuaian dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَدْرَكَ رُكْعَةً مِّنَ الصَّلَاةِ، فَمَنْ أَدْرَكَ الصَّلَاةَ

Maksudnya: "Sesiapa yang memperolehi satu rakaat daripada solat, maka dia memperolehi solat tersebut"²¹"

²⁰ Mughni al-Muhtaj (1/511)

²¹ Riwayat al-Bukhari, No.580 dan Muslim, No.607.

Qaul Tamm

Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

مَنْ أَدْرَكَ مِنَ الْجُمُعَةِ رَكْعَةً فَلَا يُصْلَلُ إِلَّا هُوَ أُخْزَى

Maksudnya: “Barangsiapa yang sempat satu rakaat (bersama imam) dalam solat Jumaat maka dia tambah satu rakaat lagi²².”

Daripada Tariq bin Syihab RA, Nabi ﷺ bersabda:

الْجُمُعَةُ حُقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ

Maksudnya: “Jumaat itu adalah hak wajib setiap Muslim lelaki dalam keadaan berjemaah²³.”

Hal ini berbeza dengan apa yang disebutkan ulama dalam kes solat Jemaah yang batal dalam gambaran yang disebut Syeikh Hasan al-Kaf:

“Ada empat puluh orang yang solat Jumaat termasuk Imam, lalu kesemuanya mengucapkan salam melainkan seorang. Orang ini berterusan dalam tasyahhudnya sehingga orang-orang lain sudah pulang ke rumah. Tiba-tiba wuduk orang tadi batal sebelum sempat mengucap salam, maka batal solat Jumaatnya, dan juga solat Jumaat mereka yang sudah pulang ke rumah²⁴.”

²² Riwayat Ibn Majah (no.1121), al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (no.5945) dan al-Hakim (no.1708)

²³ Riwayat Abu Daud (1067)

²⁴ Rujuk al-Taqrirat al-Sadidah Qism Ibadah (hlm. 328)

Mufaraqah yang berlaku tanpa keuzuran, maka hukumnya adalah makruh. Berkata Syeikh Syihabuddin Ibn al-Naqib dalam Umdah al-Salik (ms. 67):

“Jika seseorang itu bertakbiratulihram bersama imam kemudian bertindak mengeluarkan dirinya daripada Jemaah untuk menyempurnakan solatnya bersendirian maka itu dibenarkan, tetapi makruh jika dilakukan tanpa keuzuran.”

Hal ini berbeza bagi makmum yang mempunyai sebab syarie atau keuzuran, contohnya apabila imam menambah rakaat solat. Walau bagaimanapun, menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami, menunggu imam itu lebih utama daripada mufaraqah. Disebut dalam al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra:

“[Imam Ibn Hajar al-Haitami ditanya] – semoga Allah melapangkannya – tentang keadaan apabila imam itu bangkit untuk rakaat kelima; adakah lebih utama untuk makmum menunggunya atau berpisah daripadanya, sama ada bagi makmum masbuq atau bukan; bolehkah untuk mufaraqah? [maka belia menjawab] lebih utama makmum itu menunggu sama ada dia masbuq atau bukan²⁵.”

Kesimpulannya, berdasarkan fakta dan keterangan di atas, kami cenderung untuk memberikan jawapan seperti berikut:

²⁵ Rujuk al-Fatawa al-Fiqhiyyah al-Kubra (1/214)

Qaul Tamm

Makmum di dalam solat Jumaat tidak boleh bangun mengikut imam yang bangun untuk rakaat ketiga. Ini kerana menambah rukun di dalam solat adalah haram dan membatalkan solat.

Pengecualian diberikan sekiranya makmum itu ialah makmum masbuk yang mengetahui sebab imam itu bangun adalah untuk menampung rukunnya yang ditinggal secara tidak sengaja.

Makmum yang lalai lalu tidak sengaja mengikuti imam bangun ke rakaat ketika tanpa pengecualian di atas hendaklah kembali kepada kedudukan tasyahhud. Jika tidak kembali, maka solatnya batal.

Makmum yang menyedari imamnya menambah rakaat disunatkan untuk memperingatkannya dengan tasbih seperti Subhanallah. Sekiranya imam bangun kerana tidak sengaja, dia diwajibkan untuk turun semula sekalipun dia sudah berdiri tegak kerana menambah rukun itu adalah dilarang dan membatalkan solat.

Jika imam tidak turun kembali, makmum mempunyai pilihan untuk menunggu imam sehingga selesai rakaatnya kemudian memberi salam selepas salamnya imam, atau mufaraqah daripada imam dan menyelesaikan solatnya bersendirian. Ini kerana terdapat kemungkinan bahawa imam bangun untuk menampung rukun yang luput tetapi tidak diketahui oleh makmum.

Keputusan makmum untuk mufaraqah daripada imam tidak memudaratkan syarat sah solat Jumaat yang mewajibkan penyertaan 40 orang yang layak kerana pihak makmum dan pihak

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Makmum
imam masing-masing sudah mendapat solat Jemaah apabila
sudah mendapat satu rakaat secara berjemaah.

Wacana 4 : **Solat Maghrib Dengan Imam Solat Isyak**

Jika makmum solat maghrib di belakang imam solat Isyak, contohnya makmum musafir bersolat di masjid yang sedang dilaksanakan solat isyak berjemaah, bagaimanakah keadaan makmum tersebut pada rakaat ketiga? Adakah dia perlu duduk tasyahhud menunggu imam atau berpisah daripada imam?

Di dalam fiqh mazhab al-Syafie, diharuskan makmum untuk bersolat jemaah dengan imam dalam solat-solat yang bersesuaian nazmnya, yakni formatnya, sekalipun jika berbeza bilangannya seperti seperti makmum bersolat isyak mengikut imam maghrib, atau sebaliknya. Jika berbeza nazamnya, seperti makmum solat subuh mengikut solat jenazah, maka tidak sah jemaahnya, mengikut pendapat muktamad.

Berkata Imam al-Nawawi dalam Raudhah al-Tolibin²⁶:

Maksudnya: "Sekiranya bersepakat dua solat (imam dan makmum) pada perbuatan yang zahir maka ditilik;

- i- jika sepakat bilangannya seperti solat zuhur di belakang orang solat isyak, maka diharuskan untuk mengikutinya;
- ii- jika bilangan rakaat solat imam kurang (berbanding solat makmum) seperti makmum solat zuhur di belakang imam solat subuh, maka diharuskan Justeru, apabila selesainya

²⁶ 1/368

Qaul Tamm

solat imam, kemudian hendaklah makmum bangkit untuk menyempurnakan solat dengan sendiri seperti hukum masbuq. Hendaklah dia mengikuti imam pada membaca doa qunut, namun sekiranya dia mufaraqah (berpisah daripada imam) ketika imam itu sedang sibuk dengan qunut, maka itu diharuskan.

- iii- Jika makmum bersolat zuhur tetapi mengikut imam solat maghrib, apabila imam berada pada duduk terakhir (tasyahhud akhir) pada rakaat ketiga, dia diberi pilihan untuk mengikut imam atau mufaraqah daripada imam, seperti hukum doa qunut²⁷.
- iv- Sekiranya bilangan solat makmum kurang daripada solat imam, seperti solat subuh di belakang imam solat zuhur, maka pendapat mazhab menyatakan hukumnya adalah harus. Apabila imam bangkit pada rakaat ketiga, maka makmum diberi pilihan;
 - jika dia mahu dia boleh mufaraqah (tanpa makruh) kemudian memberi salam (yakni menyelesaikan solatnya bersendirian), atau jika dia mahu dia boleh menunggu imam sehingga memberi salam bersama dengannya. Aku (Imam al-Nawawi) berkata: menunggu itu lebih afdhal (baik).
 - Jika dia memiliki kesempatan berqunut pada rakaat kedua, seperti imam berdiri sebentar, disunatkan dia berqunut. Jika

²⁷ Lebih afdhal dia mengikut imam.

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Makmum
tidak sempat, maka tiada ke atasnya apa-apa²⁸. Dia juga boleh untuk keluar daripada mengikuti imam untuk berqunut²⁹.

- v- Sekiranya seseorang itu bersolat maghrib di belakang orang yang bersolat zuhur, maka apabila imam bangkit untuk rakaat keempat, tidak boleh makmum itu mengikutinya, bahkan hendaklah dia bermufaraqah daripada imam itu³⁰, kemudian bertasyahhud dan memberi salam.”

Justeru, untuk menjawab soalan di atas, wajib bagi makmum yang bersolat maghrib di belakang imam bersolat isyak melakukan salah satu daripada dua perkara berikut:

- i- Berniat mufaraqah daripada mengikut imam sebelum duduk untuk tasyahhud akhir, semasa sujud terakhir.
- ii- Menunggu imam semasa sujud terakhir bagi makmum sehingga imam sampai ke duduk terakhir untuk bertasyahhud dan salam bersama imam.

²⁸ Menurut Imam al-Mahalli, ertinya tidak perlu sujud sahwu kerana imam sudah menanggungnya. Rujuk *Syarh al-Mahalli ala al-Minhaj* (1/325)

²⁹ Berkata Imam al-Khatib al-Syiabini dalam *Mughni al-Muhtaj* (1/504), ertinya harus baginya untuk berniat mufaraqah, jika terdapat keuzuran, kerana meraikan sunnah Rasulullah SAW yang membaca qunut. Jika tiada keuzuran, maka lebih afdhal tinggalkan qunut. Boleh juga lambat sedikit daripada imam untuk membaca qunut tanpa perlu mufaraqah.

³⁰ ‘Hendaklah” disini bermaksud wajib mufaraqah, kerana jika makmum itu duduk bertasyahhud sedangkan dia masih mengikut imam, dia telah menambah satu duduk yang tidak dilakukan oleh Imam. Rujuk Hasyiah al-Jamal (1/565) oleh Syeikh Sulaiman al-Jamal. Justeru hendaklah dia berniat mufaraqah semasa sujud kedua sebelum duduk tasyahhud akhir jika dia mengkehendaki mufaraqah, dan itu lebih afdhal. Jika dia mengkehendaki memberi salam bersama imam, maka hendaklah dia tunggu dalam keadaan sujud. Rujuk *Syarh al-Muqaddimah al-Hadhramiyyah* (hlm. 349) oleh Syeikh al-Habib Sa’id Ba’isyn.

Wacana 5: **Imam Terlupa Ambil Wuduk**

Salah satu daripada syarat sah solat berjemaah ialah makmum mestilah tidak mengetahui atau meyakini bahawa solat imamnya batal³¹. Antara perkara yang membatalkan solat ialah seseorang itu berada dalam keadaan berhadas; sama ada hadas kecil atau besar, semasa menunaikan solat³².

Maka jika makmum solat dalam keadaan dia mengetahui imamnya berhadas sebelum atau semasa solat, seperti mendapati imamnya membuang angin, maka tidak sah solat makmum itu atau wajib baginya untuk berniat mufaraqah (berpisah daripada imam) atau diharuskan istikhraf (penggantian imam) sekiranya berlaku semasa solat³³.

Adapun jika imam memberitahu makmum selepas selesainya solat bahawa dia bersolat dalam keadaan berhadas kerana lupa, maka perkara itu tidak memudaratkan solat makmum. Ini berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

يُصَلِّوْنَ لَكُمْ، فَإِنْ أَصَابُوا فَلَكُمْ، وَإِنْ أَخْطَلُوا فَلَكُمْ وَعَلَيْهِمْ

Maksudnya: “Para imam solat memimpin kalian. Maka jika dia benar, mereka mendapat pahala dan kalian juga mendapatkan bahagian pahalanya. Namun bila dia salah kalian tetap mendapatkan pahala dan mereka mendapatkan dosa (atau kesalahan ke atas mereka).”³⁴

³¹ Rujuk al-Fiqh al-Manhaji (1/179).

³² Rujuk al-Fiqh al-Manhaji (1/170).

³³ Rujuk al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie (1/456).

³⁴ Riwayat al-Bukhari (no.694) dalam (باب إِذَا لَمْ يَتَمِّمِ الْإِمَامُ وَأَتَمَّ مِنْ خَلْفِهِ) Bab Jika Imam Tidak Sempurna Solatnya Manakala Makmum Sempurna).

Ketika membahaskan hadis ini, Imam Ibn Hajar al-Asqalani menakalkan kata-kata Imam Ibn al-Mundzir: “Hadis ini menjawab orang yang menyangka bahawa solat imam apabila rosak maka akan rosak solat orang di belakangnya,”³⁵

Dalil kedua adalah hadis Abu Bakrah RA:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَخَلَ فِي صَلَاةِ الْفَجْرِ فَأَرَمَا بِبَيْدَهُ أَنْ مَكَانَكُمْ لَمْ يَجِدْهُ وَرَأْسُهُ يَقْطُرُ فَصَلَّى بِهِمْ
فَلَمَّا قَضَى الصَّلَاةَ قَالَ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ وَإِنِّي كُنْتُ جُنُبًا

Maksudnya: “Bahawa Rasulullah ﷺ telah masuk ke dalam solat Subuh, kemudian baginda memberi isyarat dengan tangannya, “kalian tunggu di tempat kalian”, kemudian baginda kembali dengan keadaan kepalanya ada air menitik, lalu baginda solat bersama mereka.” Setelah solat baginda bersabda: “Sesungguhnya aku hanyalah manusia, dan tadi aku berjunub.”³⁶

Imam al-Nawawi mengatakan hadis ini sanadnya sahih.

Oleh itu, Imam al-Nawawi menyebut dalam kitab al-Majmu’ Syarh al-Muhadzdzab³⁷:

“Jika seseorang maknum itu tidak mengetahui (keadaan imamnya yang berhadas) sehingga selesai salam daripada solat itu, nescaya memadai (atau sah) solat itu... sama ada imam itu mengetahui tentang dirinya sendiri atau tidak, kerana tidak berlaku kecuaian daripada pihak maknum pada

³⁵ Rujuk Fath al-Bari (2/188)

³⁶ Riwayat Abu Daud (no.234).

³⁷ 4/256-260

Qaul Tamm

kedua-dua keadaan. Inilah pendapat mazhab dan diputuskan juga oleh Jumhur (ulama)."

"Tentang pendapat-pendapat ulama berkenaan hukum solat di belakang orang yang berhadas dan berjunub dalam keadaan tidak mengetahui hal hadasnya; telah kami sebutkan sebelum ini bahawa mazhab kami (Syafie) bahawa sah solat maknum, dan ini yang diceritakan oleh Ibn al-Mundzir daripada Umar al-Khattab, Uthman, Ali, Ibn Umar, al-Hasan al-Basri, Said bin Jubair, al-Nakhaie, al-Auzaie, Ahmad, Sulaiman bin Harm, Abu Thaur dan al-Muzani.

"Manakala satu riwayat lain daripada Ali, Ibn Sirin, al-Sya`bi, Abu Hanifah dan para ashabnya bahawa wajib mengulang kembali solat, dan ini juga pendapat Hammad bin Abi Sulaiman (Guru Abu Hanifah)."

"Berkara Malik bahawa jika imam itu sengaja solat dalam keadaan mengetahui dia berhadas maka dia adalah seorang yang fasiq (berdosa) maka wajib ke atas maknum untuk mengulangi solat berdasarkan mazhabnya (Maliki), adapun jika tidak sengaja maka tidak perlu."

Berkata Syeikh Muhammad al-Zuhali dalam *al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie*³⁸:

"Tidak diharuskan untuk solat di belakang orang yang berhadas, yang diketahui kehadasannya, kerana dia bukan daripada orang yang boleh solat. Jika seseorang itu solat di belakang orang yang berhadas, sedangkan dia mengetahui status kehadasan orang itu maka maknum itu berdosa dan

³⁸ 1/416

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
solatnya batal. Berbeza dengan orang yang jahil terhadap status hadas itu, maka tidak wajib untuk diulangi solat bagi solat selain solat Jumaat, dan wajib diulang jika berlaku pada solat Jumaat.

Adapun jika diketahui (selepas solat) bahawa imam itu berjunub, atau berhadas, atau menanggung najis yang tertutup dalam bajunya, atau badannya, maka tidak wajib diulangi oleh maknum akan solat, kerana bukan daripada kelalaian. Adapun jika najis itu terzahir dan dia tetap mengikut orang itu maka wajib ulang semula solat.”

Berdasarkan fakta dan kenyataan di atas, jelas kepada kita bahawa:

Maknum yang mengetahui imam berhadas ketika menuaikan solat tetapi masih solat di belakang imam tersebut, maka maknum itu berdosa dan solatnya batal serta perlu diulang;

Maknum yang mengetahui imam berhadas semasa solat, maka wajib ke atas maknum untuk mufaraqah (berpisah daripada imam) dan bersolat bersendirian. Sekiranya imam berhadas kemudian keluar daripada solat, diharuskan untuk istikhlah yakni menggantikan imam, dengan syarat tidak begitu lama sehingga maknum berpindah rukun³⁹.

Makmun tidak mengetahui imam berhadas sebelum atau semasa solat, kemudian hanya diberitahu selepas solat, maka tidak wajib ke atas maknum berkenaan untuk mengulang kembali solatnya, sama ada imam terlupa atau sengaja, kerana kesilapan itu bukan berpunca daripada

³⁹ Rujuk al-Mu'tamad (1/456)

Qaul Tamm

kelalaian maknum, Maka dalam kes di atas, solat maknum dalam kes di atas sudah sah dan tidak perlu diulang semula.

Pengecualian bagi hukum ini adalah bagi solat-solat yang diwajibkan dilakukan secara berjemaah seperti solat Jumaat, maka wajib diulang semula.

Wacana 6 : Hukum Solat Berimamkan Imam Yang Fasiq

Perkataan fasiq adalah berasal dari perkataan Ibn Manzur menyebut: Al-Fisq iaitu kederhakaan dan meninggalkan perintah Allah Azza wa Jalla dan keluar dari jalan kebenaran⁴⁰.

Fasiq pada istilah bermaksud seorang yang melakukan dosa besar atau sering melakukan dosa-dosa kecil⁴¹.

Imam al-Syaukani menukilkan pandangan Imam al-Qurtubi yang menyebut: “Adapun kefasiqan yang umumnya digunakan dalam Syariat ialah: (Perbuatan yang menyebabkan) keluar dari batas ketaatan kepada Allah SWT. Terkadang perbuatan tersebut boleh menyebabkan kekafiran dan boleh juga dianggap sebagai kemaksiatan⁴².”

Ini sepetimana disebut dalam hadis, Nabi SAW bersabda:

سَبَابُ الْمُسْلِمِ فُسُوقٌ، وَقَتْلُهُ كُفُرٌ

⁴⁰ (Lihat Lisan al-'Arab, 10/308)

⁴¹ (Lihat Hasyiyah al-Qalyubi wa 'Umairah 'ala Syarh al-Mahalli, 3/227)

⁴² Lihat Tafsir Fath al-Qadir, 1/583)

Maksudnya: "Memaki orang muslim itu perbuatan fasiq dan memeranginya perbuatan kufur⁴³."

Kata Ibn Battal ketika mensyarahkan hadith ini, maksud dilarang mencaci orang muslim itu, kerana maruah diri seorang muslim adalah terpelihara (haram dicabul) sebagaimana haram darah dan hartanya. Kaedah fiqh juga menyebut:

الْأَصْنَانُ بِرَاءَةُ الْيَمَّةِ

Maksudnya: "Asal seseorang itu adalah suci maruahnya (bebas dari tuduhan dan tanggungan)⁴⁴."

Dalam isu di atas, kami nukilkkan kenyataan dari Imam Nawawi dalam kitab al-Majmu' yang menyebut: Solat Ibn Umar berimamkan Hajjaj bin Yusuf adalah thabit di dalam Sahih al-Bukhari dan selainnya di dalam al-Sahih, dan banyak hadis yang menunjukkan kepada sahnya solat berimamkan orang yang fasiq dan pemimpin yang zalim.

Ashab kami berkata: Solat berimamkan orang fasiq adalah sah dan tidak haram. Akan tetapi ia adalah makruh. Begitu juga dimakruhkan berimamkan orang yang melakukan bid'ah yang tidak sampai tahap kufur dengan bid'ahnya. Sekiranya sampai pada tahap kufur, maka kami telah jelaskan bahawa tidak sah solat berimamkannya sepertimana orang-orang kafir yang lain.

⁴³ Riwayat Bukhari (7076)

⁴⁴ (Lihat al-Asybah wa al-Naza'ir oleh Ibn Nujaim, hlm. 59)

Qaul Tamm

Imam al-Syafie telah menaskan di dalam al-Mukhtasar berkenaan makruhnya solat berimamkan orang fasiq dan mubtadi'. Namun sekiranya dilakukan, sah solatnya⁴⁵.

Berdasarkan persoalan di atas, kami bahagikan isu fasiq ini kepada dua;

- i- Terdapat nas yang menunjukkan fasiq boleh membawa kepada kufur. Jika sampai kepada tahap ini, maka solat di belakangnya adalah tidak sah sekiranya makmum mengetahui. Kedua, adapun fasiq yang tidak membawa kepada kekufuran, maka ia tidaklah menjadi kesalahan untuk solat di belakangnya tetapi hukumnya adalah makruh lebih-lebih lagi dalam keadaan terdapat imam yang tidak fasiq.
- ii- Dengan mengamati nas hadis Nabi, jelas menunjukkan kepada kita bahawa seorang yang hendak diimamkan hendaklah mempunyai kriteria yang terbaik, soleh lagi aslah berbanding dengan yang lain. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Mas'ud al-Ansari, Rasulullah SAW pernah bersabda:

يَوْمُ الْقِرْآنَ هُنْ لِكَتَابٍ إِلَهٌ وَأَقْدَمُهُمْ قِرَاءَةً فَإِنْ كَانُوا فِي الْجُنَاحِ سَوَاءٌ فَأَنِيُّهُمْ أَكْبَرُهُمْ هُنَّ سِنًا وَلَا تُؤْمِنَ الرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ وَلَا فِي سُلْطَانِهِ وَلَا تَجِدُنَّ عَلَى تَغْرِيَتِهِ فِي بَيْتِهِ إِلَّا أَنْ يَأْذِنَ لَكَ أَوْ يُإِذِنَ لَكَ

Maksudnya: "Yang menjadi imam bagi sesuatu kumpulan ialah orang yang lebih pandai membaca al-Quran. Sekiranya mereka setara dalam bacaan,

⁴⁵ Lihat al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 4/151

maka yang lebih alim dalam hadith, jika dalam hadith mereka pun sama maka yang lebih dahulu berhijrah, dan jika dalam hijrah juga mereka masih sama maka yang lebih tua usianya di kalangan mereka⁴⁶.”

Semoga Allah menjadikan kita orang yang benar-benar beriman dan bertakwa dan selamat daripada perbuatan yang membawa kepada fasiq. Kami akhiri dengan doa:

اللَّهُمَّ أَرْنَا الْحَقَّ حَقًّا، وَارْزُقْنَا اتِّبَاعَهُ، وَأَرْنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا، وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، وَلَا تَجْعَلْنَا مُلْتَسِبًا عَلَيْنَا فَضْلًا،
وَاجْعَلْنَا لِلنَّاهِيِّينَ إِمَامًا

Maksudnya: “Ya Allah, tunjukkanlah kepada kami kebenaran itu sebagai kebenaran, dan rezekikanlah kepada kami untuk mengikutinya. Dan tunjukkanlah kepada kami kebatilan itu sebagai kebatilan dan rezekikanlah kepada kami untuk menjauhinya, dan jangan jadikannya terkeliru atas kami

sehingga kami sesat. Dan jadikanlah kami bagi orang yang bertaqwah sebagai pemimpin.”

⁴⁶ Riwayat Muslim (613)

Qaul Tamm

Wacana 7 : Bacaan Al-Fatihah Imam Tidak Betul

Kes Imam masjid baca surah Alfatehah tak betul. Huruf bertukar . Sepatutnya Sin dibunyikan Shin. Huruf Sad disebut dengan bunyi lain jadi Shin juga. Difahamkan kalau Alfatehah salah boleh menyebabkan solat kita pun tak sah sebab boleh bertukar makna bacaan . Bila imam baca salah boleh ka makmum ikut. Apa pula hukumnya. Sah kah solat makmum..

Sudah ditegur banyak kali tapi masih tak berubah. Ini imam yg dilantik oleh Pej. Agama dan ada kursus katanya. Nak ikut berjemaah dgn imam tapi tak puas hati dgn bacaannya. Nak solat di rumah sahaja rasa rugi pulak. Apa patut kami buat Ustaz. Ikut sahaja ka walaupun kita tahu bacaan nya tak betul.

Berdasarkan pendapat muktamad dalam mazhab al-Syafie, menjadi syarat untuk menjadi seorang imam adalah mestilah seorang yang qari' (boleh membaca fatihah dengan baik) itu tidak berimamkan seorang yang ummi. Maksud ummi ialah seorang yang cacat bacaan fatihahnya, meskipun hanya sebahagian daripada fatihah seperti hilang satu huruf. Begitu juga seseorang yang tidak dapat mengeluarkan atau menyebut satu huruf dalam fatihah itu berdasarkan makhraj huruf, atau pun hilang sabdunya.

Ini kerana membaca fatihah adalah rukun yang wajib di dalam solat. Begitu juga imam akan menanggung bacaan makmum masbuk.

Justeru, seorang yang qari' batal solatnya jika dia mengetahui imamnya seorang ummi namun tetap mengikutnya solat. Maka dia wajib

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
menggantikan semula solat fardu tersebut. Kesalahan ini dipanggil lahan
(لحن) yang mengubah makna.

Contoh:

- ❖ Membaca **أَنْعَمْتُ** yang berbaris atas hujungnya, dengan baris depan atau bawah, atau **إِيَّاكَ** yang berbaris atas hujungnya dengan baris bawah.
- ❖ Membaca **الْمُسْتَقِيمُ** dengan mengidghamkan huruf sin dengan tha seperti **الْمُنْتَقِيمُ**. Keadaan seperti ini dipanggit (**أَرَتْ**) (Arat)
- ❖ Membaca **مَخْضُوبٍ** dengan menukar huruf ghain dengan ra' seperti **مَرْضُوبٍ**. Keadaan ini dipanggil (**أَلْثَغْ**) (Althagh)
- ❖ Membaca **الضَّالِّينَ** dengan menukarkan huruf dhad dengan zha seperti **الظَّالِّينَ** mengikut qaul yang paling sahih.
- ❖ Membaca **الَّذِينَ** dengan menukarkan huruf dzal dengan dal seperti **الَّدِينَ**.
- ❖ Membaca **الْحَمْدُ** dengan menukar ha' kepada ḥa' seperti **الْهَمْدُ**
- ❖ Menghilangkan satu syaddah/sabdu yang empat belas dalam Fatihah.

Namun begitu, jika imam itu sama sahaja taraf bacaan dengan maknumnya, maka tidak batal solatnya. Begitu juga jika lahan yang berlaku itu ringan sahaja tidak mengubah makna maka tidak batal solat. Contohnya:

- ❖ Membaca **مَالِكٌ** dengan menambah sabdu pada huruf lam atau kaf.
- ❖ Membaca tanpa dengung, pendek dan panjang harakat mad, tiada qalqalah dan sebagainya yang tak mengubah makna.
- ❖ Membaca **الضَّالِّينَ** dengan menukarkan huruf dhad dengan ẓa seperti **الظَّالِّينَ** mengikut qaul yang berbeza dengan asah, kerana sukar dibezakan kedua-dua. Inilah pendapat Imam Fakhrurrazi seperti yang disebut dalam tafsirnya.

Qaul Tamm

- ❖ Membaca *المسنون* dengan menuarkan qaf dengan huruf gaf parsi, seperti yang disebut oleh orang Yaman, tetapi makruh menurut sebahagian ulama, dan sebahagian lain tidak memakruhkannya.
- ❖ Membaca *بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ* dengan menukar ha' yang berbaris bawah dengan ha' berbaris hadapan.

Rujuk Fath al-Mu'in (1/79); al-Iqna` (1/233-235); Bughyah al-Mustarsyidin (1/83); al-Taqrirat al-Sadidah (Qism al-Ibadat) (1/215); al-Mu'tamad (1/255, 414-415)

Manakala dalam mazhab Malik, serta beberapa pandangan ulama Hanafi, mereka berkata bahawa solat tidak batal tetapi makruh. Ini yang dipilih Imam al-Muzani daripada Syafieyyah jua tetapi mensyaratkan bahawa imam itu berlidah pendek (tidak sampai kepada makhraj), atau sampai tetapi tidak cukup masa untuk belajar⁴⁷.

Berkata Ibn Qudamah al-Maqdisi setelah menyebut pandangan sebahagian Hanafiyah bertoleransi pada lahan bagi huruf yang berlainan tetapi satu makhrajnya atau berdekatan makhrajnya kerana umum balwa (kesukaran menjaganya):

“Maka dikehendaki dalam hal ini tidak rosak (qiraah fatihah) kerana tertukar huruf tha' dengan sin, atau qaf dengan hamzah seperti mana yang berlaku dalam pertuturan orang awam di zaman kita ini, kerana mereka tidak dapat membezakan antara keduanya dan begitu sukar bagi mereka seperti huruf dzal dan zai.⁴⁸”

⁴⁷ Rujuk Mausu`ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (35/326-327)
⁴⁸ Rujuk Radd al-Muhtar (1/633)

Setelah meneliti keterangan-keterangan di atas, kami berpendapat bahawa bacaan imam terbabit yang menukar sebutan sin kepada syin, atau şad kepada syin, adalah lahan yang tidak betul dan menukar makna bertepatan dengan qaul muktamad mazhab Syafie. Justeru kami mencadangkan agar dilaporkan perkara ini kepada Jabatan Agama yang melantik individu tersebut agar perkara ini dapat diselesaikan dengan baik.

Berkenaan solat-solat yang sudah dilaksanakan di belakang beliau, jika maknum itu seorang yang qari' maka hendaklah dia mengulangi solatnya semula kerana tidak boleh seorang yang qari' berimamkan seorang yang ummi. Ini mengikut kadar kemampuannya juga.

Jika begitu sukar untuk mengira bilangan solat tersebut maka ambil bilangan yang lebih kurang (taqriban). Jika terlalu banyak sehingga menyukarkan dan tidak tahu hukum sebelum ini, boleh bertaqlid kepada pandangan daif dan mazhab lain bahawa lahan tersebut adalah lahan yang khafif yang ringan kerana sukar dibezakan makhrajnya lagi masing-masing pada makhraj yang sama atau berdekatan, yakni makhraj lisan.

Justeru, tidak perlu diulang lagi solat yang lampau bersama dengan imam berkenaan dan tidak lagi solat di belakangnya sehingga dia membetulkan bacaannya atau dia ditukar.

Wacana 7

Imam Lupa Berniat Jadi Imam Semasa Solat Jumaat

Imam lupa niat jadi imam sewaktu solat Jumaat. Setelah selesai solat, baru dia menyedari yang dia lupa niat. Perlukah solat sekali lagi?

Solat Jumaat dilakukan pada waktu Zohor, hari Jumaat dengan dimulakan dua khutbah dan dua rakaat solat Jumaat secara berjemaah. Kefarduannya jelas melalui nas antaranya:

- Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَدُوا إِذَا ذُوِيَتِ الْمَصَلَةُ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْتَعِوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا
الْأَبْيَعَ ۚ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu), yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).

(Surah al-Jumu'ah: 9)

- Daripada Tariq bin Syaibah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

Maksudnya: “Solat Jumaat adalah tanggungjawab yang wajib atas setiap lelaki Muslim⁴⁹.”

- Daripada Abu Hurairah R.A dan Ibn Umar R.Anhumah, mereka berdua mendengar Rasulullah SAW bersabda ketika Baginda berada di atas mimbarnya:

لَيَنْذَهِيَنَّ أَفْوَامُ عَنْ وَدْعَوْهُمُ الْجُمُعَاتِ أَوْ لَيَخْتَمَنَ اللَّهُ عَلَى فُلُوْبِهِمْ ثُمَّ لَيَكُوْذَنَ مِنَ الْغَافِلِينَ

Maksudnya: “Hendaklah sesuatu kaum itu daripada meninggalkan solat Jumaat atau Allah akan menutup hati-hati mereka, akibatnya mereka akan menjadi golongan yang lalai⁵⁰.”

Menjawab isu di atas, perlu difahami terlebih dahulu apakah makna niat. Niat ialah:

قَصْدُ الشَّيْءِ مُفْتَرِنًا بِفَعْلِهِ ، وَمَحْلُّهَا الْقَلْبُ

Maksudnya: Memaksudkan melakukan sesuatu yang disertai dengan pekerjaan. Dan tempat niat adalah di dalam hati⁵¹.

Persoalan di atas menunjukkan yang dia lupa niat untuk menjadi imam. Tetapi *qarinah* melalui berada di hadapan, bertakbir, membaca kuat fatihah dan surah jelas menunjukkan sebenarnya dia tahu yang dia imam. Justeru kami berpendapat sebenarnya dia berniat, tetapi mungkin dia tidak berlafaz seperti “إماماً”. Oleh

⁴⁹ Riwayat Abu Daud (1067)

⁵⁰ Riwayat Muslim (865) dan yang lainnya

⁵¹ Lihat *Fath al-Qarib*, hlm. 75)

Qaul Tamm

itu, solatnya sah dan berlaku hubungan antara imam dan makmum dalam solat berjemaah pada solat Jumaat tersebut.

Wacana 7: MAKMUM MENYANGKA IMAM TERKURANG RAKAAT

Pernah terjadi di surau saya selepas solat fardhu Isyak ketika orang ramai mula nak bangun untuk buat solat tarawih ada orang yang mengatakan bahawa solat imam tidak sah kerana imam buat 3 rakaat bukan 4 rakaat. Apabila ditanya kepada imam, dia yakin yang dia buat 4 rakaat. Hampir separuh jemaah surau yakin yang imam tadi buat 4 rakaat. Cuma ada yang tidak berpuas hati mengatakan imam buat 3 rakaat bukan 4 sehinggakan mereka marah-marah dan membentak. Perkara ini menimbulkan kekacauan di dalam kalangan jemaah surau. Adakah imam perlu mengulangi semula solatnya?

Pada asasnya, Makmum wajib untuk mengikut imam di dalam setiap pergerakan ketika solat berjemaah. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Sabda Nabi SAW :

إِنَّمَا حُجِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمْ بِهِ فَلَا تَحْتَلُّوْا عَلَيْهِ فَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوْا وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ فَقُوْلُوا
رَبِّنَا لَكَ الْحَمْدُ وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوْا وَإِذَا صَلَّى جَالِسًا فَصَلُّوْا جُلُوسًا أَجْمَعُونَ

Maksudnya :" Imam (di dalam solat) itu dijadikan untuk diikuti. Jangan kalian bercanggahan dengan imam. Apabila dia rukuk maka rukuklah. Apabila dia menyebut (Allah Maha Mendengar sesiapa yang memuji-Nya) maka katakanlah (Tuhan kami bagi

Engkau segala pujian). Apabila dia sujud maka bersujudlah. Apabila dia solat secara duduk maka solatlah kalian semua secara duduk”⁵²

Imam Al-Nawawi ketika mensyarahkan hadis ini beliau menyebut bahawa makmum wajib untuk mengikut imam ketika takbir, qiyam,rukuk, sujud dan lain-lain.Makmum perlu mengangkat takbir sejurus selepas imam melakukannya. Jika makmum melakukan apa-apa pergerakan solat sebelum imam selesai maka tidak sah solatnya⁵³.

Kembali kepada persoalan yang dikemukakan, imam tidak perlu untuk mengulangi solatnya jika dia meyakini dia telah menyempurnakan rakaat.Ini ditambah lagi dengan pengakuan dari sebahagian besar jemaah yang mengatakan bahawa imam telah menyempurnakan rakaatnya dengan sempurna tanpa ada pengurangan. Perkara ini berdasarkan kepada kefahaman daripada peristiwa yang pernah berlaku di zaman Nabi SAW. Daripada Abu Hurairah R.A. Beliau berkata :

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظُّهُرُ أَوِ الْعَصْرُ فَسَلَّمَ فَقَالَ لَهُ الْيَتَيُّونَ الصَّلَاةُ يَا رَسُولَ اللَّهِ أَنْفَضْتُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لِأَنْتُمْ بِهِ أَحَقُّ مَا يَقُولُ قَاتِلُوا نَعْمَ فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ أُخْرَيَيْنِ ثُمَّ سَجَدَ سَجْدَتَيْنِ

Maksudnya :"Nabi SAW pernah solat zohor atau asar bersama kami. Kemudian Baginda memberi salam. Lantas Zul Yadaini (yang mempunya dua tangan yang panjang)⁵⁴ berkata : Wahai Rasulullah, adakah solat telah berkurang (rakaatnya). Maka Nabi SAW berkata kepada para sahabat Baginda : adakah benar apa yang dikatakan oleh Zul Yadain. Para

⁵² Riwayat Al-Bukhari (722) & Muslim (962)

⁵³ Rujuk Al-Minhaj Syarh Sohih Muslim, 4/131.

⁵⁴ Nama sebenar beliau Al-Khirbaq Al-Sulami (Rujuk *Irsyad Al-Sari Li Syarh Sohih Al-Bukhari* , 2/365)

Qaul Tamm

sahabat menjawab : ya, benar. Lalu Rasulullah menyambung dua rakaat yang berbaki kemudian sujud dua kali.”⁵⁵

Daripada hadis ini, dapat kita fahami jika ramai yang bersetuju bahawa imam terkurang rakaatnya dan imam meyakini bahawa memang dia meninggalkan rakaat maka wajib bagi imam untuk menyempurnakan rakaat yang berbaki dan kemudian melakukan sujud sahw. Adapun jika imam sudah meyakini bahawa dia telah melakukan rakaat dengan sempurna tanpa ada pengurangan dan jumlah yang syak terhadap solatnya itu sedikit maka imam perlu beramal dengan apa yang dia diyakini⁵⁶.

Ini dikuatkan lagi dengan pernyataan daripada Imam Al-Nawawi. Beliau berkata jika imam bangun dan dia meyakini bahawa ketika itu adalah rakaat yang keempat sedangkan ada yang menyangka bahawa imam terlebih rakaat dan dia menegur imam. maka pada ketika itu imam tidak perlu untuk mengikut kata mereka. Dia beramal dengan apa yang dia yakini⁵⁷.

Abu Al-Fath Muhammad Al-Aqfahsi menyatakan bahawa jika imam sudah meyakini bahawa dia telah menyempurnakan rakaat, makmum tidak boleh menganggunya. Diab oleh bertasbih untuk menegur namun tidak wajib bagi imam untuk mengikutnya. Ini kerana imam telah meyakini apa yang telah dia lakukan. Maka makmum yang syak itu apabila imam memberi salam dia perlu mufaraqah dan bangun menyempurnakan rakaat yang dirasakan kurang⁵⁸.

⁵⁵ Riwayat Al-Bukhari (1151)

⁵⁶ (Rujuk Al-Bayan Fi Mazhab Al-Imam Al-Syafi'i, 2/388).

⁵⁷ Rujuk Raudhah Al-Tolibin Wa 'Umdah Al-Muftin, 1/308

⁵⁸ Rujuk Al-Qaul Al-Tamm Fi Ahkam Al-Ma'mum Wa Al-Imam, hlm 80

Bagi makmum yang syak terhadap jumlah rakaat yang telah dilakukan oleh imam dan syaknya itu berterusan sehingga imam selesai solat. Dalam keadaan dia tidak mufaraqah dan menambah rakaat, maka tidak sah solatnya dan dia perlu mengulangi semula solatnya.

Kesimpulannya, imam tidak perlu mengulangi solat jika dia telah meyakini jumlah rakaat yang telah dilakukan. Ditambah pula dengan pangkuan sebahagian besar jemaah yang mengatakan bahawa imam telah menyempurnakan jumlah rakaat. Bagi makmum yang syak, jika dia berterusan syak sehingga imam selesai solat dalam keadaan dia tidak mufaraqah dan menambah rakaat maka solatnya tidak sah. Dia perlu mengulangi semula solatnya.

Wacana 8: IMAM KHILAF DALAM SOLAT

imam hanya melaksanakan 3 rakaat sahaja untuk solat asar, tetapi makmum lelaki tidak tegur. Jemaah wanita ada yang mufarakah. Apakah cara terbaik bagi makmum dalam keadaan ini?

Hendaklah menyebut tasbih atau subhanallah dan sekiranya imam tetap memberi salam, maka sambungkanlah satu rakaat yang berbaki untuk mencukupkan bilangan rakaat tersebut.

Qaul Tamm

Wacana 9: HUKUM ISTERI MEMBETULKAN BACAAN SUAMI DALAM SOLAT

Menegur kesalahan imam dalam solat Jemaah telah disyariatkan melalui sabda Rasullah SAW:

الْتَّسْبِيحُ لِلرَّجَالِ وَالتَّصْفِيقُ لِلنِّسَاءِ

Maksudnya: Bertasbih itu untuk lelaki, menepuk pula untuk wanita⁵⁹.

Para ulama juga bersepakat bahawa ma'mum perlu menegur dan membetulkan imam jika dia tersalah atau terlupa pada bacaan al-Qur'an atau pada perbuatan-perbuatan solat yang lain⁶⁰.

Ibn Hajar al-'Asqalani menyatakan tegahan tasbih (menyebut Subhanallah secara kuat) oleh wanita adalah kerana mereka disuruh untuk merendahkan suara dalam solat untuk mengelakkan fitnah, manakala lelaki ditegah daripada menepuk kerana ia lebih sinonim dengan wanita⁶¹.

Menurut Ibn Abd al-Barr pula, beliau menukilkan pandangan sebahagian ahli ilmu yang menyatakan bahawa sebab makruhnya tasbih oleh wanita, dan keharusan menepuk untuk menegur imam adalah kerana kelembutan suara kebanyakan wanita dan mungkin ia akan mengganggu konsentrasi jemaah lelaki⁶².

⁵⁹ Sahih al-Bukhari (1203), Sunan Abi Daud (939) dan Sunan al-Nasa'ie (1210)

⁶⁰ Rujuk Al-Taj wa al-Ikhl 2/27, Mathalib Uli al-Nuha 1/485 dan Nail al-Authar 2/373

⁶¹ Rujuk Fath al-Bari 3/77

⁶² Rujuk Al-Tamhid lima fi al-Muwatta' min al-Ma'ani wa al-Asanid 21/108

Menurut Imam al-Zarkasyi pula, menepuk untuk menegur imam adalah dalam keadaan wujudnya lelaki-lelaki ajnabi; adapun jika jemaah solat dan imam terdiri daripada wanita atau lelaki-lelaki mahram, maka hendaklah mereka bertasbih secara jahar (kuat dan terang)⁶³.

Inilah juga fatwa yang dikemukakan oleh Syeikh Nuh ‘Ali Salman dan Syeikh Abdullah bin Baz, dimana harus bagi wanita menegur imam juga yang hadir hanyalah suami, wanita atau lelaki-lelaki mahram. Bahkan Syeikh Ibn Baz mengharuskan wanita menegur imam dalam solat jemaah jika sekiranya tiada lelaki yang berbuat demikian. Suara wanita bukanlah aurat, dan aurat hanyalah jika melembut-lembutkan dan melayukan suara, dan inilah yang dilarang.

Kesimpulannya, kami memilih pandangan yang mengharuskan wanita menegur imam secara bertasbih jika imam tersalah atau membetulkan bacaan imam jika terlupa, dengan syarat jika dia solat bersama suami, lelaki mahram atau sesama wanita. Namun yang lebih afdhal ialah menegur dengan cara menepuk.

Adapun jika solat jemaah bersama lelaki ajnabi, maka dia dilarang menegur secara tasbih, dan hendaklah dia menegur secara menepuk sahaja.

⁶³ Rujuk Mughni al-Muhtaj 1/418)

PERLUKAH SUJUD SAHWI JIKA IMAM MENINGGALKANNYA ?

Apakah hukum jika imam tertinggal qunut subuh dan tidak melakukan sujud sahwai atau sengaja meninggalkannya, adakah wajib kita sujud sahwai selepas imam memberi salam ?

Pertama sekali, perlulah kita ketahui apakah definisi sujud sahwai dan keadaan-keadaan yang menyebabkan berlakunya sujud sahwai.

Menurut kitab al-Feqh al-Manhaji : Al-Sahwu adalah suatu kekurangan yang berlaku pada orang yang sedang solat di dalam solatnya. Sama ada ia berlaku secara sengaja ataupun secara terlupa. Dan sujud - tempatnya di penghujung solat - sebagai jabr (suatu yang menguatkan) kekurangan tersebut⁶⁴.

Perbuatan sujud sahwai ini adalah bersumberkan kepada sebuah kisah yang masyhur sebagai kisah Zul Yadain, yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A beliau berkata:

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الظَّهَرَ أَوِ الْعَصْرَ ، فَسَأَمْ ، فَقَالَ لَهُ ذُو الْيَتَمَيْنِ : الصَّلَاةُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ، أَنْقَصْتَ ؟ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : أَحَقُّ مَا يَقُولُ ؟ قَالُوا نَعَمْ ، فَصَلَّى رَكْعَتَيْنِ أُخْرَيَتَيْنِ ، ثُمَّ سَجَدَ سَجْدَتَيْنِ

⁶⁴ Rujuk Al-Feqh al-Manhaji (1/172).

Maksudnya: Nabi S.A.W mengimamkan solat zohor atau asar bersama kami. Kemudian baginda memberi salam. Maka berkata Zul Yada'in kepada Nabi : Solat wahai Rasulullah, adakah kau telah mengurangkannya ? Maka Nabi S.A.W bersabda : Benarkah apa yang dia katakan ? Maka para sahabat pun berkata : Ya. Lalu baginda melakukan dua solat yang berbaki, kemudian sujud sebanyak dua kali.⁶⁵

Di antara sebab yang menuntut kepada sujud sahwu adalah: Seseorang itu meninggalkan salah satu dari sunat ab'adh di dalam solat. Sunat-sunat ab'adh di dalam solat adalah beberapa perkara berikut:

- Al-Tasyahhud Al-Awwal
- Selawat ke atas Nabi S.A.W selepas tasyahhud yang pertama.
- Duduk untuk tasyahhud awal.
- Selawat ke atas ahli keluarga Nabi S.A.W sesudah tasyahhud akhir.
- Qunut semasa i'tidal pada rakaat kedua solat fajar.

Di antara dalil yang menguatkannya adalah sebuah riwayat daripada Al-Mughirah bin Syu'bah, beliau berkata: Rasulullah S.A.W bersabda:

إِذَا قَامَ أَحَدُكُمْ مِنَ الرَّكْعَيْتِينَ فَلْمَ يَسْتَتِمْ قَائِمًا فَلْيَجُلِّسْ ، وَإِذَا اسْتَتَ قَائِمًا فَلَا يَجْلِسْ ، وَيَسْجُدْ سَجْدَةِ السَّهْرِ

Maksudnya: Apabila salah seorang dari kamu bangun daripada dua rakaat, dan masih belum berdiri sempurna maka hendaklah dia duduk. Dan apabila telah berdiri dalam keadaan sempurna, janganlah dia duduk serta dia sujud sebanyak dua kali sujud sahwu.⁶⁶

⁶⁵ Riwayat al-Bukhari (1169).

⁶⁶ Riwayat Ibn Majah (1208)

Qaul Tamm

Riwayat di atas menunjukkan bahawa sekiranya seseorang itu terus bangun daripada tasyahhud awal, sekiranya dia telah berdiri dalam keadaan sempurna, hendaklah dia teruskan dan jangan duduk semula. Sebaliknya dia perlu melakukan sujud sahwai.

Kesimpulan

Berdasarkan beberapa penjelasan dan hujah yang kami kemukakan di atas, seseorang imam yang tertinggal atau sengaja meninggalkan doa qunut semasa solat subuh, adalah disunatkan untuk dia melakukan sujud sahwai. Namun sekiranya dia tidak melakukannya, ini tidaklah membatalkan solatnya. Ini kerana, sujud sahwai hukumnya adalah sunat apabila berlakunya sebab-sebab yang tertentu seperti yang telah kami sebutkan.

Manakala bagi makmum pula, adalah menjadi tuntutan untuk dia mengikut imamnya dalam pergerakan solat. Sekiranya imam melakukan sujud sahwai, hendaklah dia turut melakukannya. Namun sekiranya imam tidak melakukan sujud sahwai (apabila telah berlaku sebab yang menuntut), maka tidak perlu untuk makmum melakukannya setelah imam memberi salam.

Wacana 10 :[**Bagaimana Jika Terlupa Sujud Sahwi?**](#)

Saya difahamkan sujud sahwai dibuat kerana terlupa rakaat sembahyang. Jika kita terlupa sujud sahwai, bagaimana kedudukan sembahyang tersebut? Terlupa disebabkan faktor umur.

Sujud sahwī dan hukumnya yang dinukilkan daripada kitab al-Fiqh al-Manhaji secara ringkas seperti berikut:

Maksud sahwī dari segi bahasa ialah lupa atau lalai akan sesuatu. Dalam konteks ini, sahwī ialah kecacatan solat yang dilakukan seseorang ketika bersolat sama ada disengajakan atau terlupa.

Oleh itu sujud ini – yang dilakukan di penghujung solat – akan menjadi penutup kepada kecacatan tersebut.

Ita dilakukan dengan cara sujud sebanyak dua kali sepertimana sujud-sujud di dalam solat dengan niat sujud sahwī. Tempatnya ialah pada akhir solat sebelum salam.

Hukum sujud sahwī adalah sunat apabila terjadi salah satu daripada sebab-sebabnya⁶⁷.

Menjawab persoalan di atas, jika terlupa hukumnya adalah dimaafkan. Ini juga kerana hukum asalnya adalah sunat. Hal ini sepertimana disebut dalam firman Allah SWT:

عَفَا اللَّهُ عَمَّا سَأْفَتْ

Maksudnya: “Allah maafkan apa yang telah lalu.”

(Surah al-Maidah: 95)

⁶⁷ Lihat al-Fiqh al-Manhaji, 1/443

WAS-WAS DALAM IBADAT

Saya ada masalah dengan was-was. saya rasa was-was saya dah sangat teruk sebab kadang-kadang saya rasa penat dengan was-was. Bila saya nak abaikan was-was tu, saya takut ibadah saya tak sah ?

Pertama sekali amat penting kita hadam dengan sebaik mungkin bahawa was-was ini adalah mainan syaitan, sedangkan syaitan itu secara nyata adalah musuh manusia. Firman Allah SWT:

اللَّهُ أَعْهَدُ إِلَيْكُمْ يَا ابْنَيَّ إِنَّمَا أَنَّ لَا تَعْمَلُوا الشَّيْطَانَ إِنَّمَا أَكُونُ عَذُूٰ مُبِينٌ * وَأَنَّ أَعْذُّنِي هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

Maksudnya: "Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam, supaya kamu jangan menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang nyata terhadap kamu! "Dan (Aku perintahkan): hendaklah kamu menyembahKu; inilah jalan yang lurus."

(Surah Yasin, 36:60-61)

Justeru, menentang syaitan ialah suatu kewajipan. Antara serangan syaitan itu sendiri ialah melalui was-was, seperti yang difirmankan Allah SWT:

الَّذِي يُوَسْوِسُ فِي صُدُورِ النَّاسِ

Maksudnya: "Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia"

Perangkap syaitan ini juga jika tidak dibendung boleh membawa kepada rosaknya aqidah. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الشَّيْطَانَ يَأْتِي أَحَدُكُمْ، فَيَقُولُ: مَنْ خَلَقَ السَّمَاوَاتِ؟ فَيَقُولُ: اللَّهُ عَزَّ وَجَلَّ، فَيَقُولُ: مَنْ خَلَقَ الْأَرْضَ؟ فَيَقُولُ: اللَّهُ، فَيَقُولُ: مَنْ خَلَقَ اللَّهَ؟ فَإِذَا أَحَدُكُمْ بَشَّيَءٌ مِّنْ ذَلِكَ، فَلَيْقُلْ: آمَنْتُ بِاللَّهِ وَبِرَسُولِهِ

Maksudnya: Sesungguhnya syaitan akan datang kepada salah seorang daripada kalian lalu bertanya: Siapa yang menciptakan langit? Dia menjawab: Allah Azza wa Jalla. Lalu syaitan bertanya lagi: Siapa yang menjadikan bumi? Dia berkata: Allah. Syaitan bertanya lagi: Siapa yang menjadikan Allah? Jika salah seorang daripada kalian berasa sesuatu seperti itu maka katakanlah: Aku beriman dengan Allah dan dengan Rasul-Nya (dalam riwayat lain: beristi'azahlah, atau mohonlah perlindungan, dengan Allah nescaya bisikan itu akan pergi).⁶⁸

Jika was-was berlaku dalam perhitungan rakaat solat, Rasulullah SAW mengajar cara berikut:

إِذَا شَكَ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاتِهِ، فَلْمَ يَرْكِمْ صَلَى ثَلَاثًا أَمْ أَرْبَعًا، فَلْيَطْرُحِ الشَّكَ وَلَيْنَ عَلَى مَا اسْتَيقَنَ، ثُمَّ يَسْجُدْ سَجْدَتَيْنِ قَبْلَ أَنْ يُسْلِمَ، فَإِنْ كَانَ صَلَى حَمْسًا شَفَعَنَ لَهُ صَلَاتُهُ، وَإِنْ كَانَ صَلَى إِنْتَامًا لِأَرْبَعَ كَانَتْ تَرْغِيمًا
للشيطان

Maksudnya: Jika salah seorang daripada kalian berasa syak dalam solatnya, dan dia tidak ingat berapa rakaat telah dia solat; tiga atau empat

⁶⁸ Hadis riwayat Ahmad (8376) dalam Musnad

Qaul Tamm

rakaat. Maka buanglah syak itu dan tetapkan diri atas apa yang dia yakini, kemudian dia sujud (sahwi) sebanyak dua rakaat sebelum (mengucapkan) salam, kerana jika dia solat sebanyak lima rakaat maka akan genap sempurnalah bagi dia solatnya, dan jika nyata dia solat empat rakaat, maka jadila dua sujud (sahwi) itu suatu penghinaan bagi syaitan.⁶⁹

Mengambil bilangan rakaat yang lebih dan sujud sahwinya itu bertindak sebagai penghalang kepada bisikan syaitan.

Selain itu, bentuk was-was ini juga jika dibiarkan boleh terbawa-bawa dalam bentuk-bentuk lain, seperti basahnya pakaian kerana berulang-ulang mengambil wuduk dan menyusahkan orang lain contohnya dalam al-Fatihah dan takbiratul ihram yang kuat dan mengganggu. Nasihat kami, bahawa tinggalkan dan abaikan perasaan itu, dan bina keyakinan dengan belajar ilmu agama, juga berdoalah kepada Allah Azza wa Jalla, contohnya seperti yang diajar oleh Allah SWT:

رَبِّيْ أَعُوْذُ بِكَ مِنْ هَمَّزَاتِ الشَّيَاطِينِ وَأَعُوْذُ بِكَ رَبِّيْ أَنْ يَخْطُرُونَ

Maksudnya: "Wahai Tuhanmu, aku berlindung kepadaMu dari hasutan Syaitan-syaitan dan aku berlindung kepadaMu, wahai Tuhanmu, supaya Syaitan-syaitan itu tidak menghampiriku". "Dan aku berlindung kepadaMu, wahai Tuhanmu, supaya Syaitan-syaitan itu tidak menghampiriku".⁷⁰

Juga doa yang biasa diamalkan oleh Rasulullah SAW seperti yang diriwayatkan oleh Saidina Aisyah Radhiyah:

⁶⁹ Hadis riwayat Muslim, No.571.

⁷⁰ Surah al-Mukminun, 23:97-98

يَا مُقْلِبَ الْفُلُوبِ تَبَثُّ فُلُبِي عَلَى دِينِكَ وَطَاعَتِكَ

Maksudnya: Wahai (Tuhan) yang membolak-balikkan hati-hati, tetapkanlah hatiku atas agama-Mu dan ketaatan kepada-Mu.⁷¹

Wacana 12 : Maknum Masbuq Ketika Imam Tahiyat Akhir, Perlu Membaca Tahiyat Akhir Atau Awal?

Jika maknum yang masbuq berjemaah dengan imam yang sedang tahiyat akhir, adakah maknum tersebut perlu membaca bacaan tahiyat akhir atau awal?

⁷¹ Hadis riwayat Imam Ahmad (26133) dalam Musnad

Apabila maknum masbuq berjemaah bersama imam yang sedang keadaan duduk pada tahiyyat akhir, maka maknum disunatkan membaca bacaan tahiyyat akhir juga iaitu termasuk selawat dan salam ke atas ahli keluarga Nabi SAW dan bacaan selepas daripada itu.

Pertama hendaklah difahami terlebih dahulu maksud maknum muwafiq dan masbuq. Maknum yang muwafiq ialah maknum yang mempunyai masa yang cukup untuk membaca al-Fatihah selepas takbiratul ihram dengan bacaan kadar kelajuan sederhana ketika imam sedang berdiri pada rakaat pertama⁷².

Manakala maknum yang tidak sempat menyempurnakan bacaan al-Fatihah selepas takbiratul ihram pada rakaat pertama dan berjemaah bersama imam selepas itu maka ia merupakan maknum masbuq⁷³.

Dalam hal ini seorang maknum sama ada masbuq atau muwafiq hendaklah mengikut kepada imamnya dalam solat berjemaah. Hal ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW bahawa Baginda bersabda:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمْ بِهِ فَإِذَا رَكَعَ، فَارْكُعُوا وَإِذَا رَفِعَ، فَارْفَعُوا

⁷² وإن وجد الإمام في الأقيام قبل أن يركع وقف معه فإن أدرك معه قبل الركوع زمانا يسع الفاتحة بالذريعة للوسط المعتدل فهو مواقي ف يجب عليه ائتمام الفاتحة ويختلف له التخلف بثلاثة أركان طولية كما تقدم. (راجع نهاية الزين في إرشاد المبتدئين، ج 1، ص 124)

⁷³ وإن لم يدرك مع الإمام زمانا يسع الفاتحة فهو مسؤول وفراماً ما أمكنه من الفاتحة ومتنى رفع الإمام وجوب عليه الركوع معه. (راجع نهاية الزين في إرشاد المبتدئين، ج 1، ص 124)

Maksudnya: Sesungguhnya imam itu untuk diikuti. Justeru apabila dia rukuk maka hendaklah kalian rukuk. Apabila dia berdiri untuk iktidal, maka hendaklah kalian berdiri iktidal⁷⁴.

Oleh yang demikian, makmum hendaklah mengikuti kepada perbuatan zahir imam dalam solat berjemaah. Apabila makmum mengikuti imam ketika sedang duduk tahiyyat akhir, maka hendaklah makmum membaca bacaan tahiyyat akhir.

Ini sepertimana yang disebutkan dalam banyak kitab Fiqh al-Syafie, antaranya dijelaskan oleh Imam Zakaria al-Ansari bahawa:

أَمَّا الْمَسْتُوقُ إِذَا أَذْرَكَ رَكْعَتْنِينَ مِنِ الرُّبَاعِيَّةِ فَإِنَّهُ يَشْهُدُ مَعَ الْإِيمَانِ شَهَادَةُ الْآخِرِ وَهُوَ أَوَّلُ الْمُأْمُونِ وَلَا يُغَرِّهُ لَهُ الدُّعَاءُ فِيهِ بَلْ يُسْتَحْكُ.

Maksudnya: Adapun makmum yang masbuq, jika dia sempat mengikut imam dua rakaat terawal daripada solat empat rakaat, maka dia hendaklah membaca bacaan tahiyyat akhir bersama imam walaupun ia merupakan tahiyyat awal baginya(makmum). Selain itu, tidak makruh baginya untuk membaca doa yang lain ketika duduk tahiyyat tersebut bahkan disunatkan⁷⁵.

Apa yang dimaksudkan dengan ‘doa’ tersebut ialah selawat dan salam ke atas ahli keluarga Nabi SAW dan selepas itu daripada bacaan tahiyyat akhir. Ini apa yang disebutkan oleh Imam al-Syarwani dalam Hasyiah-nya bahawa:

⁷⁴ Riwayat al-Bukhari (688) dan Muslim (412)

⁷⁵ Asna al-Mathalib fi Syarh Raudh al-Talib, Dar Kitab al-Islami, Beirut, jld. 1, hlmn. 166.

وَالْمُرَادُ بِالدُّعَاءِ الصَّلَاةُ عَلَى الْأَلَّ وَمَا بَعْدُهُ كَمَا يُصَرِّحُ بِهِ مَا يَأْتِي عَنْ سَمْ وَقْوَلَهُ مِنْ رَبِّهِ لَا يُكْرَهُ
لَهُ الدُّعَاءُ إِلَحْ وَمِنْهُ الصَّلَاةُ عَلَى الْأَلَّ كَمَا نَهَىٰ سَمْ عَلَى حَجَّ عَنْ إِفْتَاءِ الشَّهَابِ الرَّمْلِيِّ اهـ

Maksudnya: Apa yang dimaksudkan dengan doa tersebut ialah selawat dan salam ke atas ahli keluarga Nabi SAW dan bacaan yang selepasnya daripada tahiyat akhir seperti yang dijelaskan Imam Ahmad Ibn Qasim al-'Abadi. Kata beliau iaitu Imam Syamsuddin al-Ramli, bahawa tidak dimakruhkan baginya doa, antaranya ialah selawat dan salam ke atas ahli keluarga Nabi SAW seperti dinyatakan oleh Imam al-'Abadi daripada Ibn Hajar al-Haitami dinukil daripada fatwa Imam Syihabuddin al-Ramli⁷⁶.

Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa makmum masbuq yang berjemaah bersama imam yang sedang keadaan tahiyat akhir, maka makmum disunatkan membaca bacaan tahiyat akhir juga iaitu termasuk selawat dan salam ke atas ahli keluarga Nabi SAW dan bacaan selepas daripada itu.

Wacana 13

Hanya Sempat Satu Rakaat Solat Jumaat?

Adakah saya mendapat Jumaat jika saya terlewat hadiri solat Jumaat, dan hanya sempat satu rakaat sahaja bersama imam, iaitu di rakaat kedua? Adakah saya perlu tambah satu rakaat sahaja atau perlu solat Zohor?

Firman Allah SWT:

⁷⁶ Al-Syarwani, Abdul Hamid, 1983, Hasyiah al-Syarwani ala Tuhfat al-Muhtaj Syarh al-Minhaj, Dar Ihya al-Turath al-Arabiyy, Beirut, jld 2, hlmn. 87.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا ثُوُبَي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ دُلْكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."⁷⁷

Menurut Syeikh al-Sa'di, ayat ini mengajar kita bahawa Allah SWT menyuruh hamba-hamba-Nya yang beriman supaya bersegera hadir ke masjid untuk solat Jumaat sejurus azan dikumandangkan, dan menjadikan solat Jumaat itu sebagai keutamaan dan urusan yang paling utama.⁷⁸

Maksud (فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ) segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah), para ulama mentafsirkannya dengan maksud segera untuk mendengar khutbah jumaat dan melakukan solat Jumaat selepasnya.⁷⁹

Imam Syaukani pula menyatakan: Allah SWT memerintahkan di dalam kitab-Nya yang mulia supaya bersegera zikrullah. Dan khutbah adalah salah satu bentuk dari zikrullah. Sekiranya khutbah tidak termasuk dalam maksud zikrullah pun, maka khutbah itu hukumnya fardhu.⁸⁰

Islam melarang segala bentuk aktiviti melalaikan apabila muazin telah mengumandangkan azan kedua berdasarkan firman Allah SWT di atas.

⁷⁷ Surah al-Jumu'ah: 9

⁷⁸ *Tafsir al-Sa'di*, 1/863

⁷⁹ *Tafsir Ayat al-Ahkam* oleh Syeikh Ali al-Sobuni, 2/362

⁸⁰ *al-Sail al-Jarrar al-Mutadafiq 'ala Hadaiq al-Azhar* hlm. 182

Qaul Tamm

Syeikh Jalaluddin al-Mahalli menyatakan: "Perkataan perintah dalam ayat tersebut menunjukkan kepada kewajiban, dalam konteks ini dengan cara meninggalkan jual beli, maka haram melakukannya. Diquyaskan dengan jual beli, iaitu segala aktiviti yang telah kami jelaskan, kerana secara maknanya sama dengan jual beli dalam isu melalaikan Jumaat." [5]⁸¹

Syeikh 'Umairah pula menjelaskan: Ini memberi petunjuk kepadamu bahawa seseorang yang rumahnya sangat dekat dengan masjid jami' dan dia meyakini dapat memperoleh Jumaat sekiranya dia menyusul di pertengahan khutbah, (tetap) haram baginya menetap di rumah kerana kesibukannya bersama keluarga atau lainnya, bahkan wajib baginya untuk bergegas menuju masjid jami', kerana mengamalkan firman Allah SWT, "إِذَا... نُودِي لِلصَّلَاةِ" (Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang...)⁸²

Selain itu, terdapat banyak hadith yang menuntut seseorang itu untuk hadir awal ke masjid bagi tujuan menunaikan solat Jumaat. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

مَنْ اغْتَسَلَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ غُسْلَ الْجَنَابَةِ ثُمَّ رَاحَ، فَكَانَمَا قَرُبَ بَنَّهُ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الثَّانِيَةِ، فَكَانَمَا قَرُبَ كُبَشًا أَفْرَنَ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الرَّابِعَةِ، فَكَانَمَا قَرُبَ دَجَاجَهُ، وَمَنْ رَاحَ فِي السَّاعَةِ الْخَامِسَةِ، فَكَانَمَا قَرُبَ بَيْضَهُ، فَإِذَا خَرَجَ إِلَمَامٌ حَضَرَتِ الْمَلَائِكَةُ يَسْتَمِعُونَ إِلَيْهِ

Maksudnya: "Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (seperti) mandi janabah lalu segera pergi ke masjid, maka seakan-akan berkurban dengan unta, sesiapa yang pergi pada masa yang kedua, maka seakan-akan dia berkurban dengan lembu, dan sesiapa pergi pada masa yang ketiga, maka seakan-akan dia berkurban dengan biri-biri jantan yang bertanduk, dan

⁸¹ *Kanz al-Raghibin Syarh Minhaj al-Thalibin*, 1/ 334

⁸² *Hasyiyah Umairah 'ala al-Mahalli*, 1/ 334

sesiapa yang pergi pada masa yang keempat seakan-akan dia berkorban dengan seekor ayam, dan sesiapa yang pergi pada masa kelima, maka seakan-akan dia berkorban dengan sebiji telur dan apabila imam telah keluar (untuk berkutbah) maka para malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan (khutbah)."⁸³

Antara yang boleh difahami berdasarkan hadith di atas adalah tuntutan buat umat Islam agar hadir awal ke masjid disebabkan ganjaran yang terdapat di dalam hadith. Ini juga disebutkan oleh Imam al-Nawawi RA: "Telah bersepakat ashab kami dan selain daripada mereka bahawa sunat hadir awal ke solat Jumaat pada masa yang pertama berdasarkan hadith yang lepas (hadith di atas). Melihat kepada masa-masa yang disebutkan di atas terdapat tiga pendapat iaitu:

Setelah terbitnya fajar dan ini yang dipilih oleh penulis (Imam al-Syirazi) dan ramai ulama'.

Setelah terbitnya matahari dan pendapat ini tidak dipilih di dalam kitab al-Tanbih serta mengingkari pendapat ini bagi sesiapa yang berpegang teguh padanya.

Masa-masa yang dimaksudkan adalah tempoh-tempoh yang singkat selepas tergelincir (matahari) dan inilah yang dipilih oleh al-Qadhi Husain, Imam al-Haramain dan selain daripada kedua mereka dari ahli Khurasan dan ini adalah mazhab Malik.⁸⁴

Menurut kitab al-Mu'tamad dalam mazhab al-Syafie, dikira masa-masa tersebut di atas bermula dari terbitnya fajar kerana ia merupakan permulaan

⁸³ Riwayat al-Bukhari (881) dan Muslim (850)

⁸⁴ **al-Majmu'**, 4/540

Qaul Tamm

pensyariatan (solat Jumaat) dan padanya juga dibolehkan untuk mandi sunat Jumaat.⁸⁵

Di akhir hadith, dinyatakan bahawa malaikat akan mendengar khutbah apabila imam telah keluar. Ini menunjukkan bahawa barangsiapa yang hadir selepas daripada imam keluar tidak akan memperolehi ganjaran orang yang hadir awal ke solat Jumaat. Di samping itu, tuntutan datang awal ke masjid adalah bagi menggalakkan orang untuk mendapatkan fadhilat yang disebutkan di dalam hadith⁸⁶, mendapatkan kelebihan saf pertama, menunggunya serta menyibukkan diri dengan perkara-perkara sunat dan berzikir atau seumpama dengannya. Ini semuanya tidak akan diperolehi dengan pergi ke masjid selepas gelincirnya sebahagian daripadanya (matahari) dan tidak juga mendapat kelebihan jika datang selepas daripada tergelincirnya (matahari) kerana ketika itu seruan (azan) dikumandangkan.⁸⁶

Berkenaan persoalan di atas, jika dia sempat satu rakaat bersama dengan Imam, maka dia mendapat Jumaat. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW:

مَنْ أَذْرَكَ رُكْعَةً مِّن الصَّلَاةِ، فَقَدْ أَذْرَكَ الصَّلَاةَ

Maksudnya: “Barangsiapa yang sempat mendapat satu rakaat daripada solat (solat jumaat dan lain-lain) maka dia mendapat solat itu.”⁸⁷

Disebabkan dia sempat satu rakaat bersama imam, maka dia hanya perlu menambah satu rakaat sahaja. Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

⁸⁵ Lihat *al-Mu'tamad*, 1/528-529

⁸⁶ Lihat al-Minhaj, 541/4

⁸⁷ Riwayat Bukhari (580) dan Muslim (607)

مَنْ أَذْرَكَ مِنَ الْجُمُعَةِ رَكْعَةً فَلْيُصَلِّ إِلَيْهَا أُخْرَى

Maksudnya: "Barangsiapa yang sempat satu rakaat (bersama imam) dalam solat Jumaat maka dia tambah satu rakaat lagi."⁸⁸

Akan tetapi, jika dia tidak sempat satu rakaat bersama imam, maka dia perlu menambah 4 rakaat solat Zuhur. Sebagai contoh dia datang ketika imam sedang tahiyat akhir. Ini kerana solat Jumaat wajib secara berjemaah. Daripada Tariq bin Syihab RA, Nabi SAW bersabda:

الْجُمُعَةُ حُقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَاعَةٍ

Maksudnya: "Jumaat itu adalah hak wajib setiap Muslim lelaki dalam keadaan berjemaah."⁸⁹

Pengarang al-Fiqh al-Manhaji menyebut: Sesungguhnya dikira dapat berjemaah dalam solat Jumaat dengan dapat sekurang-kurangnya satu rakaat penuh. Oleh itu, sekiranya dapat satu rakaat sahaja maka Jumaatnya sah.⁹⁰

Di dalam Syarh al-Zad dan Hasyiahnya menyebut: "Sesiapa yang mendapati bersama imam sempat satu rakaat solat Jumaat, maka dia sempurnakan satu rakaat lagi secara ijmak. Tetapi jika tidak sempat walaupun satu rakaat – seperti imam i'tidal pada rakaat, kemudian seseorang itu baru masuk solat bersamanya – maka hendaklah dia sempurnakan solat Zuhur dengan empat rakaat."⁹¹

⁸⁸ Riwayat Ibn Majah (1121), al-Baihaqi dalam al-Sunan al-Kubra (5945) dan al-Hakim (1708)

⁸⁹ Riwayat Abu Daud (1067)

⁹⁰ Lihat al-Fiqh al-Manhaji, 1/509

⁹¹ Lihat Taudhibh al-Ahkam, 2/572

Wacana 14

HUKUM MELAKSANAKAN SOLAT JUMAAT DI HALAMAN MASJID ATAU
TANAH LAPANG

Syariat Islam mewajibkan bagi umat Islam dalam kalangan lelaki, baligh, berakal, orang yang bermukim di sesuatu tempat dan tidak mempunyai keuzuran, untuk mendirikan solat Jumaat secara berjemaah. Ini berdasarkan dalil daripada al-Quran, hadith dan Ijma'. Allah SWT berfirman di dalam al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ثُلُثُمَ حَيْزُ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan (bang) untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu); yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).⁹²

Imam al-Sarkhasi dalam menafsirkan ayat ini menyatakan bahawa arahan untuk bersegera tersebut tidak memberi makna lain kecuali makna wajib, serta arahan untuk meninggalkan jual-beli yang pada asal hukumnya adalah harus kerana solat Jumaat menunjukkan kewajipan solat tersebut.⁹³

⁹² Surah al-Jumu'ah: 9

⁹³ Rujuk al-Mabsuth lil Sarkhasi, 2:21

Begitu juga, sabda Rasulullah SAW:

الْجَمِعَةُ حَقٌّ وَاجِبٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ فِي جَمَائِهِ إِلَّا أَرْبَعَةُ عَبْدٌ مَنْلُوكٌ أَوْ امْرَأٌ أَوْ صَبَّيٌ أَوْ مَرِيضٌ

Maksudnya: Solat Jumaat merupakan satu hak kewajipan ke atas setiap orang muslim untuk mendirikannya secara berjemaah, kecuali hamba yang dimiliki oleh tuannya, perempuan, kanak-kanak dan orang yang sakit.⁹⁴

Disamping itu, telah berlaku ijma' dalam kalangan ulama' berkenaan kewajipan solat Jumaat ke atas orang lelaki, muslim, baligh, yang bermukim di sesuatu tempat dan tiada keuzuran baginya yang membolehkan dia meninggalkan solat Jumaat secara berjemaah.⁹⁵

Berdasarkan dalil dan hujah di atas, jelaslah kepada kita tentang kewajipan solat Jumaat yang dilaksanakan secara berjemaah.

Walau bagaimanapun, kewajipan melaksanakan solat Jumaat secara berjemaah tidak disyaratkan solat Jumaat tersebut dilakukan di dalam bangunan masjid mengikut kepada pandangan jumhur ulama'. Ini seperti para ulama' Hanafiyyah, Syafi'iyyah dan Hanabilah, mereka tidak mensyaratkan untuk solat Jumaat diadakan di dalam masjid.⁹⁶

Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Nawawi RA dalam kitabnya, al-Majmu' Syarh al-Muhazzab dengan berkata:

⁹⁴ Hadith riwayat Abu Daud, (1:644)

⁹⁵ Rujuk Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 27:193

⁹⁶ Rujuk Fatawa Syar'iyyah Wa Buhuth Islamiah, 1:274

Qaul Tamm

وَ لَا يُشترطُ إقامتها فِي مسجِدٍ وَ كِنْ ثَجُورُ فِي سَاحِهِ مُكْشوفَةٌ وَ سَوَاءٌ صَلُوها فِي رُبْعٍ أَمْ سَاحِهِ سَوْ لَوْ
أَنْهَمَتْ أَبْنِيَةُ الْقَرْيَةِ أَوِ الْبَلْدَةِ فَإِقَامَ أَهْلَهَا عَلَى عِمَارَتِهَا لَزَمْهُمُ الْجُمُعَةُ فِيهَا سَوَاءٌ كَانُوا فِي سَقَائِفٍ وَ مَطَالِي أَمْ
لَا لِأَنَّهُ مَحْلُ الْاسْتِيَطَانِ.

Maksudnya: Tidak disyaratkan untuk mendirikannya (solat Jumaat) di dalam masjid, bahkan harus untuk mendirikannya di tempat lapang yang terbuka.. samada mereka mendirikan solat tersebut di penjuru atau di lapangan - jika sekiranya bangunan di tempat tersebut telah hancur, kemudian penduduknya mengimarahkannya semula, maka wajib bagi mereka menunaikan solat Jumaat dilakukan di bawah bumbung ataupun tidak. Ini kerana tempat tersebut menjadi tempat bermastautin.⁹⁷

Selain itu, Imam al-Syaukani berkata dalam kitabnya, Nail al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar:

فَالْأَبُو حَنِيفَةُ وَ الشَّافِعِيُّ وَ سَائِرُ الْعُلَمَاءِ: إِنَّ الْمَسْجِدَ لَيْسَ شَرْطًا لِإِقَامَةِ الْجُمُعَةِ إِذْ لَمْ يُفْصِلْ ذِلِيلٌ وُرُوبِهَا

Maksudnya: Imam Abu Hanifah, Imam al-Syafie dan kebanyakan para ulama' berpendapat bahawa masjid bukanlah salah satu daripada syarat untuk mendirikan solat Jumaat, ini kerana dalil tidak memperincikan tentang kewajipannya untuk dilaksanakan di masjid.⁹⁸

Manakala, Imam Malik pula mensyaratkan wujudnya masjid untuk dilaksanakan solat Jumaat. Justeru itu, tidak sah bagi penduduk kampung

⁹⁷ Rujuk al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 4:501

⁹⁸ Rujuk Nail al-Awtar lil Syaukani, 3:279

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
yang telah merobohkan masjid di tempat mereka dan membiarkannya tidak berbumbung untuk mereka mendirikan solat Jumaat di tempat tersebut.⁹⁹

Walau bagaimanapun, kami lebih cenderung untuk mengambil pandangan jumhur yang menyatakan bahawa tidak disyaratkan untuk melaksanakan solat Jumaat di dalam bangunan masjid yang berbumbung.

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan dan perbahasan di atas, kami menyatakan bahawa tidak disyaratkan untuk dilakukan solat Jumaat di dalam binaan masjid, bahkan boleh untuk dilakukan di halaman masjid atau di tempat lapang yang terbuka berdasarkan kepada pandangan jumhur ulama'.

Justeru itu, hukum melaksanakan solat Jumaat secara berjemaah di halaman masjid atau di tanah yang lapang adalah sah dan diberikan ganjaran oleh Allah SWT seperti mana ia dilaksanakan di dalam binaan masjid juga.

Wacana 15: **Hukum Khatib Tidak Membaca Khutbah Kedua Bagi Solat Jumaat**

Syarat sah bagi solat Jumaat hendaklah didahului dengan dua khutbah disisi Jumhur ulama termasuk mazhab al-Syafie. Jika sekiranya imam terlupa atau sengaja tidak membaca khutbah yang kedua, maka hendaklah mengingatkan dan menegurnya. Namun jika imam masih tidak

⁹⁹ Rujuk Fatawa Syar'iyyah Wa Buhuth Islamiah, 1:274 / Bidayatul Mujtahid Wa Nihayatul Muqtaqid, 2:336.

Qaul Tamm

mengingatinya atau enggan, maka para jemaah tidak boleh mengikut imam tersebut kerana sudah diketahui bahawa solat Jumaat yang akan didirikan tidak sah kerana tidak cukup syarat.

Dalam situasi seperti ini, para jemaah hendaklah mendirikan solat Zuhur. Begitu juga, jika solat Jumaat tersebut sudah pun dilaksanakan tanpa khutbah kedua, maka para jemaah hendaklah mengulang kembali solat Zuhur juga kerana solat Jumaat tersebut tidak sah kerana tidak mencukupi syarat.

Pertamanya, syarat sah bagi solat Jumaat hendaklah didahului dengan dua khutbah disisi jumhur ulama termasuk mazhab al-Syafie. Hal ini sepertimana yang disebutkan oleh Imam al-Nawawi dalam kitabnya, al-Majmu' Syarh al-Muhazzab bahawa:

وَلَا تَصْحُ الْجَمْعَةُ حَتَّىٰ يَتَقَدِّمَا خُطْبَتَنِ إِلَمَا رُوِيَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ "صَنُّوا كَمَا رَأَيْتُمْ وَنَوِّنُوهُ أَصْنَلَّى" وَلَمْ يُصَنِّلْ الْجَمْعَةَ إِلَّا بِخُطْبَتَيْنِ وَرَوَى ابْنُ عُمَرَ قَالَ "كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُخَطِّبُ يَوْمَ الْجَمْعَةِ خُطْبَتَيْنِ بِجَلْسٍ بَيْنَهُمَا

Maksudnya: Tidak sah solat Jumaat sehingga ia didahului oleh dua khutbah, berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan daripada Nabi SAW, bahawa Baginda SAW bersabda: “Solatlah kalian sepertimana kalian melihat aku solat.” Tidak boleh didirikan solat Jumaat kecuali didahului dua khutbah, yang mana berdasarkan hadis yang diriwayat daripada Ibn Umar RA, beliau

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
berkata: "Rasulullah SAW sentiasa berkhutbah pada hari Jumaat, Baginda SAW duduk di antara kedua-duanya." ¹⁰⁰

Kedua, dua khutbah dalam solat Jumaat tersebut menggantikan dua rakaat Zuhur, maka jika sekiranya berlaku kekurangan dalam khutbah, ia sama juga seperti kekurangan rakaat dalam solat. Oleh itu, sebaliknya tidak boleh untuk hanya cukup dengan satu rakaat bagi solat Jumaat, maka tidak boleh juga untuk hanya cukup kepada satu khutbah baginya.

Maka dengan itu, jika sekiranya imam terlupa atau sengaja tidak membaca khutbah yang kedua, para jemaah hendaklah mengingatkan dan menegur imam supaya membaca khutbah kedua. Jika sekiranya imam tidak mengingatinya atau enggan, maka para jemaah tidak boleh mendirikan solat Jumaat bersama imam tersebut kerana batal solat bagi orang yang mengikutinya dan hendaklah mereka mengulang kembali dengan mendirikan solat Zohor.¹⁰¹

Kesimpulan

Oleh yang demikian, jika berlaku keadaan di mana imam terlupa atau sengaja tidak membaca khutbah kedua, maka para jemaah hendaklah menegur dan mengingatkan imam terhadap perkara tersebut.

Namun jika imam tidak ingat atau enggan, maka tidak boleh untuk diikuti imam tersebut kerana solatnya tersebut adalah terbatal disisi jumhur ulama'. Dalam situasi ini, para jemaah hendaklah mendirikan solat Zuhur. Begitu

¹⁰⁰ Rujuk al-Majmu' Syarh al-Muhazzab, 4:513

¹⁰¹ Darul Ifta' Jordan –
<https://www.aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=1957#.X1cpTsqzZPY>

Qaul Tamm

juga, jika solat Jumaat tersebut sudah pun dilaksanakan tanpa khutbah kedua, maka para jemaah hendaklah mengulang kembali solat Zuhur juga kerana solat Jumaat tersebut tidak sah kerana tidak mencukupi syarat.

Wacana 16

Menadah Tangan dan Mengaminkan Doa Ketika Khutbah Kedua

Doa menurut Imam al-Khattabi adalah permohonan hamba kepada Tuhannya dengan mengharapkan pertolongan-Nya dan juga bantuan daripada-Nya.¹⁰²

Allah SWT berfirman:

وَقَالَ رَبُّكُمْ اذْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ

Maksudnya: “Dan Tuhan kamu berfirman: “Berdoalah kamu kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu.”¹⁰³

Ayat di atas menunjukkan bahawa Allah SWT bukan sahaja memerintahkan kepada para hamba-Nya untuk beribadah bahkan Dia juga memberikan jaminan bahawa doa tersebut akan dimustajabkan. Kata Khalid al-Rib'ie: “Sangat ajaib buat umat ini, dikatakan kepada mereka: ‘Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku akan mustajabkan.’ Allah memerintahkan kepada mereka untuk berdoa, serta menjanjikan kepada mereka kemustajaban tanpa ada sebarang syarat antara keduanya.”¹⁰⁴

¹⁰² Lihat Sya'n al-Du'a, 1/4

¹⁰³ Surah Ghafir (60)

¹⁰⁴ Lihat al-Jami' li Ahkam al-Quran, 15/292

Kemudian Allah SWT berfirman dalam ayat yang sama:

إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَاتِي سَيَذْكُلُونَ جَهَنَّمُ دَاخِرِينَ

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang sompong takbur daripada beribadat dan berdoa kepada-Ku, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.”¹⁰⁵

Ibn ‘Asyur di dalam tafsirnya menyatakan bahawa ayat ini menjadi dalil bahawa Allah SWT menuntut hamba-Nya untuk berdoa kepada-Nya berkaitan hajat-hajatnya serta ia menjadi dalil akan pensyariatannya dan perkara ini tidak mempunyai khilaf dalam kalangan umat Islam sendiri.¹⁰⁶

Begitu juga firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ الْأَسْمَاءُ الْحُسْنَىٰ فَادْعُوهُ بِهَاٰ وَدُرُوا الَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِي أَسْمَائِهِ سَيُجْزَوْنَ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

Maksudnya: “Dan Allah mempunyai nama-nama yang baik (yang mulia), maka serulah (dan berdoalah) kepadaNya dengan menyebut nama-nama itu, dan pulaukanlah orang-orang yang berpaling dari kebenaran dalam masa menggunakan nama-nama-Nya. Mereka akan mendapat balasan mengenai apa yang mereka telah kerjakan.”¹⁰⁷

Daripada dua ayat di atas menunjukkan betapa umat Islam digalakkan berdoa kepada Allah SWT dalam apa jua keadaan sekalipun.

¹⁰⁵ Surah Ghafir (60)

¹⁰⁶ Lihat Tafsir Ibn ‘Asyur, 24/183

¹⁰⁷ Surah al-A’raf: 180

Qaul Tamm

Mengaminkan Doa Ketika Khutbah Kedua Jumaat

Pada asasnya, mengaminkan doa ketika khutbah Jumaat adalah dibolehkan, tetapi hendaklah dilakukan dengan suara yang perlahan.

Syeikh Abdullah bin Abd al-Rahman Ibn Soleh Ali Bassam menyebut: "Bahawa mengaminkan do'a khatib itu dibolehkan."¹⁰⁸

Begitu juga dalam kalangan al-Malikiyah, mereka berpendapat bahawa disunnahkan untuk mengaminkan khatib ketika berdo'a akan tetapi dengan suara perlahan. Jika dikuatkan, maka hukumnya makruh dan menjadi haram jika perkara itu dilakukan berkali-kali.¹⁰⁹

Al-Hanabilah juga membolehkan untuk mengaminkan do'a khatib semasa khutbah, dengan tanpa meninggikan suara, kerana do'a menurut mereka adalah tidak termasuk dalam rukun khutbah.¹¹⁰

Kami berpendapat bahawa dibolehkan mengaminkan ketika imam berdoa semasa khutbah Jumaat kerana termasuk dalam umum perintah untuk mengaminkan doa. Antara hujahnya adalah seperti disebut oleh Syeikh Bakar Abu Zaid yang menyebut dalam Tashih al-Du'a bahawa mengaminkan termasuk dalam khususiyat atau keistimewaan umat ini. Hal ini berdasarkan hadis daripada Aisyah R.Anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْيَهُودَ قَوْمٌ حُسْدٌ ، وَهُنَّ لَا يَحْسُدُونَا عَلَى شَيْءٍ كَمَا يَحْسُدُونَا عَلَى السَّلَامِ ، وَعَلَى آمِينٍ

¹⁰⁸ Lihat Taisir al-'Allam Syarh 'Umdah al-Ahkam, 2/323

¹⁰⁹ Lihat al-Fiqh 'ala Mazahib al-Arba'ah oleh Abd al-Rahman al-Jaziri, 1/360

¹¹⁰ Lihat al-Fiqh 'ala Mazahib al-Arba'ah, 1/362

Maksudnya: "Sesungguhnya orang Yahudi kaum yang penuh dengan hasad dengki dan mereka tidak berhasad dengki kepada kami lebih daripada mereka berhasad dengki dalam isu amalan salam dan doa dengan amin."¹¹¹

Menadah Tangan Ketika Doa Khutbah Kedua Jumaat

Berkenaan dengan soalan di atas, masalah ini terdapat khilaf dalam kalangan ulama'. Syeikh Abdul Aziz bin Baz dalam Fatawa Islamiyyah berpendapat bahawa tidak disyariatkan untuk mengangkat kedua tangan ketika khutbah Jumaat, sama ada imam atau maknum, kerana tidak dilakukan oleh Rasulullah SAW dan khulafa' al-Rasyidin.

Tetapi ketika doa minta hujan di dalam khutbah Jumaat, Nabi SAW mengangkat tangan. Beliau juga berkata: "Beginu juga perbuatan maknum mengaminkan doa imam, aku tidak mengetahui tegahannya jika tanpa mengangkat suara. Tetapi zahir hadis berkenaan dengan doa bahawa ianya disunatkan mengangkat tangan dan mengaminkannya. Ini kerana Rasulullah SAW bersabda:

اَنْ رَبُّكُمْ تَبَارَكَ وَتَعَالَىٰ خَيِّرٌ كَرِيمٌ، يَسْتَحْيِي مِنْ عَدِيهِ إِذَا رَفَعَ يَدَيْهِ إِلَيْهِ اَنْ بَرَدَهُمَا حِفْرًا

Maksudnya: "Sesungguhnya Tuhan kamu yang Maha Suci lagi Maha Tinggi itu sangat pemalu lagi Mulia. Dia malu terhadap hamba-hamba-Nya yang mengangkat tangan berdoa, tiba-tiba tidak diberi-Nya permintaan itu."¹¹²

¹¹¹ Riwayat Al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (988), Ibn Khuzaimah (574), Abd al-Razzaq dalam al-Musannaf (2649)

¹¹² Riwayat Abu Daud (1490), al-Tirmizi (3556), al-Baihaqi (2965), dan Ibn Hibban (876). Kata al-Tirmizi, "Hadis ini hasan gharib.

Begini juga kita digalakkan untuk berdoa pada hari dan malam Jumaat. Syeikh Dr Wahbah al-Zuhaili melalui kitabnya al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh berkata: “Maka diharap dibanyakkan untuk berdoa bertepatan dengan waktu maqbul diperkenankan doa, di mana Rasulullah SAW menyebutnya pada hari Jumaat.”

Antara lain, Rasulullah SAW bersabda:

فِيهِ سَاعَةٌ لَا يُوْقِنُهَا عَبْدٌ مُسْلِمٌ، وَهُوَ قَائِمٌ بِصَلَوةٍ، يَسْأَلُ اللَّهَ تَعَالَى شَيْئًا إِلَّا أُخْطَأَهُ إِنَّهُ أَشَارَ بِيَدِهِ يَعْلَمُهُ. وَفِي رَوَايَةِ لِمُسْلِمٍ: وَهِيَ سَاعَةٌ حَقِيقَةٌ.

Maksudnya: “Padanya terdapat satu waktu seseorang hamba Muslim ketika dalam keadaan berdiri solat memohon sesuatu kepada Allah SWT, kecuali dikurniakannya. Dan baginda mengisyaratkan dengan tangannya menunjukkan bahawa masanya sedikit. Dalam riwayat Muslim: ia adalah waktu yang singkat.”¹¹³

Berdasarkan kepada hal ini, kami berpendapat bahawa boleh mengangkat tangan dan mengaminkan doa imam secara perlahan kerana ia diharap untuk dimustajabkan Tuhan. Ini berdasarkan kepada beberapa adab doa, Rasulullah SAW bersabda:

كَانَ الرَّجُلُ إِذَا أَسْلَمَ عَلَمَهُ النَّبِيُّ الصَّلَوةَ ثُمَّ أَمْرَهُ أَنْ يَذْغُرَ هُؤُلَاءِ الْكَلِمَاتِ: اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي وَارْحَمْنِي وَاهْدِنِي وَعَافِنِي وَارْزُقْنِي. وَفِي رَوَايَةِ: وَبَجْمُعِ أَصْنَابِعِ إِلَّا الإِيمَانِ فَإِنَّ هُؤُلَاءِ تَجْمَعُ لَكَ دُنْيَاكَ وَآخِرَتَكَ.

Maksudnya: “Apabila masuknya seseorang ke dalam Islam, Nabi SAW akan mengajarnya bersolat, kemudian mengarahnya agar berdoa seperti berikut:

¹¹³ Riwayat al-Bukhari (893) dan Muslim (852)

'Ya Allah ampunkanlah diriku, rahmatilah aku, berikanlah hidayah kepadaku, kurniakan kesihatan kepadaku dan kurniakanlah rezeki kepadaku.' Dalam riwayat yang lain: Baginda merapatkan jari-jarinya kecuali ibu jari. Kerana kesemua itu menghimpunkan kebaikan dunia dan akhirat."¹¹⁴

Berkenaan dengan menyapu muka dengan dua tangan selepas berdoa, sebahagian ulama mengatakan ia digalakkan berdasarkan beberapa hadith.

Antaranya hadith Ibn Abbas RA berkata: "Apabila kamu memohon kepada Allah SWT, mohonlah dengan tapak-tapak tangan kamu dan jangan memohon dengan belakang tapak tangan kamu dan sapulah muka kamu dengan tapak tanganmu."¹¹⁵

Dalil lain, diriwayatkan bahawa al-Saaib bin Yazid menceritakan bapanya telah memberitahu bahawa apabila berdoa, Baginda SAW menadah kedua-dua belah tangannya, Baginda SAW akan menyapu muka dengan kedua-dua belah tangan tersebut.¹¹⁶

Dalil lain, Umar bin al-Khattab RA menceritakan, apabila Baginda SAW mengangkat kedua-dua belah tangannya untuk berdoa, Baginda SAW tidak akan menjatuhkannya sehinggalah disapu mukanya dengan kedua-dua belah tangan tersebut, seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi.¹¹⁷

¹¹⁴ Riwayat Muslim (2697)

¹¹⁵ Riwayat Ibn Majah (3866). Hadith ini dhaif kerana terdapat perawi bernama Soleh bin Hassan, yang dihukum munkar al-hadith oleh al-Bukhari. Abu Hatim menghukum hadith ini sebagai munkar. (Al-'Ilal 2/351)

¹¹⁶ Riwayat Ahmad (17943) dan Abu Daud (1494). Kata al-Zaila'ie dalam Nasb al-Rayah (3/43), "Ada kecacatan kerana terdapat Ibn Lahi'ah."

¹¹⁷ Lihat Sunan al-Tirmizi (no. 3386) dan beliau mendhaifikannya. Ibn al-Jauzi dalam al-'Ilal al-Mutanahiyah, (2/838) menilai hadith ini tidak sahih.

Penutup

Berdasarkan keterangan di atas, kami berpendapat bahawa boleh mengangkat tangan dan boleh mengaminkan tetapi dengan suara yang perlahan. Manakala menyapu dua tangan ke muka selepas selesai berdoa, ia digalakkan oleh sebahagian ulama, tetapi tidak ada satu hadis sahih yang menyokongnya.

Wacana 17: **HUKUM TIDUR SEMASA KHUTBAH JUMAAT**

Kita lihat ramai jemaah yang tidur semasa khutbah Jumaat. Adakah keadaan ini turut menjadikan pelakunya sebagai seorang yang lagha ?

Mendengar khutbah jumaat adalah dituntut. Sekalipun para fuqaha berbeza pendapat tentang hukumnya di antara wajib dan juga sunat, akan tetapi tetap menjadi tuntutan dan keutamaan bagi mereka yang hadir untuk mendengar khutbah dengan teliti.

Secara asasnya, terdapat dua perkara umum yang menjadikan seseorang itu dianggap sebagai lagha solat jumaatnya. Kami nyatakan perinciannya seperti berikut:

Pertama: Perkataan

Sebarang ucapan dan perkataan yang berlaku semasa khutbah Jumaat sedang berlangsung, akan menyebabkan pelakunya menjadi lagha. Ini berdasarkan sebuah riwayat daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِثْ وَالإِمَامُ يَحْكُمُ فَقَدْ لَعُونَتْ

Maksudnya: Apabila kamu berkata kepada sahabat kamu: “Diamlah” ketika imam sedang berkhutbah pada hari Jumaat, maka sesungguhnya kamu telah lagha.¹¹⁸

Hadis di atas ini menjadi dalil bahawa sebarang ucapan sekalipun berbentuk amar makruf (aranan kepada kebaikan) dan nahi munkar (mencegah kemungkaran) adalah dilarang semasa khutbah sedang berlangsung serta menyebabkan pelakunya menjadi lagha. Dan pengertian lagha di sisi para ulama membawa kepada makna yang berikut;

Tidak mendapat sebarang pahala. Fadilat jumaat seseorang itu terbatal. Solat jumaatnya menjadi solat zohor sahaja.

Berdasarkan hadis di atas juga, *dalah al-muwafaqah* (petunjuk yang bertepatan) membawa kepada larangan berkata-kata semasa khutbah. Sekalipun ucapan “diamlah” itu suatu nahi munkar, namun ia dianggap sebagai lagha. Maka ucapan-ucapan selain dari itu adalah lebih utama untuk dinilai sebagai lagha.

Kedua: Perbuatan Anggota Badan

¹¹⁸ Riwayat Al-Bukhari (934)

Sebarang pergerakan dan perbuatan yang menyebabkan hilang tumpuan dan fokus kepada khutbah yang disampaikan turut menyebabkan seseorang itu menjadi lagha. Hal ini berdalilkan sebuah riwayat daripada Abu Hurairah R.A bahawa Nabi S.A.W bersabda:

مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ثُمَّ أَتَى الْجُمُعَةَ فَاسْتَمَعَ وَأَصْبَتْ غُرْلَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجُمُعَةِ وَزِيَادَهُ ثَلَاثَهُ أَيَّامٍ وَمَنْ
مِنَ الْحَصَى فَقَدْ لَغَّا

Maksudnya: Sesiapa yang berwuduk dan dia perelokkan wuduknya, kemudian dia pergi menuju solat jumaat serta mendengar (khutbah) dengan teliti, dan diam (semasa khutbah), akan diampunkan dosa-dosanya dalam tempoh antara dirinya dan juga hari jumaat (yang akan datang), serta pertambahan 3 hari lagi. Dan sesiapa yang bermain dengan batu kecil, maka dia telah lagha.¹¹⁹

Berdasarkan hadis di atas, dapatlah difahami bahawa perbuatan bermain-main batu kecil ketika khatib sedang berkhutbah adalah dilarang, serta menjadikan pelakunya lagha. Hal ini diluaskan lagi kepada perbuatan-perbuatan lain yang menyebabkan hilangnya fokus dan tumpuan dalam mendengar khutbah. Ia seperti bermain telefon bimbit, tidur, makan dan minum tanpa sebab dan seumpamanya.

Berbalik kepada persoalan yang dikemukakan, kami menyatakan bahawa tidur ketika khutbah sedang berlangsung turut menafikan tumpuan dan

¹¹⁹ Riwayat Muslim (857)

fokus kepada mendengar khutbah yang dituntut. Oleh kerana itu, ia turut termasuk dalam perkara yang dilarang semasa khutbah.

Imam Muhammad bin Sirin berkata : "Para salaf terdahulu mereka tidak suka kepada perbuatan tidur semasa imam sedang berkhutbah dan mereka mengucapkannya dengan kenyataan yang begitu tegas". Iaitu dengan menyifatkan orang yang tidur semasa khatib sedang berkhutbah seperti tentera perang yang pulang dalam keadaan yang gagal (tidak mendapat ghanimah iaitu harta rampasan perang).¹²⁰

Kesimpulan

hukum tidur dengan sengaja ketika khatib sedang berkhutbah adalah ditegah dan menjadikan pelakunya sebagai lagha. Namun sekiranya seseorang jemaah itu tertidur secara tidak sengaja boleh jadi disebabkan terlalu letih, maka ini tidaklah termasuk di dalam larangan tersebut.

Meskipun begitu, kami mencadangkan kepada para jemaah yang mengantuk untuk melakukan beberapa perbuatan yang boleh membantu dirinya untuk menghilangkan mengantuk dan seterusnya menumpukan fokus kepada mendengar khutbah.

Oleh disarankan kepada para imam supaya sentiasa memperbaiki cara penyampaian dengan menjadikan ia sebagai khutbah yang menarik tumpuan dengan melontarkan intonasi suara yang lunak serta memberi kesan, serta tajuk-tajuk yang dekat dengan jiwa supaya para jemaah dapat mendengar dengan penuh teliti dan fokus.

¹²⁰ Rujuk Al-Jamik Li Ahkam al-Quran, Al-Qurtubi (18/117).

Wacana 18

HUKUM BERALIH TEMPAT DUDUK KETIKA KHUTBAH JUMAAT

Saya kadangkala berasa mengantuk ketika mendengar khutbah jumaat. Apakah yang boleh saya lakukan untuk mengelakkan hal ini ?

Mendengar khutbah jumaat adalah dituntut. Sekalipun para *fuqaha* berbeza pendapat tentang hukumnya di antara wajib dan juga sunat, akan tetapi tetap menjadi tuntutan dan keutamaan bagi mereka yang hadir untuk mendengar khutbah dengan teliti.

Secara asasnya, terdapat dua perkara umum yang menjadikan seseorang itu dianggap sebagai lagha solat jumaatnya. Kami nyatakan perinciannya seperti berikut:

Pertama: Perkataan

Sebarang ucapan dan perkataan yang berlaku semasa khutbah Jumaat sedang berlangsung, akan menyebabkan pelakunya menjadi lagha. Ini berdasarkan sebuah riwayat daripada Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

(إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِثْ . وَالإِمَامُ يَخْطُبُ فَقَدْ لَعُونَتْ

Maksudnya: *Apabila kamu berkata kepada sahabat kamu: "Diamlah" ketika imam sedang berkhutbah pada hari Jumaat, maka sesungguhnya kamu telah lagha.*¹²¹

Hadis di atas ini menjadi dalil bahawa sebarang ucapan sekalipun berbentuk amar makruf (arahan kepada kebaikan) dan juga nahi mungkar (mencegah kemungkaran) adalah dilarang semasa khutbah sedang berlangsung serta menyebabkan pelakunya menjadi lagha. Dan pengertian *lagha* di sisi para ulama membawa kepada makna yang berikut;

1. Tidak mendapat sebarang pahala.
2. Fadilat jumaat seseorang itu terbatas.
3. Solat jumaatnya menjadi solat zohor sahaja.

Berdasarkan hadis di atas juga, *dalah al-muwafaqah* (petunjuk yang bertepatan) membawa kepada larangan berkata-kata semasa khutbah. Sekalipun ucapan "diamlah" itu suatu nahi mungkar (mencegah kemungkaran), namun ia turut dianggap sebagai lagha. Maka ucapan-ucapan selain dari itu adalah lebih utama untuk dinilai sebagai lagha.

Kedua: Perbuatan Anggota Badan

Sebarang pergerakan dan perbuatan yang menyebabkan hilang tumpuan dan fokus kepada khutbah yang disampaikan turut menyebabkan seseorang itu menjadi lagha. Hal ini berdalilkan

¹²¹ Riwayat al-Bukhari (934)

Qaul Tamm

sebuah riwayat daripada Abu Hurairah R.A bahawa Nabi S.A.W bersabda:

مَنْ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ ثُمَّ أَتَى الْجَمْعَةَ فَاسْتَمَعَ وَأَذْصَرَ غُورَ لَهُ مَا بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْجَمْعَةِ وَزِيَادَةً ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ وَمَنْ مَسَ الْحَصَى فَقَدْ لَمَّا

Maksudnya: *Sesiapa yang berwuduk dan dia perelokkan wuduknya, kemudian dia pergi menuju solat jumaat serta mendengar (khutbah) dengan teliti, dan diam (semasa khutbah), akan diampunkan dosa-dosanya dalam tempoh antara dirinya dan juga hari jumaat (yang akan datang), serta pertambahan 3 hari lagi. Dan sesiapa yang bermain dengan batu kecil, maka dia telah lagha.*¹²²

Berdasarkan hadis di atas, dapatlah difahami bahawa perbuatan bermain-main batu kecil ketika khatib sedang berkhutbah adalah dilarang, serta menjadikan pelakunya lagha. Hal ini diluaskan lagi kepada perbuatan-perbuatan lain yang menyebabkan hilangnya fokus dan tumpuan dalam mendengar khutbah. Ia seperti bermain telefon bimbit, makan dan minum tanpa sebarang sebab, dan seumpamanya.

Perbuatan Yang Membantu Fokus Untuk Mendengar Khutbah

Namun, di sana terdapat pengecualian ke atas perbuatan-perbuatan yang membantu menambahkan fokus untuk

¹²² Riwayat Muslim (857)

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
mendengar khutbah. Terutamanya perbuatan yang dapat menghilangkan perasaan mengantuk bagi seseorang itu semasa khutbahnya. Sandaran bagi hal ini adalah sebuah riwayat daripada Ibn Umar R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

إِذَا نَعَسْتُ أَحَدُكُمْ وَهُوَ فِي الْمَسْجِدِ فَلْيَتَحَوَّلْ مِنْ مَجْلِسِهِ ذَلِكَ إِلَى غَيْرِهِ

Maksudnya: *Apabila salah seorang kamu mengantuk semasa dia berada di dalam masjid (pada hari Jumaat) maka hendaklah dia beralih kedudukan dari tempat duduknya itu kepada tempat yang lain.*¹²³

Hadis ini menunjukkan, tidaklah semua pergerakan anggota badan itu dilarang semasa khutbah. Akan tetapi, perbuatan seperti beralih kedudukan dari satu tempat ke tempat yang lain itu dibolehkan bahkan disunatkan, dengan tujuan untuk mengelakkan mengantuk serta dapat terus fokus mendengar khutbah. Berikut adalah hikmah kepada perbuatan beralih kedudukan ini:¹²⁴

- Pergerakan dapat menghilangkan rasa mengantuk.
- Tempat duduknya yang menyebabkan dia tidur itu terdapat padanya syaitan.

¹²³ Riwayat Abu Daud (1119)

¹²⁴ Dua hikmah ini disebutkan oleh Al-Sayyid Muhammad Siddiq Hasan di dalam kitabnya *Al-Diin al-Khaalis* (4/145-146).

Qaul Tamm

Maka perbuatan dan pergerakan seperti ini tidak dilarang dan dianggap sebagai lagha. Bahkan ia suatu yang dituntut lagi disunatkan.

Kesimpulan

Sebagai penutup, kami simpulkan bahawa seseorang yang berasa mengantuk semasa khutbah, disunatkan kepadanya untuk beralih kedudukan tempat duduknya ke tempat yang lain di dalam masjid. Walaupun begitu, memandangkan suasana setempat kita pada hari ini yang mana saf telahpun penuh semasa khutbah, maka tidaklah perlu untuk seseorang yang mengantuk itu beralih ke tempat lain sehingga menyebabkan gangguan kepada jemaah lain. Akan tetapi, boleh untuknya melakukan perbuatan lain yang dapat menghilangkan perasaan mengantuk seperti memicit lehernya, atau badannya, dan selainnya.

Wacana 19: HUKUM KHATIB MEMEGANG TONGKAT SEMASA KHUTBAH

Apakah hukum seorang khatib itu memegang tongkat semasa khutbah Jumaat ? Ini kerana di sebahagian tempat saya tengok ada khatib yang tidak memegang tongkat.

Khatib dari sudut bahasa membawa maksud individu yang bercakap di hadapan sekumpulan manusia. Seperti individu yang menyampaikan ucapan di masjid dan juga selainnya. Secara umumnya, khutbah Jumaat

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
mempunyai lima rukun sahaja seperti yang disebutkan oleh fuqaha' al-Syafi'eyyah.

Berikut adalah lima rukun tersebut :

- i- Memuji Allah S.W.T.
- ii- Berselawat ke atas Nabi S.A.W.
- iii- Pesanan untuk bertakwa.
- iv- Mendoakan orang beriman pada khutbah yang kedua.
- v- Membaca satu ayat al-Quran.

Manakala selain dari itu para ulama juga menetapkan beberapa perkara lain yang menjadi syarat di dalam khutbah manakala yang selebihnya adalah disunatkan. Antara perkara yang disunatkan semasa khutbah adalah memegang tongkat, pedang, atau busur anak panah.

Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Hakam bin Hazan beliau berkata :

وَقَدْثُ إِلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَابِعُ سَبَعَةٍ أَوْ تَاسِعَ تِسْعَةٍ فَدَحْنَانَا عَلَيْهِ فَقْلَنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ زُرْنَانَكْ
فَادْعُ اللَّهَ لَنَا بِخَيْرٍ فَأَمَرَ بَنَا أَوْ أَمَرَ لَنَا بِشَيْءٍ مِّنَ الْمُنْهَنِ وَالشَّأْنِ إِذْ ذَاكَ دُونُ فَأَمَمْنَا بَهَا أَيَّامًا شَهْدَنَا فِيهَا الْجُمُعَةُ
مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَامَ مُتَوَكِّلًا عَلَى عَصَمِهِ أَوْ قَوْسِ فَحَمِدَ اللَّهَ....

Maksudnya : "Aku pernah pergi menuju Rasulullah S.A.W dengan membawa bersamaku tujuh hingga ke sembilan orang. Lalu kami berkata : Wahai Rasulullah, kami menziarahimu maka berdoalah kepada Allah agar mengurniakan kebaikan buat kami. Lalu baginda mengarahkan agar diberi sedikit kurma untuk kami. Keadaan pada ketika itu agak susah maka kami pun menetap di sana selama beberapa hari sehinggalah kami mendirikan solat Jumaat bersama Rasulullah S.A.W. Maka baginda pun berdiri dan

Qaul Tamm

bersandar (memegang) tongkat atau busur, kemudian baginda memuji Allah

125

Syiekh Badruddin al-'Aini dalam syarahan beliau ke atas hadis ini berkata : Pada hadis ini petunjuk yang menjelaskan bahawa bersandar pada tongkat semasa berkhutbah adalah mustahab.¹²⁶

Demikian juga berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa'd al-Qarazh beliau berkata :

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - كَانَ إِذَا حَطَبَ فِي الْحَرْبِ حَطَبَ عَلَى قَوْسٍ وَإِذَا حَطَبَ فِي الْجُمُعَةِ
حَطَبَ عَلَى عَصْنَى

Maksudnya : Sesungguhnya Rasulullah S.A.W apabila baginda berkhutbah di medan perang baginda akan menyampaikan khutbah dengan bersandar pada busur. Dan apabila baginda berkhutbah pada hari Jumaat baginda akan menyampaikannya dengan bersandar kepada tongkat.¹²⁷

Justeru, terbina daripada beberapa nas di atas ini Imam Al-Nawawi menyebutkan : Disunatkan untuk khatib bersandar pada busur atau pedang atau tongkat, atau yang seumpama dengannya.

Kemudian beliau menyebutkan pendapat Al-Qadhi Husain dan Imam al-Baghawi yang menyatakan bahawa disunatkan untuk seorang khatib itu

¹²⁵ Riwayat Abu Daud (1096)

¹²⁶ Rujuk Syarah Abi Daud, Al-'Aini (4/437).

¹²⁷ Riwayat Ibn Majah (1107)

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
memegangnya (busur, tongkat, pedang) di tangan kirinya. Namun jumhur fuqaha tidak menyebutkan tangan manakah yang digunakan untuk memegangnya (tongkat atau pedang).

Begitu juga Imam Al-Nawawi mengongsikan pendapat ashab al-Syafi'eyyah yang menyatakan bahawa sekiranya khatib tidak menemukan pedang, tongkat, dan seumpamanya maka hendaklah khatib itu menenangkan tangannya. Iaitu dengan meletakkan tangan kanan di atas tangan kiri, atau dia melepaskan sahaja kedua tangannya dan tidak menggerak-gerakkan tangannya. Tujuannya adalah untuk mencapai kekhusukan dan menghalang dari melakukan perbuatan yang sia-sia.¹²⁸

Kesimpulan

Hukum memegang tongkat semasa berkhutbah adalah sunat. Iaitu disunatkan memegang tongkat dengan tangan kiri manakala tangan kanan memegang bahagian mimbar. Perbuatan tersebut bertujuan untuk menghasilkan ketenangan dalam penyampaian kepada para jemaah.

Meskipun begitu, tidak ada masalah sekiranya khatib berkhutbah tanpa memegang tongkat. Namun dia disarankan untuk meletakkan tangan kanannya di atas tangan kiri, bagi membentuk posisi tubuh yang menenangkan atau boleh sahaja untuk khatib melepaskan kedua tangannya ke bawah semasa berkhutbah.

Wacana 20

¹²⁸ Rujuk Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab, Al-Nawawi (4/528)

Qaul Tamm

IMAM DUDUK TASYAHHUD AKHIR PADA RAKAAT KETIGA

Apakah yang sepatutnya dilakukan oleh makmum sekiranya dalam solat Zuhur imam terus duduk tawarruk untuk tasyahhud akhir pada rakaat ketiga? Adakah makmum itu wajib terus berdiri dan menegur imam, atau duduk bersama imam dan menegurnya?

Salah satu daripada syarat sah qudwah (mengikut imam) ialah makmum perlu mengikut (mutaba`ah) perbuatan imam. Sekiranya makmum bersalahan perbuatan dengan imam, sama ada mendahului atau lambat sehingga dua rukun fi`li, tanpa keuzuran, maka batallah solat makmum jika tidak niat mufaraqah (berpisah dengan imam).

Adapun jika mukhalafah (bersalahan) itu berlaku hanya sela satu rukun, maka itu tidak membatalkan kerana dianggap mukhalafah yang sedikit.

Pengecualian bagi hukum di atas jika imam terlupa fardu (rukun), contohnya jika imam terus duduk bertasyahhud akhir pada rakaat ketiga. Dalam kitab **al-Mu`tamad fi al-Fiqh al-Syafie**, Syeikh Muhammad al-Zuhaili menyebut:

“Jika imam meninggalkan suatu perbuatan fardu solat seperti duduk pada tempat yang sepatutnya berdiri, atau berdiri pada tempat yang sepatutnya dia duduk, tidak harus bagi makmum untuk mengikutinya pada meninggalkan perbuatan tersebut. Sama ada dia tinggalkan kerana sengaja atau terlupa. Ini kerana makmum wajib mengikut perbuatan-perbuatan solat sedangkan apa yang dilakukan oleh imam itu bukanlah daripada jenis

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Makmum perbuatan-perbuatan solat. Begitu juga kerana boleh jadi imam sengaja meninggalkannya lalu batallah solatnya, boleh jadi juga dia buat kerana terlupa lalu perbuatannya itu tidak dikira. Maka hendaklah makmum itu mufaraqah daripada imam dan menyempurnakan solatnya secara sendirian.”

Justeru, difahami daripada teks di atas, bahawa wajib bagi makmum untuk berpisah daripada mengikut imamnya apabila dia mengetahui imamnya telah meninggalkan rukun. Namun begitu, disunatkan ke atas makmum untuk mengingatkan imam sebelum mufaraqah dengan ucapan tasbih:

“Sekiranya imam lupa pada perbuatan (solat), lalu meninggalkannya, atau ingin mengubahnya, maka mustahab (sunat) bagi makmum untuk bertasbih untuk memaklumkan imam.”¹²⁹

Bagi menjawab soalan penanya, kami menjawab bahawa hendaklah makmum terus berdiri bagi rakaat keempat solat zuhur dan disunatkan untuk menegur imam dengan tasbih supaya dia bangun.¹³⁰

¹²⁹ Rujuk **al-Mu'tamad** (453-454)

¹³⁰ Jika makmum itu menegur sewaktu duduk istirehat sebelum bangkit ke rakaat keempat, itu diharuskan jika duduk itu tidak begitu lama kadar duduk antara dua sujud, menurut Imam Ibn Hajar. Adapun menurut Imam Syamsuddin al-Ramli, memanjangkan duduk istirahat adalah harus. Rujuk **al-Taqrirat al-Sadidah** (hlm. 248)

Qaul Tamm

Jika dia teringat dan dia bangun, maka teruskan solat berjemaah seperti biasa sehingga selesai. Namun, jika imam tidak bangun dan meneruskan tasyahhud akhir, maka wajib bagi makmum untuk niat mufaraqah bagi berpisah daripada imam dan menghabiskan solat secara sendirian. Wallahu'lam.

Wacana 21: Makmum Mukim, Imam Musafir

Bolehkah makmum yang bermukim, solat di belakang imam yang musafir?

Berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imran bin Husain beliau berkata:

عَرَوْتُ مَعَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَشَهَدْتُ مَعَهُ الْفُتْحَ فَأَقَامَ بِمَكَّةَ ثَمَانِيْ عَشْرَةَ لَيْلَةً لَا يُصْنَى إِلَّا رُكْعَيْنِ
وَيَقُولُ يَا أَهْلَ الْبَلَدِ صَلُّوا أَرْبَعًا فِيَّا قَوْمٌ سَفَرُ

Maksudnya: Aku pergi berperang bersama dengan Rasulullah S.A.W dan aku turut serta bersama baginda dalam Pembukaan Makkah. Baginda menetap di Makkah selama 18 hari dan tidak menunaikan solat melainkan secara dua rakaat. Lalu baginda berkata penduduk negeri tersebut: "Wahai penduduk negeri (Makkah) solatlah kamu sebanyak empat rakaat, sesungguhnya kami kaum yang bermusafir".¹³¹

Dapat difahami bahawa seseorang yang tidak bermusafir boleh untuk mengikuti imam yang bermusafir. Namun hendaklah dia tetap

¹³¹ Riwayat Abu Daud, no. 1229

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
menyempurnakan baki rakaat sesudah sahaja imam yang bermusafir itu
selesai solatnya sebanyak dua rakaat (kerana melakukan qasar).

Perkara ini dianggap sebagai ijma' oleh para ulama. Ini seperti yang disebutkan oleh Imam Ibn al-Munzir: "Dan mereka (para ulama) telah berijma' bahawa seseorang yang mukim apabila menjadi maknum kepada imam yang musafir, dan imam selesai memberi salam pada rakaat yang kedua, untuk maknum yang mukim itu menyempurnakan solat."¹³²

Wacana 22: Imam Berpaling Kepada Maknum Selepas Solat

Saya perhatikan, sebahagian imam akan berpaling menghadap kepada maknum apabila selesai memberi salam ketika solat. Adakah terdapat panduan daripada Nabi SAW berkenaan hal ini?

Galakan Zikir dan Doa Selepas Solat Fardhu

Pada asasnya, berzikir dan berdoa selepas solat fardu adalah amalan yang digalakkan. Ini adalah berdasarkan beberapa riwayat hadis dan athar berkaitan galakan dan kelebihan amalan zikir dan berdoa selepas solat fardhu. Antaranya, hadith daripada Abu Umamah R.A, beliau berkata bahawa Rasulullah pernah ditanya tentang apakah doa yang paling didengari. Lalu Rasulullah SAW menjawab:

¹³² Al-Ijma', 1/41

حَوْفَ اللَّيْلِ الْآخِرِ وَدُبُرِ الصَّلَوَاتِ الْمَكْتُوبَاتِ

Maksudnya: “(Doa yang paling didengari ialah) ketika satu pertiga malam yang terakhir dan ketika selesai solat fardu.”¹³³

Dalam hadith yang diriwayatkan daripada Ibn Abbas R.Anhuma, beliau berkata:

أَنَّ رَفْعَ الصَّوْتِ بِالْذِكْرِ حِينَ يَنْصَرِفُ النَّاسُ مِنَ الْمَكْتُوبَةِ كَانَ عَلَى عَهْدِ النَّبِيِّ -صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- كُنْتُ أَعْلَمُ إِذَا انْصَرَفْتُمْ بِذَلِكَ إِذَا سَمِعْتُهُ

Maksudnya: “Terangkatnya suara (kuat) ketika berzikir adalah apabila orang ramai selesai menunaikan solat fardu. Ianya berlaku pada zaman Rasulullah saw. Maka aku tahu jika mereka selesai menunaikan solat adalah ketika aku mendengar suara mereka berzikir.”¹³⁴

Thauban R.A pula meriwayatkan dengan katanya:

كَانَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- إِذَا انْصَرَفَ مِنْ صَلَاتِهِ اسْتَغْفَرَ ثَلَاثًا وَقَالَ اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ

Maksudnya: “Rasulullah SAW apabila selesai menunaikan solat Baginda beristighfar sebanyak 3 kali seraya menyebut¹³⁵

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ وَمِنْكَ السَّلَامُ تَبَارَكْتَ ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ :

¹³³ Riwayat al-Tirmizi (3499). Beliau berkata: Hadis ini adalah hadis Hasan.

¹³⁴ Riwayat al-Bukhari (841) dan Muslim (1346)

¹³⁵ Riwayat Muslim (1362)

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
Daripada al-Mughirah bin Syu'bah R.A, beliau menulis surat kepada
Mu'awiyah:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا فَرَغَ مِنَ الصَّلَاةِ وَسَلَّمَ قَالَ : لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ
الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا يَقْعُ ذَا الْجَنَاحِ مِنْكَ
الْجَنَاحُ

Maksudnya: "Bahawa Rasulullah SAW apabila Baginda selesai menunaikan solat Baginda mengucapkan¹³⁶ :

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ اللَّهُمَّ لَا مَانِعَ لِمَا أَعْطَيْتَ وَلَا
مُعْطِيَ لِمَا مَنَعْتَ وَلَا يَقْعُ ذَا الْجَنَاحِ مِنْكَ الْجَنَاحُ

Kata Ibn Zubair: "Rasulullah SAW mengucapkannya setiap kali selepas menunaikan solat."

Daripada Abu Hurairah R.A, beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَبَّحَ اللَّهَ فِي دُبْرِ كُلِّ صَلَاةٍ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ وَحَمَدَ اللَّهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ وَكَبَرَ اللَّهَ ثَلَاثًا وَثَلَاثِينَ فَنَلَكَ تِسْنَعَةً وَتِسْعُونَ
وَقَالَ تَفَامَ الْمِائَةَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ غُرَبَتْ حَطَابَاهُ
وَإِنْ كَانَتْ مِثْلَ زَبَدِ الْبَحْرِ

Maksudnya: "Sesiapa yang bertasbih pada setiap kali selepas solat sebanyak 33 kali, bertahmid sebanyak 33 kali dan bertakbir sebanyak 33 kali. Kesemuanya adalah sebanyak 99 kali. Ketika mana sampai ke kali yang ke-100 dia mengucapkan لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ" :

¹³⁶ Riwayat al-Bukhari (844) dan Muslim (1366)

Qaul Tamm

كُلُّ شَنِيعٍ قَدِيرٍ maka diampunkan kesalahannya walaupun dosa tersebut sebanyak buih di lautan.”¹³⁷

Kesemuanya riwayat ini menunjukkan bahawa amalan berzikir setiap kali selepas solat fardu adalah amalan yang sentiasa dilazimi oleh Rasulullah SAW. Imam al-Nawawi menyebut: “Para ulama bersepakat terhadap keharusan zikir selepas menunaikan solat.”¹³⁸

Justeru, berdasarkan beberapa riwayat di atas, dapat kita fahami bahawa amalan zikir dan berdoa selepas solat fardu adalah satu amalan yang amat digalakkan.

Imam Berpaling ke Kanan atau ke Kiri

Berdasarkan banyak riwayat dalam masalah ini, para ulama' menyatakan bahawa disunatkan bagi imam untuk menghadap makmum setelah solat, atau menghadap ke kanan, atau ke kiri, sepertimana dijelaskan dalam beberapa riwayat.

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik R.A, katanya:

أَكْثَرُ مَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَنْصَرِفُ عَنْ يَمِينِهِ

Maksudnya: “Aku sering melihat Rasulullah SAW memalingkan wajahnya ke kanan.”¹³⁹

¹³⁷ Riwayat Muslim (1380)

¹³⁸ Lihat al-Azkar, hlm. 57

¹³⁹ Riwayat Muslim (708)

لَقَدْ رَأَيْتُ النَّبِيًّا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَثِيرًا يَنْصَرِفُ عَنْ يَسَارِهِ

Maksudnya: "Aku telah melihat Nabi SAW sering menghadap ke kiri."¹⁴⁰

Imam al-Nawawi berkata: Kedua riwayat itu boleh dihimpunkan dengan mengatakan bahawa Nabi SAW pada satu ketika berpaling ke arah kanan dan pada ketika yang lain, berpaling ke arah kiri. Maka masing-masing daripada kedua sahabat tersebut mengatakan apa yang menurut keyakinannya lebih sering. Hanya sahaja Ibn Mas'ud tidak menyukai adanya keyakinan untuk berpaling ke arah kanan.¹⁴¹

Al-Hafiz Ibn Hajar berkata: Kenyataan (Imam al-Nawawi) di atas sesuai dengan athar daripada Anas yang telah disebutkan. Keduanya boleh dihimpunkan melalui cara lain, iaitu hadith Ibn Mas'ud difahami ketika solat di masjid, kerana kamar Nabi SAW berada di sebelah kirinya.

Manakala hadith Anas pada keadaan selain itu, seperti ketika safar (perjalanan musafir). Apabila berlaku percanggahan antara keyakinan Ibn Mas'ud dengan keyakinan Anas, maka yang perlu dikedepankan adalah keyakinan Ibn Mas'ud, kerana beliau lebih berilmu dan lebih tua, serta lebih banyak bersama Nabi SAW dan tempatnya lebih dekat kepada Nabi SAW ketika solat daripada Anas. Di samping itu, pada sanad hadith Anas terdapat perawi yang diperbincangkan, iaitu al-Suddi.

Selain itu, hadith Ibn Mas'ud telah disepakati kesahihannya, berbeza dengan hadith Anas. Hadith Ibn Mas'ud juga sesuai dengan keadaan, yakni

¹⁴⁰ Riwayat al-Bukhari (852)

¹⁴¹ Lihat Syarh al-Nawawi 'ala Sahih Muslim, 3/24

Qaul Tamm

Kamar Baginda SAW berada di sebelah kiri masjid seperti yang telah dijelaskan.

Menurut al-Hafiz Ibn Hajar lagi, kedua hadith tersebut juga boleh dihimpunkan dengan cara, yakni: Orang yang mengatakan Baginda SAW sering berpaling ke arah kirinya melihat keadaan Baginda SAW ketika solat.

Manakala orang yang mengatakan bahawa Baginda SAW lebih sering berpaling ke arah kanannya melihat keadaan Baginda SAW ketika menghadap makmum selepas salam sesudah solat. Dengan demikian, maka berpaling setelah solat tidak ditetapkan pada arah tertentu.

Daripada sini, maka para ulama' menyukai berpaling ke arah yang dihajatinya. Akan tetapi, mereka mengatakan bahawa apabila kedua arah itu berada pada posisi yang sama, maka arah kanan lebih utama berdasarkan keumuman hadith-hadith yang menegaskan keutamaan mendahului yang kanan, seperti mana hadith Aisyah dalam pembahasan tentang taharah.

Ibn al-Manayyar berkata: Di sini terdapat dalil bahawa perbuatan yang hukumnya sunat boleh menjadi makruh apabila tidak ditempatkan sesuai dengan kadarnya, kerana mendahului yang kanan disukai dalam segala sesuatu, yakni dalam perkara ibadah. Akan tetapi, kerana Ibn Mas'ud khuatir akan diyakini sebagai suatu kewajiban, maka beliau mengisyaratkan perbuatan itu boleh menjadi makruh. Wallahu a'lam.¹⁴²

Imam Berpaling Kepada Makmum Selepas Solat

¹⁴² Lihat Fath al-Bari, 4/630

Berdasarkan soalan di atas, memang terdapat hadith yang menunjukkan bahawa Nabi SAW melakukan hal yang sedemikian selepas daripada solat.

Daripada Samurah bin Jundub RA, katanya:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا صَلَّى صَلَاةً أَقْبَلَ عَلَيْنَا بِوْجُوهِهِ

Maksudnya: “Adapun Nabi SAW apabila selesai menunaikan solat, Baginda SAW akan berpaling dengan wajahnya ke arah kami.”¹⁴³

Daripada al-Barra’ R.A, katanya:

كَانُوا إِذَا صَلَّيْنَا خَلْفَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، أَخْبَرْنَا أَنْ نَكُونَ عَنْ يَمِينِهِ، يُقْبِلُ عَلَيْنَا بِوْجُوهِهِ

Maksudnya: “Adapun kami telah solat di belakang Rasulullah SAW, kami amat suka untuk berada di sebelah kanannya kerana Baginda SAW akan berpaling kepada kami dengan wajahnya.”¹⁴⁴

Al-Hafiz Ibn Hajar mengatakan hadith Samurah ini zahirnya menunjukkan bahawa Nabi SAW melazimi hal tersebut. Dikatakan antara hikmah mengadap ke arah maknum adalah untuk mengajar mereka apa yang mereka perlukan kepadanya. Maka hal ini dikhususkan bagi sesiapa yang berada pada keadaan Rasulullah SAW iaitu bagi tujuan mengajar dan memberi peringatan.

Selain itu, dikatakan lagi antara hikmahnya adalah agar orang yang berada di dalam masjid mengetahui bahawa solat telah selesai. Jika imam itu kekal

¹⁴³ Riwayat al-Bukhari (845)

¹⁴⁴ Riwayat Muslim (709)

Qaul Tamm

dengan kedudukannya (mengadap ke arah kiblat) maka ini akan memberi gambaran (gambaran salah kepada maknum) seakan-akan dia (imam masih lagi di dalam solat) berada di dalam kedudukan tasyahhud.¹⁴⁵

Nabi SAW apabila selesai daripada solat lalu Baginda SAW akan duduk selepas daripada itu. Di samping itu, Baginda SAW menyegerakan berpaling daripadanya dan membaca apa yang telah syariatkan kepada umatnya daripada zikir-zikir dan bacaan selepas daripada solat. Nabi SAW membaca istighfar sebanyak tiga kali apabila selesai daripada memberi salam. Setelah itu Baginda SAW membaca:

اللَّهُمَّ أَنْتَ السَّلَامُ، وَمِنْكَ السَّلَامُ، تَبَارَكْتُ يَا ذَا الْجَلَلِ وَالْإِكْرَامِ

Maksudnya: “Ya Allah, Engkau sejahtera (daripada segala keaiban) dan daripada Engkau datangnya kesejahteraan, bertambah-tambah berkat-Mu, Tuhan Yang Maha Kuasa lagi Maha Mulia.”

Baginda SAW tidak akan duduk secara mengadap kiblat melainkan dengan kadar yang disebutkan iaitu kadar zikir di atas. Bahkan Baginda SAW akan segera berpaling kepada maknum dan kadang-kadang Baginda SAW akan berpaling ke kanan dan juga ke kiri Baginda SAW.¹⁴⁶

Kesimpulan

Berdasarkan keterangan di atas, disunatkan bagi seorang imam itu untuk berpaling kepada maknumnya sama ada ke kanan, kiri atau mengadap kepada muka-muka maknumnya selepas daripada membaca sebahagian zikir sejurus selepas daripada solat.

¹⁴⁵ Lihat Fath al-Bari, 2/334

¹⁴⁶ Lihat Zad al-Ma'ad, 1/285

Selain itu, dinyatakan di dalam kitab al-Mu'tamad bahawa perkara ini penting untuk dilakukan terutamanya pada solat fardhu kerana dibimbangi datang seseorang lalu duduk bersama imam kerana menyangka imam masih lagi di dalam solat. Untuk itu, hal ini akan tercapai apabila imam memalingkan wajahnya ke arah maknum atau dengan berpalingnya imam dan juga berpalingnya seseorang itu daripada kiblat.¹⁴⁷

Wacana 23 : Maknum Sengaja Lewat Daripada Imam

Apa hukum seorang maknum sujud terlalu lama ketika sujud yang terakhir, sedangkan imam sudah pun beralih kepada posisi tahiyyat akhir.

Perkataan imam bermaksud seseorang yang diikuti oleh orang lain, seperti imam ketika solat, sebagai seorang khalifah, atau panglima tentera.¹⁴⁸

Perkataan imam itu sendiri memberi maksud di hadapan yang dirujuk serta diikuti sedangkan pengikutnya pula dikenali sebagai maknum.

Pada asasnya, maknum wajib untuk mengikut imam di dalam setiap pergerakan ketika solat berjemaah. Ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Sabda Nabi SAW:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمْ بِهِ فَلَا تَخْتَلِفُوا عَنِيهِ فَإِذَا رَكِعَ فَارْكَعُوا وَإِذَا قَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ فَقُوْلُوا
رَبُّنَا أَكْلُ الْحَمْدُ وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا وَإِذَا صَلَّى جَالِسًا فَصَلُّوا جُلُوسًا أَجْمَعُونَ

¹⁴⁷ Lihat al-Mu'tamad fi Fiqh al-Syafi'i, 1/316

¹⁴⁸ Lihat Mu'jam al-Wasit, hlm. 27

Qaul Tamm

Maksudnya: “Imam (di dalam solat) itu dijadikan untuk diikuti. Jangan kalian bercanggahan dengan imam. Apabila dia rukuk maka rukuklah. Apabila dia menyebut سمع الله لمن حمده (Allah Maha Mendengar sesiapa yang memuji-Nya) maka katakanlah (Tuhan kami bagi Engkau segala pujian). Apabila dia sujud maka bersujudlah. Apabila dia solat secara duduk maka solatlah kalian semua secara duduk.”¹⁴⁹

Imam al-Nawawi ketika mensyarahkan hadis ini beliau menyebut bahawa makmum wajib untuk mengikut imam ketika takbir, qiyam, rukuk, sujud dan lain-lain. Makmum perlu mengangkat takbir sejurus selepas imam melakukannya. Jika makmum melakukan apa-apa pergerakan solat sebelum imam selesai maka tidak sah solatnya.¹⁵⁰

Dalam hadis yang lain, Anas R.A berkata:

صَلَّى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ فَلَمَّا قَضَى الصَّلَاةَ أَقْبَلَ عَلَيْنَا بِوْجْهِهِ، فَقَالَ: أَيُّهَا النَّاسُ، إِنِّي إِمَامُكُمْ، فَلَا تَسْتَأْفُونِي بِالرُّكُوعِ وَلَا بِالسُّجُودِ، وَلَا بِالْقِيَامِ وَلَا بِالْإِنْصَارَافِ، فَإِنِّي أَرَكُمْ أَمَامِي وَمَنْ خَلْفِي

Maksudnya: “Rasulullah SAW mengimami kami dalam solat pada satu hari. Apabila Baginda selesai, Baginda menghadapkan wajah Baginda kepada kami lalu Baginda bersabda: Wahai manusia! Sesungguhnya saya ini imam kalian. Maka, janganlah kalian mendahului saya dengan rukuk mahupun sujud. Tidak juga dengan qiyam mahupun salam. Sesungguhnya saya melihat kalian yang berada di hadapan saya dan juga dari bahagian belakang.”¹⁵¹

¹⁴⁹ Riwayat al-Bukhari (722) dan Muslim (962)

¹⁵⁰ Lihat al-Minhaj Syarh Sahih Muslim, 4/131

¹⁵¹ Riwayat Muslim (426)

Berdasarkan hadis ini, para ulama menyimpulkan bahawa syarat sah solat berjemaah adalah mengikut setiap pergerakan imam. Hal ini dinyatakan oleh Imam al-Nawawi: "Wajib mengikuti imam dalam pergerakan solat iaitu dia mula lambat sedikit daripada imam kemudian setelah selesai imam melakukan perbuatannya baru dia mula."¹⁵²

Dalam hadis Abu Hurairah RA diriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمْ بِهِ فَإِذَا كَبَرَ فَكَبَرُوا، وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا، وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ فَارْقَعُوا رُعُوسَكُمْ،
وَإِذَا قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ قَوْلُوا جَمِيعًا: اللَّهُمَّ رَبِّنَا أَكْحَمْدُهُ، وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا، وَلَا تَسْنَجُوا قَبْلَ أَنْ
يَسْجُدُ، وَإِذَا رَفَعَ رَأْسَهُ فَارْقَعُوا رُعُوسَكُمْ، وَلَا تَرْقَعُوا رُعُوسَكُمْ قَبْلَ أَنْ يَرْقِعَ

Maksudnya: "Sesungguhnya imam itu dijadikan untuk diikuti, maka apabila imam bertakbir lalu hendaklah kalian bertakbir, jika dia rukuk hendaklah kalian rukuk, jika dia mengkat kepala (i'tidal) maka hendaklah kalian mengangkat kepala. Jika disebut: Sami' allahu liman hamidah, maka hendaklah kalian sebut beramai-ramai: Allahumma rabbana wa lakal hamdu. Jika dia sujud, hendaklah kalian sujud, jangan kalian sujud sebelum dia sujud, dan jika dia mengangkat kepalanya barulah kalian mengangkat kepala dan jangan mengangkat kepala sebelum imam mengangkat kepala."¹⁵³

Justeru, apabila seseorang menjadi maknum di belakang seorang imam, maka dia hendaklah mengikut perbuatan imam tersebut berdasarkan nas-nas yang telah disebutkan.

¹⁵² Lihat Minhaj al-Talibin wa 'Umdah al-Muftin, hlm. 42

¹⁵³ Riwayat al-Baihaqi (2594) dalam Sunan al-Kubra

Qaul Tamm

Dalam isu di atas, perbuatan tersebut adalah makruh. Ini kerana makmum hendaklah mengikut imam berdasarkan hadis yang panjang iaitu hadis al-Musi' fi al-Solat, sabda Rasulullah SAW:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمْ بِهِ، فَإِذَا كَثُرَ فَكَبَرُوا، وَإِذَا رَكَعُوا فَارْكَعُوا

Makdudnya: “Sesungguhnya imam dijadikan untuk diikuti dengannya, maka apabila imam bertakbir maka hendaklah kamu semua bertakbir dan apabila ia ruku’ maka hendaklah kamu ruku’.”¹⁵⁴

Imam al-Nawawi menjelaskan: “Maknanya di sisi al-Syafie dan sekumpulan ulama ialah (mengikut) pada perbuatan-perbuatan solat yang zahir.”¹⁵⁵

Kami nukilkan juga di sini petikan daripada kitab al-Fiqh al-Manhaji:

“Makmum hendaklah mengikut perpindahan imamnya dalam semua rukun fi’li. Perbuatan makmum hendaklah terkemudian daripada perbuatan imam tetapi sebelum selesai perbuatan imam tersebut. Adalah makruh bagi makmum terkemudian satu rukun daripada imamnya malah solatnya batal jika ketinggalan dua rukun yang panjang. Contohnya, imam telah rukuk dan i’tidal kemudian sujud dan bangun sedangkan makmum masih lagi berdiri tanpa sebab yang dimaafkan.

Tetapi jika dia ketinggalan disebabkan sesuatu yang dimaafkan seperti lambat bacaannya, dia dibolehkan terkemudian daripada imam sehingga 3 rukun. Walau bagaimanapun, jika masih tidak memadai untuk

¹⁵⁴ Riwayat al-Bukhari (378) Muslim (411) dan al-Tirmizi (361)

¹⁵⁵ Lihat al-Minhaj Syarh Sahih Muslim, 4/134

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
mengikut imam selanjutnya, dia hendaklah menghentikan perbuatan yang sedang dilakukannya dan teruskan mengikut imam. Kemudian dia hendaklah menyambung perbuatannya semula yang tertinggal selepas imam mengucap salam.”¹⁵⁶

Wacana 24

Masbuq Solat Hari Raya

Bagaimana yang perlu dilakukan oleh seseorang yang masbuq ketika solat hari raya?

Jika seseorang itu masbuq dan tidak sempat bertakbir pada rakaat pertama bersama imam, maka terdapat dua situasi yang perlu diambil kira, iaitu:

Pertama: Dapat Rakaat Pertama Tanpa Takbir

Mengikut Mazhab al-Syafi'e, seseorang yang berada dalam situasi ini boleh meneruskan solatnya seperti biasa tanpa perlu mengqada' takbirnya. Ini berdasarkan riwayat Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمْ بِهِ، فَإِذَا كَبَرَ فَكَبَرُوا، وَإِذَا رَكَعَ فَارْكَعُوا، وَإِذَا قَالَ: سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ، قَوْلُوا: رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ، وَإِذَا سَجَدَ فَاسْجُدُوا، وَإِذَا صَلَّى جَالِسًا فَصَلُّوا جُلوْسًا أَجْمَعُونَ

¹⁵⁶ Lihat al-Fiqh al-Manhaji, 1/463

Qaul Tamm

Maksudnya: Sesungguhnya seseorang imam itu dijadikan supaya diikuti. Oleh itu janganlah kamu melakukan perkara-perkara yang berbeza dengannya. Apabila dia rukuk, maka rukuklah. Apabila dia membaca ‘Sami’Allahu li man Hamidah’ maka katalah ‘Rabbana wa lak al-Hamd’ . Apabila dia sujud, maka sujudlah. Dan apabila dia solat duduk maka bersolat duduklah kamu semua (dalam jemaah).¹⁵⁷

Imam al-Nawawi menyebut dalam syarahnya, “Pada hadith ini menunjukkan bahawa wajib makmum mengikut imam pada takbir, pada berdiri, pada duduk, pada ruku’ dan pada sujud.”¹⁵⁸

Seseorang yang terlambat ke masjid semasa solat hari raya sehingga imam telah selesai bertakbir rakaat pertama dan sedang membacakan al-Fatihah, maka dia boleh mengikut imam seperti biasa. Ini juga bermaksud, dia tidak perlu menggantikan takbirnya kerana rakaat pertamanya telah sempurna. Jumhur ulama’ juga berpendapat bahawa sah solatnya.

Imam al-Nawawi menyatakan: Sekiranya seseorang itu hadir untuk solat hari raya dan imam telah menyelesaikan 7 takbirnya atau sebahagiannya, maka dia tidak perlu untuk melakukan takbir-takbirnya itu yang dia terlepas kerana takbir itu bersifat sunat dan tempat untuk melakukannya telah habis, maka tidak perlu untuk dilakukan takbir itu sebagaimana doa iftitah. Manakala pada pendapat mazhab al-Syafi’e yang qadim, perlu dilakukan takbir-takbir itu kerana tempat takbir itu ketika qiyam, dan dia sempat berdiri untuk melakukannya, dan perbuatan tersebut tidak memberi apa-apa kesan pada solatnya.¹⁵⁹

¹⁵⁷ Riwayat al-Bukhari (734) dan Muslim (417)

¹⁵⁸ Lihat Syarh al-Nawawi ‘ala Sahih Muslim, 4/132

¹⁵⁹ Lihat al-Majmu’ Syarh al-Muhazzab, 5/15

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
Justeru, dalam hal ini, kami cenderung untuk menyatakan bahawa tidak perlu untuk melakukan takbir-takbir yang telah tertinggal di dalam solat hari raya sebagaimana pendapat dalam mazhab al-Syafi'e.

Kedua: Masbuk Rakaat

Sekiranya seseorang itu terlepas satu rakaat solat hari raya, hendaklah dia menyempurnakan rakaat yang telah tertinggal. Pendapat ini adalah berdasarkan hadith riwayat Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِذَا أَقِيمَتِ الصَّلَاةُ فَلَا تَأْتُوا هَا تَسْعُونَ، وَأَنُوْهَا تَمْشُونَ وَعَلَيْكُمُ السَّكِينَةُ، فَمَا أَدْرِكُمْ فَصَلُّوا، وَمَا فَاتَكُمْ فَأَنْتُمُوا

Maksudnya: “Apabila solat telah bermula, maka janganlah kamu mendatanginya dalam keadaan berlari. Datangilah (solat) dalam keadaan berjalan dengan tenang. Solatlah (dengan apa) yang kamu sempat, dan (rakaat yang tertinggal itu) maka sempurnakanlah.”¹⁶⁰

Imam al-Nawawi menyatakan dalam syarahnya: “Pada hadith ini terdapat seruan yang kuat supaya mendatangi solat dengan tenang dan mulia, serta larangan mendatangi solat dalam keadaan berlari sama ada untuk solat jumaat atau selainnya. (Beginu juga tidak boleh datang dalam keadaan berlari) sama ada takut terlepas takbiratul ihram ataupun tidak.”¹⁶¹

¹⁶⁰ Riwayat al-Bukhari (908) dan Muslim (602)

¹⁶¹ Lihat Syarh al-Nawawi 'ala Sahih Muslim, 5/99

Seseorang yang sampai di masjid ketika solat hari raya dalam keadaan Imam telah membaca surah al-Fatihah pada rakaat kedua. Maka, apa yang perlu dilakukannya adalah dengan mengikut imam pada rakaat kedua tersebut. Apabila imam telah memberi salam, maka dia hendaklah bangun untuk menyempurnakan satu lagi rakaatnya. Hal ini sebagaimana hadith riwayat Abu Hurairah RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

وَمَنْ أَذْرَكَ الرَّكْعَةَ، فَقَدْ أَذْرَكَ الصَّلَاةَ

Maksudnya: “Sesiapa yang memperolehi satu rakaat, maka dia memperolehi solat tersebut”¹⁶²

Imam al-Khatib al-Syarbini berkata: “Jika seseorang itu sempat rukuk bersama imam dalam keadaan yang yakin sebelum imam bangun daripada rukuk, maka dia memperolehi rakaat tersebut. Jika seseorang itu sempat bersama imam pada waktu imam melakukan i'tidal atau selepasnya, maka ikutilah imam mengikut keadaanya ketika itu”¹⁶³

Syeikh Soleh al-Munajjid dalam menjawab permasahan ini menyatakan: Jika seseorang yang solat di belakang imam mendapat rakaat kedua daripada solat hari raya, maka itulah permulaan solat baginya, iaitu rakaat pertama baginya, maka hendaklah dia bangun menyempurnakan solatnya selepas imam mengucapkan salam dan melakukan seperti rakaat

¹⁶² Riwayat Abu Dawud (893). Imam al-Bukhari menyatakan pada sanad hadith ini terdapat seorang perawi yang bernama Yahya bin Abi Sulaiman yang merupakan munkar hadith. Syeikh Syu'aib al-Arna'ut menghukum sanad hadith ini dhaif di dalam Takhrij Sunan Abi Dawud (2/167)

¹⁶³ Lihat al-Iqna' fi Halli Alfaazi Abi Syuja', 1/170

kedua solat hari raya iaitu bertakbir lima kali pada permulaannya, kerana ia merupakan rakaat kedua baginya. Namun begitu, jika dia tidak sempat juga rakaat kedua bersama imam dan hanya sempat bertasyahhud akhir, maka hendaklah dia bangun dan menyempurnakan dua rakaat solat hari raya dengan bertakbir tujuh kali pada rakaat pertama, dan lima kali pada rakaat kedua.¹⁶⁴

Kesimpulan

Jika seseorang itu berada dalam situasi terlepas takbir yang tujuh, tetapi sempat mendapatkan rakaat pertama bersama imam, maka dia boleh meneruskan solatnya seperti biasa tanpa perlu mengqada' takbirnya sebagaimana pendapat dalam mazhab al-Syafi'ie. Pada situasi kedua pula, sekiranya seseorang itu terlepas rakaat pertama atau kedua bersama imam, maka dia perlu menyempurnakan rakaatnya yang tertinggal. Sekiranya dia hanya terlepas rakaat pertama sahaja, maka dia hanya perlu menggantikan rakaat kedua dengan 5 takbir pada permulaannya. Sekiranya dia terlepas dua rakaat bersama imam, maka hendaklah dia bangun dan menyempurnakan dua rakaat solat hari raya dengan bertakbir tujuh kali pada rakaat pertama, dan lima kali pada rakaat kedua.

Wacana 25

Makmum Solat Qasar, Imam Solat Tamam

Bolehkah makmum solat qasar berimamkan imam yang solat tamam?

¹⁶⁴ Lihat Mauqi' al-Islam So'al wa Jawab, 5/2029. Lihat juga Lihat اذا-فاته-رکعة-من-صلاة-العید-او-الاستسقاء-فكيف-/يصليها-
<https://islamqa.info/ar/answers/138046>

Qaul Tamm

Firman Allah SWT:

وَإِذَا ضَرَبْتُمْ فِي الْأَرْضِ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَفْصِرُوا مِنَ الصَّلَاةِ

Maksudnya: “Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa “mengqasarkan” (memendekkan) sembahyang...”¹⁶⁵

Daripada Ya’la bin Umayyah, katanya:

فَلَدُّ لِعْنَرَ بْنِ الْخَطَّابِ (لَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَنْ تَفْصِرُوا مِنَ الصَّلَاةِ إِنْ خَطَّمْتُمْ أَنْ يَقْبِلُوكُمُ الْأَذْيَنَ كَفَرُوا) فَقَدْ أَمِنَ النَّاسُ؟ قَالَ: عَجِبْتُ مِمَّا عَجِبْتُ مِنْهُ فَسَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ ذَلِكَ فَقَالَ: صَدَقَتُ تَصَدَّقَ اللَّهُ بِهَا عَلَيْكُمْ فَاقْبِلُوا صَدَقَتُهُ

Maksudnya: “Aku mengatakan firman Allah kepada Umar bin al-Khattab RA yang maksudnya (tidaklah berdosa mengqasarkan sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir). Bagaimana pula ketika keadaan orang ramai telah pun aman? Umar berkata: Aku juga bertanya-tanya tentang perkara yang engkau tanyakan itu. Lalu aku bertanya Rasulullah SAW tentang perkara tersebut. Baginda bersabda: Itu adalah pemberian Allah kepada kamu, maka terimalah pemberian-Nya.”¹⁶⁶

Imam al-Nawawi menegaskan, syarat untuk memendekkan solat adalah tidak mengikuti imam yang solat penuh (tamam). Jika seseorang yang mengikuti imam yang solat penuh [walau] pada satu detik dalam solatnya, wajib baginya melakukan solat penuh.¹⁶⁷

¹⁶⁵ Surah al-Nisa’: 101

¹⁶⁶ Riwayat Muslim, no. 686

¹⁶⁷ Al-Majmu’ Sharh al-Muhazzab, 4/356.

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
Dalilnya adalah riwayat daripada Imam Ahmad daripada Ibn Abbas

R.A bahawa beliau ditanyakan: "Mengapakah orang musafir itu menunaikan solat dua rakaat ketika bersendirian dan solat empat rakaat apabila dia berimamkan kepada orang yang mukim?" Maka jawab Ibn Abbas: "Yang demikian itu adalah sunnah".¹⁶⁸

Syeikh Prof. Dr. Muhammad Al-Zuhaili berkata: "Sekiranya seseorang yang bermusafir itu mengikut imam yang mukim maka menjadi kelaziman buatnya untuk solat secara penuh. Ini kerana ia merupakan solat yang wajib untuk disempurnakan.". Beliau berkata lagi: "Sekiranya [orang yang bermusafir itu] mengikut imam yang bermusafir dan dia tidak mengetahui niat imamnya [sama ada beliau solat secara tamam atau qasar] maka dia boleh untuk mengikat niat. Iaitu dengan cara: "Sekiranya dia [imam] qasar maka aku pun qasar dan sekiranya dia solat penuh maka aku pun solat penuh.".

Mengikut pendapat paling sahih, ikatan itu adalah sah. Maka sekiranya solat penuh, dia pun turut solat penuh dan sekiranya imam solat qasar maka dia pun solat qasar. Ini kerana zahir dari keadaan musafir adalah qasar.¹⁶⁹

Kesimpulannya, tidak dibolehkan untuk mereka yang solat qasar berimamkan imam yang solat penuh. Sebaiknya adalah bersama dengan imam dengan mengikat niatnya jika tidak diketahui niat imamnya sekiranya kedua-duanya dalam musafir. Jika niat imamnya diketahui, sunnah untuk solat penuh bersama dengan imam.

¹⁶⁸ Mughni al-Muhtaj, 1/525

¹⁶⁹ Al-Mu'tamad fi al-Fiqh Al-Shafi'i, 1/475

Wacana 26

Saya selalu dengar teguran yang menyatakan bahawa sesiapa yang berkata-kata ketika khatib sedang berkhutbah maka dia telah lagha. Persoalan saya, apakah maksud lagha tersebut ?

Tidak dinafikan bahawa teguran yang anda dengar itu adalah teguran yang benar serta mempunyai sandarannya. Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ أَنْصِبْ، وَالإِمَامُ يُخْطُبُ، فَقَدْ أَغْوَتْ

Maksudnya: Apabila kamu mengucapkan; “Diamlah kamu” kepada sahabat kamu pada hari Jumaat dalam keadaan Imam sedang berkhutbah, maka kamu telah lagha¹⁷⁰.

Sekiranya kita meneliti hadis di atas, kita akan mendapati bahawa menegur orang yang bising ketika khatib sedang berkhutbah itupun menjadikan seseorang itu lagha. Sedangkan menegur kesilapan dan kesalahan di depan mata adalah termasuk dalam bab mencegah kemungkaran.

Inilah yang disebut sebagai mafhum al-muwafaqah dari lafaz hadis. Iaitu, sekiranya mencegah kemungkaran dengan menyebut: “Diamlah kamu” semasa khutbah pun menjadikan seseorang itu lagha, maka sudah pastilah

¹⁷⁰ Riwayat Al-Bukhari (934).

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Makmum
ucapan-ucapan dan bualan-buanan kosong semasa khutbah Jumaat itu
menjadi lebih lagha lagi.

Maksud Lagha

Berikut kami kongsikan beberapa maksud dan tafsiran perkataan lagha seperti yang dikemukakan oleh para ulama':

Pertama: Lagha Bermaksud Batal Fadhilat Jumaat

Ini bermakna seseorang yang berkata-kata ketika khatib sedang berkhutbah menjadikan fadhilat atau kelebihan Jumaatnya sebagai terbatal iaitu sia-sia. Ini dikuatkan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah R.A bahawa beliau berkata: "Ketika Rasulullah S.A.W sedang berkhutbah, Abu Zar bertanya kepada Ubai bin Ka'ab : "Bilakah turunnya surah ini ?" Lalu Ubai tidak menjawab persoalan tersebut sehinggahal sesudah solat, Ubai berkata kepada Abu Zar:

لَيْسَ لَكَ مِنْ صَلَاتِكُ الْيَوْمِ إِلَّا مَا لَغُوتُ

Maksudnya: Kamu tidak mendapat apa-apa dari solat kamu hari ini melainkan kamu telah lagha.

Kemudian Abu Zar pun pergi bertemu dengan Nabi S.A.W lalu menceritakan hal tersebut, maka kata Nabi S.A.W: "Benarlah kata-kata Ubai"¹⁷¹.

¹⁷¹ Riwayat Al-Baihaqi (3/220)

Qaul Tamm

Demikian juga makna lagha sebagai membatalkan fadhilat Jumaat ini diperkuatkan dengan riwayat berikut. Daripada Abdullah bin 'Amru bin Al-'Ash R.A beliau berkata bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

يَخْضُرُ الْجَمْعَةَ ثَلَاثَةُ نَفِرٍ رَجُلٌ حَضَرَهَا يَلْغُو وَهُوَ حَظْهُ مِنْهَا وَرَجُلٌ حَضَرَهَا يَذْغُرُ فِيهِ رَجُلٌ دَعَا اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ إِنْ شَاءَ أَعْطَاهُ وَإِنْ شَاءَ مَنَعَهُ وَرَجُلٌ حَضَرَهَا بِإِصْبَاتٍ وَسُكُوتٍ وَلَمْ يَتَحَطَّ رَقْبَةً مُسْلِمٍ وَلَمْ يُؤْذِنْ أَحَدًا فِيهِ كَفَّارَةً إِلَى الْجَمْعَةِ الَّتِي تَلِيهَا وَزِيادَةً ثَلَاثَةً أَيَّامٍ وَذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَقُولُ { مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَمْ يَعْشُ أَثْنَانِهَا }

Maksudnya: Yang menghadiri Jumaat ada tiga kategori manusia. Lelaki yang hadir dalam keadaan lagha dan itulah bahagian dia dari Jumaat tersebut. Lelaki yang berdoa iaitu seorang yang berdoa kepada Allah. Sekiranya Allah mahu Allah akan berikan dan sekiranya Allah mahu Allah akan menghalang pemberian. Dan lelaki yang hadir dengan diam dan senyap serta dia tidak melangkah bahu-bahu orang Islam (jemaah lain) dan tidak menyakiti seorangpun, maka ia adalah kaffarah (penghapus dosa) kepada Jumaat yang berikutnya serta penambahan tiga hari lagi kerana Allah berfirman: (Mafhumnya) : Sesiapa yang melakukan suatu kebaikan maka buatnya sepuluh ganjaran seperti¹⁷².

Begitu juga sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ali bin Abi Thalib beliau berkata:

وَمَنْ قَالَ يَوْمَ الْجَمْعَةِ لِصَاحِبِهِ صَمَةً . فَقَدْ لَغَى وَمَنْ لَغَى فَلَيْسَ لَهُ فِي جُمْعَتِهِ إِنْكَ شَنِيعٌ

¹⁷² Riwayat Abu Daud (1113)

Maksudnya: Dan sesiapa yang berkata "diamlah kamu" kepada sahabatnya maka dia telah lagha. Dan sesiapa yang lagha tidak mendapat sedikitpun (ganjaran) dari Jumaat tersebut¹⁷³.

Justeru, hadis-hadis yang dinyatakan di atas ini menunjukkan bahawa lagha yang dimaksudkan di dalam hadis adalah hilangnya pahala dan kelebihan Jumaat seseorang itu.

Kedua: Lagha Bermaksud Solat Jumaat Menjadi Solat Zohor

Ini membawa maksud sesiapa yang berkata-kata ketika khatib sedang berkhutbah, dia terlepas pahala Jumaat dan solat Jumaat yang dia lakukan tersebut dikira sebagai solat zohor sahaja. Pendapat ini dikuatkan dengan sebuah riwayat daripada Abdullah bin 'Amru R.A beliau berkata:

وَمَنْ لَعَنَ رَقَابِ النَّاسِ كَانَ لَهُ ظُهُورًا

Maksudnya: Dan sesiapa yang lagha serta melangkah bahu-bahu manusia, maka (Jumaat) buatnya adalah zohor¹⁷⁴.

Imam Al-Hafiz Ibn Hajar Al-Asqalani menyebutkan pendapat Ibn Wahb yang merupakan salah seorang perawi bagi hadis di atas yang berkata: "Solatnya sah cumanya dia terhalang dari mendapat fadhilat Jumaat"¹⁷⁵.

Kesimpulan

¹⁷³ Riwayat Abu Daud (1053)

¹⁷⁴ Riwayat Abu Daud (347)

¹⁷⁵ Rujuk Fath Al-Bari, Ibn Hajar (2/414).

Kedua-dua maksud lagha dalam khutbah Jumaat seperti yang telah disebutkan adalah hampir sama sahaja. Ia bererti khilaf yang berlaku hanyalah khilaf lafzi iaitu berbeza pada lafaz tetapi maksudnya sama.

Iaitu lagha bermaksud amalan seseorang itu menjadi sia-sia dan meluputkan pahala nya namun solat Jumaat yang didirikan tetap sah dan tidak perlu diulangi semula.

Wacana 27: Menyebut Amin (أمين) Ketika Khutbah Jumaat Adakah Dikira Lagha

Kami mulakan dengan menyebut definisi lagha. Berkenaan maksud lagha ketika khutbah Jumaat, kami telah menjelaskannya sebelum ini: Makna Lagha Dalam Khutbah Jumaat.

Maka dapat disimpulkan bahawa: “Lagha bermaksud amalan seseorang itu menjadi sia-sia dan meluputkan pahalanya namun solat Jumaat yang didirikan tetap sah dan tidak perlu diulangi semula.”

Pada asasnya terdapat hadith Nabi SAW yang menyebut larangan seseorang itu berkata-kata ketika khatib sedang berkhutbah. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ: أَنْصِثْ، وَالإِمَامُ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَعُونَتْ

Maksudnya: "Jika kamu berkata kepada sahabatmu pada hari Jumaat: Diam dan ketika itu imam sedang berkhutbah, maka sesungguhnya kamu telah lagha (melakukan perkara yang sia-sia)¹⁷⁶."

Para ulama' telah berijma' bahawa afdhal (sebaik-baiknya) bagi sesiapa yang mendengar khutbah imam untuk diam dan dengar. Perbuatan itu lebih afdhal daripada dia menyibukkan diri dengan berzikir secara sendiri, membaca al-Quran atau berdoa¹⁷⁷.

Berkenaan persoalan di atas, Syeikh Abdullah bin Abd al-Rahman Ibn Soleh Ali Bassam ada menyebut dalam kitabnya, *Taisir al-'Allam Syarh 'Umdah al-Ahkam* bahawa mengaminkan do'a khatib itu dibolehkan¹⁷⁸.

Al-Malikiyah berpendapat bahawa dibolehkan mengucapkan alhamdulillah bagi orang yang bersin akan tetapi dengan suara yang perlakan. Demikian juga disunnahkan untuk mengaminkan khatib ketika berdo'a akan tetapi dengan suara perlakan juga, dan jika dikuatkan maka hukumnya makruh dan menjadi haram jika perkara itu dilakukan berkali-kali¹⁷⁹.

Al-Hanabilah juga membolehkan untuk mengaminkan do'a khatib semasa khutbah, dengan tanpa meninggikan suara, kerana do'a menurut mereka adalah tidak termasuk dalam rukun khutbah¹⁸⁰.

¹⁷⁶ Riwayat al-Bukhari (934)

¹⁷⁷ (Lihat *Fath al-Bari*, 274/8)

¹⁷⁸ Lihat *Taisir al-'Allam*, 2/323

¹⁷⁹ Lihat *al-Fiqh 'ala Mazahib al-Arba'ah* oleh Abd al-Rahman al-Jaziri, 1/360

¹⁸⁰ Lihat *al-Fiqh 'ala Mazahib al-Arba'ah*, 1/362

Qaul Tamm

Kami berpendapat bahawa dibolehkan mengaminkan ketika imam berdoa semasa khutbah Jumaat kerana termasuk dalam umum perintah untuk mengaminkan doa. Antara hujahnya:

Syeikh Bakar Abu Zaid berkata dalam Tashih al-Du'a bahawa mengaminkan termasuk dalam khususiyat atau keistimewaan umat ini berdasarkan hadis daripada Aisyah R.Anha bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْيَهُودَ قَوْمٌ حُسْدٌ ، وَهُمْ لَا يَخْسُدُونَا عَلَى شَيْءٍ كَمَا يَخْسُدُونَا عَلَى السَّلَامِ ، وَعَلَى آمِينٍ

Maksudnya: Sesungguhnya orang Yahudi kaum yang penuh dengan hasad dengki dan mereka tidak berhasad dengki kepada kami lebih daripada mereka berhasad dengki dalam isu amalan salam dan doa dengan amin¹⁸¹.

Mengucapkan amin (آمين) adalah disyariatkan ketika solat pada masa qunut termasuk qunut witir dan lainnya. Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT:

ذَذْ أَجَبَتْ دُعْوَتُكُمَا

Maksudnya: "Sesungguhnya telah dikabulkan doa kamu berdua¹⁸²;

Bahawa Nabi Musa AS berdoa sedangkan Nabi Harun mengaminkannya. Makanya Allah menamakan kedua-duanya (Nabi Musa dan Nabi Harun) sebagai yang berdoa.

¹⁸¹ Riwayat Al-Bukhari dalam al-Adab al-Mufrad (988),
Ibn Khuzaimah (574), Abd al-Razzaq dalam al-Musannaf (2649)

¹⁸² Surah Yunus (89)

Pendoa boleh juga menyebut amin (أمين) atas doa dirinya berdasarkan kepada hadis Abu Daud yang Nabi SAW menyebut wajib atau pasti diterima doa jika disudahi dengan perkataan amin (أمين)¹⁸³.

Justeru, menyebut amin (أمين) ketika khatib berdoa pada masa khutbah Jumaat adalah dibolehkan, bahkan dengan memahami himpunan hadis yang kami nyatakan hadis di atas jelas menunjukkan bahawa ia termasuk dalam adab doa dan salah satu asbab doa diterima.

Wacana 28 : Fatihah Imam Tidak Bertajwid

Adakah makmum perlu mufaraqah sekiranya bacaan al-Fatihah imam tidak bertajwid? Bagaimanakah cara mufaraqah yang betul? Perlukah makmum takbiratul ihram semula?

Tajwid dalam bacaan adalah amat penting. Ini kerana firman Allah SWT:

وَرِئَلُ الْفُرْقَانِ تَرْتِيلًا

¹⁸³ Lihat Sunan Abi Daud, No. 938

Maksudnya: Dan bacalah Al-Quran dengan "Tartil"¹⁸⁴.

Salah satu makna tartil adalah bertajwid. Walaupun begitu para fuqaha kebanyakannya berpendapat membaca al-Quran sekalipun terdapat kesilapan tajwid tetapi tidak mengubah makna maka hukumnya tidaklah membatalkan solat. Akan tetapi hendaklah dicari imam yang fasih bacaan dan betul tajwidnya. Ini berdasarkan hadis daripada Ibn Mas'ud RA, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ أَفْرُرُهُمْ لِكِتَابِ اللَّهِ إِنْ كَانُوا فِي الْفِرَاءِ سَوَاءٌ فَأَعْلَمُهُمْ بِالسُّنْنَةِ إِنْ كَانُوا فِي السُّنْنَةِ سَوَاءٌ فَأَقْدَمُهُمْ هِجْرَةً
إِنْ كَانُوا فِي الْهِجْرَةِ سَوَاءٌ فَأَقْدَمُهُمْ سِنَنًا

Maksudnya: "Yang menjadi imam bagi sesuatu kumpulan ialah orang yang lebih pandai membaca al-Quran. Sekiranya mereka setara dalam bacaan, maka yang lebih alim dalam hadith, jika dalam hadith mereka pun sama

maka yang lebih dahulu berhijrah, dan jika dalam hijrah juga mereka masih sama maka yang lebih tua usianya di kalangan mereka"¹⁸⁵."

Antara syarat imam ialah seorang yang qari sebaliknya jika ia seorang ummi sedangkan makmumnya seorang qari, maka adalah makruh. Yang dimaksudkan dengan ummi ialah seorang yang tidak teliti bacaan fatihahnya

¹⁸⁴ Surah al-Muzammil: 4

¹⁸⁵ Riwayat Muslim (613)

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Makmum
sehingga mencacatkan bacaannya seperti tercicir huruf, syaddah dan sebagainya.

Walau bagaimanapun jika kedua-duanya sama sahaja bolehlah setiap orang menjadi imam kepada yang lainnya. Cara bermufaraqah adalah berniat berpisah daripada mengikuti imam dan tidak perlu mengangkat takbir.

Wacana 29: Solat Fardu Berimamkan Solat Sunat

Bolehkah seorang yang solat fardu berimamkan yang solat sunat?

Dalam masalah ini, para ulama telah khilaf. Ini kerana kedudukan fardu lebih tinggi daripada sunat. Justeru tidak dibolehkan bagi yang melakukan solat fardu mengikut solat sunat kerana ia lebih rendah.

Sebahagian yang lain pula berpendapat boleh dan harus kerana jenisnya sama iaitu solat. Imam Syafie berpendapat sah seseorang makmum yang mendirikan solat fardu berimamkan imam yang solat sunat.

Berdasarkan hadith yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, “Pernah suatu hari Muaz bersembahyang Isyak bersama-sama dengan Nabi Muhammad SAW. Kemudian selepas selesai, Muaz kembali ke rumahnya dan dia menjadi imam kepada ahli keluarganya.”

Imam al-Syafie menjelaskan, solat yang didirikan oleh Muaz pada kali kedua ini adalah solat sunat, manakala solat ahli keluarganya yang menjadi makmum itu adalah solat fardu Isyak. Ini menjadi dalil bahawa dibenarkan orang yang bersolat fardu berimamkan imam solat sunat.

Qaul Tamm

Namun, adalah lebih baik dielakkan bagi menghindar daripada perbezaan pendapat kerana ulama yang lain berpendapat tidak sah maknum solat fardu berimamkan imam solat sunat¹⁸⁶.

Justeru kami berpendapat hukumnya adalah dibolehkan untuk seorang yang solat fardu mengikut dan berimamkan dengan orang yang bersolat sunat berdasarkan hujah dan dalil di atas.

Wacana 30 : Hukum Hakam Berkaitan Khunsa

Bolehkah jelaskan berkenaan dengan definisi khunsa dan hukum-hakam yang berkaitan dengannya serta apakah khunsa ini sama dengan transgender atau transeksual ?

Khunsa dari sudut istilah para fuqaha ialah: Seseorang yang mempunyai dua kemaluan iaitu kemaluan lelaki dan juga kemaluan perempuan.

¹⁸⁶ Lihat Mughni al-Muhtaj oleh al-Syarbini al-Khatib (1/503).

Ataupun seseorang yang tidak memiliki kedua-duanya dan dia mempunyai lubang yang keluar daripadanya air kencing. Rujuk Hasyiah Ibn Abidin (5/464), Nihayah al-Muhtaj (6/31).

Manakala khunsa menurut Kamus Dewan adalah: Orang yang mempunyai dua alat kelamin. Lihat Kamus Dewan Edisi Keempat.

Merujuk kepada kitab-kitab para fuqaha, kita dapatiti bahawa mereka membahagikan khunsa kepada dua jenis :

i- Khunsa musykil

Seseorang yang tidak jelas tanda-tanda kelelakian atau keperempuanan pada dirinya. Tidak dapat diketahui sama ada dia merupakan seorang lelaki atau perempuan. Khunsa musykil juga memiliki dua kemaluan iaitu kemaluan lelaki dan kemaluan perempuan dan tidak dapat dipastikan keadaannya dari kedua jenis tersebut iaitu sama ada dia lelaki ataupun perempuan.

ii- Khunsa ghayru musykil

Seseorang yang jelas padanya tanda-tanda kelelakian atau keperempuanan. Dia dapat diketahui sama ada dia merupakan seorang lelaki ataupun perempuan. Individu seperti ini tidak dikategorikan sebagai khunsa musykil. Ini kerana dia merupakan seorang lelaki atau perempuan, tetapi dalam masa yang sama mempunyai anggota lebihan.

Hukum untuknya dalam mirath (pembahagian harta pusaka) dan selainnya dari hukum-hakam adalah hukum terhadap apa-apa yang jelas dari tanda

Qaul Tamm

jantinanya. Sekiranya jelas tanda-tanda kelelakian, maka ke atasnya hukum-hakam seorang lelaki dan begitulah sebaliknya.

Dalam bidang perubatan, khunsa dikenali sebagai Disorder of Sex Development (DSD). Penemuannya lebih kompleks daripada perbahasan para ulama terdahulu.

Kaedah Menentukan Identiti Khunsa

Oleh yang demikian, terdapat beberapa faktor lain selain daripada kelainan fizikal alat kelamin seperti kromosom dan gonad (testis dan ovarii) yang turut boleh digunakan untuk mengklasifikasikan seseorang itu sebagai khunsa.

Para fuqaha turut mengambil kira beberapa faktor selain perbezaan fizikal alat kelamin dalam menentukan identiti khunsa. Antaranya ialah faktor pertumbuhan bulu yang lebat pada tubuh badan, misai, janggut, suara yang lebih keras, dan seumpamanya, maka para fuqaha lebih kuat menyatakan dia adalah seorang lelaki. Jika sebaliknya, maka dia diklasifikasikan sebagai seorang perempuan.

Demikian juga para fuqaha menyatakan beberapa cara lain untuk mengenalpasti jantina khunsa. Di antaranya ialah kecenderungan perasaan kepada jantina berlainan. Sekiranya seorang khunsa itu kecenderungan perasaannya kepada seorang lelaki maka dia adalah perempuan dan jika kecenderungannya kepada perempuan maka dia adalah lelaki.

Perlu juga dijelaskan bahawa khunsa yang dimaksudkan di sini adalah khunsa musykil. Kata Al-Imam Al-Suyuthi Rahimahullah : Ketika digunakan

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
perkataan khunsa di dalam feqah maka yang dimaksudkan dengannya adalah khunsa musykil. Rujuk Al-Asybaah wal Nazhair, Al-Suyuthi (1/202).

Imam Al-Nawawi Rahimahullah berkata: Khunsa itu ada dua jenis: Ada yang mempunyai faraj orang perempuan dan juga zakar orang lelaki. Manakala terdapat juga khunsa yang tidak memiliki satupun daripada keduanya (sama ada faraj atau zakar). Akan tetapi dia memiliki lubang yang keluar daripadanya sesuatu. Bagi golongan yang pertama (yang memiliki zakar dan juga faraj), terdapat beberapa tanda-tandanya:

Pertama: Air kencing.

Sekiranya dia kencing melalui saluran zakar lelaki sahaja, maka dia adalah lelaki. Manakala jika dia kencing melalui faraj, maka dia adalah perempuan. Namun jika dia kencing melalui kedua-duanya, maka diambil kira saluran manakah yang dahulu ia keluar.

Kedua dan Ketiga: Keluar mani dan darah haid.

Sekiranya keluar air mani dan darah haid pada waktunya, maka jika air mani tersebut keluar melalui zakar maka dia adalah lelaki. Sekiranya air mani keluar melalui faraj ataupun keluar darah haid, maka dia adalah perempuan. Dengan syarat ia keluar secara berulangkali bagi menguatkan lagi sangkaan akan perkara tersebut.

Keempat: Kelahiran anak.

Wilayah ataupun proses melahirkan anak membawa bukti yang pasti akan sifat keperempuanannya. Bahkan ia mendahului kesemua tanda-tanda lain yang bercanggah dengannya.

Qaul Tamm

Kelima: Tidak datang haid pada waktunya.

Ini merupakan tanda kelelakian bagi khunsa tersebut. Ia juga boleh menjadi tanda penentuan ketika seorang khunsa tersebut sama dari sudut keluar air kencing. Maka keluar haid pada waktunya atau tidak menjadi pemberat ke arah jantinanya.

Keenam: Kecenderungan

Sekiranya seorang khunsa itu cenderung perasaannya kepada orang perempuan maka dia adalah lelaki. Begitu juga jika dia cenderung kepada lelaki maka dia adalah perempuan. Namun, tanda ini digunakan apabila sudah tidak mampu mencari tanda-tanda yang lain.

Ketujuh: Munculnya keberanian, bersabar dalam melawan musuh, serta sifat-sifat kekuatan. Maka ini menunjukkan akan kelelakiannya.

Kelapan: Tumbuhnya janggut, atau timbulnya buah dada, serta keluarnya susu badan.

Manakala bagi golongan yang kedua (tidak memiliki zakar ataupun faraj), maka tanda-tandanya tidak dapat ditentukan melainkan dengan melihat kepada kecenderungannya.

Bolehkah Khunsa Menjadi Imam ?

Isu ini turut dijadikan perbincangan apabila para fuqaha membahaskan berkenaan susunan saf ketika solat berjamaah. Imam Al-Nawawi

menyatakan: Tidak sah apabila seorang perempuan dan khunsa menjadi imam kepada orang lelaki. Tidak sah pada solat fardhu dan tidak juga pada solat sunat. Adapun sekiranya yang mengikut solat tersebut merupakan orang perempuan (menjadi makmum), maka tidak disyaratkan kelelakian untuk menjadi imam mereka (orang perempuan) di sisi mazhab Al-Syafieyyah dan juga Al-Hanabilah. Maka sah bagi orang perempuan untuk menjadi imam kepada orang perempuan yang lain di sisi mereka (Al-Syafi'eyyah dan Al-Hanabilah). Berdasarkan apa yang diriwayatkan oleh Sayyidah A'isyah, Ummu Salamah, dan juga Atha' bin Abi Rabah bahawa: Sesungguhnya orang perempuan boleh menjadi imam kepada orang perempuan yang lain. Lihat Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab, Al-Nawawi (4/96).

Justeru, jelas ditunjukkan dalam kenyataan dari Imam Al-Nawawi bahawa golongan khunsa tidak boleh menjadi imam kepada orang lelaki. Pendapat Imam Al-Nawawi ini menepati pandangan daripada Imam Al-Syafie Rahimahullah yang berkata: Dan begitulah, kalau sesiapa yang solat bersama orang perempuan (menjadi makmum kepadanya) seperti khunsa musykil, nescaya tidak sah solatnya bersama perempuan tadi. Kalau seorang khunsa musykil solat bersama orang perempuan (menjadi makmum) dan tidak selesai solatnya sehingga nyata bahawa ia perempuan, aku lebih suka baginya untuk dia mengulangi solat. Dan aku menganggap bahawa tidak memadai solatnya itu kerana dia tidak tergolong di kalangan orang yang boleh berimamkan perempuan tersebut ketika dia mengerjakan solat. Rujuk Al-Umm, Al-Syafie (1/191).

Kata Al-Imam Al-Shirazi Rahimahullah: Tidak dibolehkan untuk seorang lelaki itu solat di belakang khunsa musykil kerana terdapatnya kebarangkalian yang dia itu seorang perempuan. Bahkan begitu juga tidak boleh untuk seorang khunsa di belakang khunsa yang lain, kerana boleh jadi

Qaul Tamm

makmum itu adalah lelaki dan imamnya itu adalah perempuan. Rujuk Al-Majmuk Syarah Al-Muhazzab (4/152).

Maka kesimpulan yang boleh dibuat berkenaan isu ini adalah:

Khunsa musykil boleh menjadi imam kepada orang perempuan.

Khunsa musykil tidak boleh menjadi imam kepada orang lelaki dan golongan khunsa yang lain.

Kedudukan Khunsa Dalam Saf Solat

Kata Imam Al-Nawawi Rahimahullah: Sekiranya yang hadir mengerjakan solat itu terdiri daripada orang lelaki, kanak-kanak, golongan khunsa, serta orang perempuan, maka didahulukan orang lelaki, kemudian kanak-kanak, kemudian golongan khunsa, kemudian orang perempuan. Rujuk Al-Majmu' Syarah Al-Muhazzab, Al Nawawi (3/132).

Di dalam kenyataannya yang lain Imam Al-Nawawi mengatakan: Para ashab kami mengatakan: Kesemuanya ini (susunan solat) hukumnya adalah mustahab (sunat) dan menyelisihinya adalah makruh namun tidak membatalkan solat.

Imam Al-Mawardi Rahimahullah di dalam kitabnya Al-Hawi Al-Kabir (2/340) menukilkan kenyataan Imam Al-Syafie yang berkata: Apabila seorang lelaki menjadi imam, maka makmum (lelaki) berdiri di bahagian kanannya. Sekiranya makmum tersebut merupakan khunsa musykil atau perempuan maka setiap seorang dari mereka berdiri di belakangnya (imam) secara bersendirian.

Maka adalah makruh untuk seorang khunsa musykil solat bersebelahan dengan orang lelaki di dalam saf, dan begitulah juga makruh untuk dia solat bersebelahan dengan orang perempuan. Ini kerana, terdapat kemungkinan dia adalah seorang lelaki apabila solat bersebelahan orang perempuan dan begitulah juga sebaliknya.

Bagaimakah Aurat Khunsa ?

Berkenaan dengan aurat golongan khunsa musykil, para fuqaha seperti golongan Al-Hanafiyah dan Al-Syafi'eyyah berpendapat bahawa aurat mereka adalah sama seperti aurat orang perempuan. Bahkan rambut seorang khunsa yang gugur dari kepala juga turut dianggap sebagai aurat. Kecuali muka dan kedua tapak tangan. Dan seorang khunsa tidak boleh untuk mendedahkan anggota badannya ketika proses istinja dan juga ketika mandi. Ini kerana, sekiranya dia mendedahkan anggota badannya di sekitar orang lelaki, ada kemungkinan bahawa dirinya itu seorang perempuan. Jika dia mendedahkan anggotanya di sisi orang perempuan, terdapat kemungkinan yang dirinya itu seorang lelaki. Rujuk Raudhah Al-Thalibin, Al-Nawawi (1/283), Hasyiah Ibn Abidin (1/105), Al-Asybaah wal Nazhair, Ibn Nujaim (384).

Berkata Imam Al-Buhuti Rahimahullah: Langkah ihtiyath (berhati-hati) bagi seorang khunsa musykil adalah supaya dia menutup auratnya seperti orang perempuan. Rujuk Syarah Muntaha Al-Iradaat, Al-Buhuti (1/150).

Khunsa Dan Transgender

Menurut sumber Wikipedia, transgender didefinisikan sebagai: Transgender people are people who have a gender identity or gender expression that differs from their assigned sex. Transgender people are sometimes called

Qaul Tamm

transsexual if they desire medical assistance to transition from one sex to another¹⁸⁷.

Melalui definisi di atas, perbuatan mengubah jantina asal kepada jantina yang berlawanan dinamakan sebagai transsexual. Menurut Kamus Dewan transeksual adalah: (transéksual) seseorang (lelaki atau perempuan) yg berperasaan dan berpe-nampilan sbg anggota jantina yg satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantina-nya melalui pembedahan. Rujuk Kamus Dewan Edisi Keempat.

Berdasarkan definisi dan ciri-ciri khunsa musykil yang telah kami nyatakan di atas, jelas kelihatan perbezaan di antara khunsa dan juga transeksual. Khunsa adalah asl al-khilqah (penciptaan asal Tuhan sejak dia dilahirkan) manakala transeksual pula adalah taghyir al-khilqah (mengubah ciptaan Tuhan). Perbuatan mengubah ciptaan Tuhan ini jelas dilarang di dalam Islam. Larangan ini dapat dilihat berdasarkan beberapa nas daripada al-Quran dan juga hadis. Firman Allah S.W.T:

وَلَا أَصِلَّهُمْ وَلَا مَنِيَّهُمْ وَلَا مَرْأَتَهُمْ فَأَئِيَّتُكُنْ أَدَانَ الْأَنْعَامَ وَلَا مَرْأَتَهُمْ فَأَئِيَّتُرُنَ خَلْقَ اللَّهِ وَمَنْ يَتَّخِذُ الشَّيْطَانَ وَلِيًّا مَنْ دُونَ اللَّهِ قَدْ حَسِرَ حُسْرًا مُّبِينًا

Maksudnya: Dan aku (syaitan) benar-benar akan menyesatkan mereka, dan akan membangkitkan angan-angan kosong pada mereka dan menyuruh mereka (memotong telinga-telinga binatang ternak), lalu mereka benar-benar memotongnya, dan akan aku suruh mereka (mengubah ciptaan

¹⁸⁷ <https://en.wikipedia.org/wiki/Transgender>

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
Allah), lalu benar-benar mereka mengubahnya. Barangsiapa yang menjadikan syaitan menjadi pelindung selain Allah, maka sesungguhnya ia menderita kerugian yang nyata.

Surah Al-Nisaa (119)

Imam Al-Thabari Rahimahullah apabila menafsirkan ayat ini beliau berkata: Para ulama berbeza tentang tafsiran ayat . فَلَيُغَيِّرُنَّ خَلْقَ اللَّهِ . Sebahagian mereka mengatakan: “Nescaya mereka akan mengubah ciptaan Allah daripada haiwan-haiwan dengan cara mengkasikannya”. Manakala sebahagian ulama lain mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan mengubah ciptaan Allah adalah membuat tatu. Beliau kemudiannya menyertakan sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas’ud R.anh bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

أَعْنَ اللَّهِ الْوَاثِيمَاتِ، وَالْمُسْتَوْشِيمَاتِ، وَالْمُنْتَمِصَاتِ وَالْمُنْقَلِّجَاتِ لِلْخَسْنِ، الْمُغَيْرَاتِ خَلْقَ اللَّهِ

Maksudnya: Allah melaknat pembuat tatu, orang yang meminta supaya dibuatkan tatu kepadanya, orang yang mencukur kening, serta menjarangkan gigi dengan tujuan untuk kecantikan, dan golongan yang mengubah ciptaan Allah.

Riwayat Al-Bukhari (5943)

Demikian juga Al-Thabari menukilkan persoalan yang ditanyakan kepada Al-Hasan Rahimahullah: Apa pandangan kamu terhadap seorang perempuan yang mengukir wajahnya ? Lalu Al-Hasan menjawab: “Apa kena dengan dia ? Laknat Allah ke atasnya, kerana dia telah mengubah ciptaan Allah”.

Qaul Tamm

Kesimpulan

Akhir kalam, perlulah dijelaskan bahawa perbuatan mengubah ciptaan Tuhan dengan cara menukar jantina adalah haram lagi berdosa besar. Ia tidak boleh sama sekali disamakan dengan khunsa musykil kerana golongan transeksual ini pada asal kejadiannya adalah seorang lelaki atau perempuan, tetapi mengubah jantinanya kepada yang berlawanan. Manakala khunsa musykil pula memang pada asal kejadiannya mempunyai dua kemaluan. Semoga dengan pencerahan ini dapat memberikan kefahaman yang jelas kepada kita dalam beragama.

Wacana 31:

SIAPAKAH YANG LAYAK MEMANDIKAN JENAZAH KHUNSA MUSYKIL?

Saya ada persoalan berkaitan individu yang mempunyai dua alat kelamin, Jantina mana yang harus memandikan jenazah tersebut? Mohon pencerahan SS Mufti.

Ringkasan Jawapan:

Jenazah khunsa musykil boleh dimandikan oleh ahli keluarganya sama ada terdiri daripada lelaki mahupun wanita. Namun sekiranya tiada mahram di sisi jenazah, maka lelaki dan wanita ajnabi layak memandikan jenazah tersebut tidak kira jenazah kanak-kanak mahupun dewasa disebabkan keperluan dan darurat menurut pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'i.

Huraian Jawapan:

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT Tuhan semesta alam, selawat serta salam ke atas junjungan teragung Nabi Muhammad SAW dan ke atas ahli keluarga serta mereka yang mengikuti jejak langkah Baginda SAW hingga ke hari kiamat.

Khunsa musykil ialah individu yang tidak jelas kecenderungan tanda-tanda jantina lelaki mahupun wanita dan tidak diketahui lelaki ataupun wanita.

Khunsa musykil mempunyai dua jenis:

Individu yang mempunyai dua alat kelamin dan sama tanda-tanda alat kelamin jantina lelaki dan wanita.

Individu yang tidak mempunyai alat kelamin lelaki mahupun wanita tapi mempunyai lubang untuk kencing¹⁸⁸.

¹⁸⁸ Al-Mausu'ah al-Fiqhiyah al-Kuwaitiyah (20/ 22)

الْخَنْثُ الْمُشْكِلُ: هُوَ مَنْ لَا يَتَبَيَّنُ فِيهِ عَلَامَاتُ الذُّكُورَةِ أَوِ الْأُنْثَيَةِ، وَلَا يُعْلَمُ اللَّهُ رَجُلٌ أَوْ اُنْدَرَأٌ، أَوْ تَغَارِصُتْ فِيهِ الْعَلَامَاتُ

فَقَحْصَلَ مِنْ هَذَا أَنَّ الْمُشْكِلَ تَوْعَانَ ،

(نَوْعٌ لِهِ الْتَّقَانُ، وَاسْتَوْثٌ فِيهِ الْعَلَامَاتُ، وَنَوْعٌ ثَيْنٌ لَهُ وَاحِدَةٌ مِنَ الْأَلْثَيْنِ وَإِلَمَا لَهُ شَبَّ.) ٢

Qaul Tamm

Pengurusan memandikan jenazah khunsa musykil boleh dilaksanakan oleh kaum kerabat mahramnya sama ada lelaki mahupun wanita menurut kesepakatan fuqaha mazhab Syafi'iyyah¹⁸⁹.

Sekiranya tiada ahli kerabat mahramnya, fuqaha Syafi'i membahaskan pihak yang boleh memandikan jenazah khunsa musykil seperti yang disebut dalam kitab al-Raudhah :

أَصَحُّهَا وَبِهِ قَالَ أَبُو زَيْدٍ: يَجُوزُ لِلرَّجُالِ وَالنِّسَاءِ جَمِيعًا غَسْلَهُ لِلصَّرُورَةِ، وَاسْتِصْنَابًا لِحُكْمِ الصَّغَرِ

“Pandangan yang paling muktamad (asah), Abu Zaid mengatakan: “Harus bagi lelaki dan wanita memandikan jenazah khunsa musykil disebabkan darurat, dan kekal hukum bagi hukum kanak-kanak¹⁹⁰.”

Pandangan yang sama dinyatakan oleh al-Khatib al-Syarbini di dalam kitab Mughni al-Muhtaj yang mana beliau menyatakan ia adalah sama dengan hukum jenazah kanak-kanak dan beliau menegaskan ini merupakan pandangan muktamad dan kesepakatan ashab mazhab Syafi'i“¹⁹¹.

Wacana 32: HUKUM MELIHAT MUSHAF AL-QUR'AN KETIKA SOLAT

¹⁸⁹ Al-Nawawi, Abu Zakariya Mahya al-Din, al-Majmuk Syarh al-Muhadzzab , Dar al-Fikr, J : 5 P: 147

إِذَا مَاتَ النَّبِيُّ النَّبِيُّ كَفِيلٌ فَلِنْ كَانَ هُنَاكَ مُشَرِّمٌ لَهُ مِنَ الرَّجُالِ أَوِ النِّسَاءِ غَسْلَهُ بِالْإِتْقَانِ

¹⁹⁰ Al-Nawawi, Abu Zakariya Mahya al-Din, 1991. Raudhah al-Talibin wa 'Umdatun al-Muftin. Bayrut : al-Maktabah al-Islami, cet : 3. J:2 P: 105

¹⁹¹ Al-Khatib al-Syurbini, Syamsuddin. 1994. Mugni al-Muhtaj Ila Ma'rifah Ma'an al-Fazl al-Minhaj. Dar al-Kitab Ilmiah. J:2 P: 12

وَالْخُنْثَى الْأَكْبَرُ الْمُشْكُلُ يُغَسِّلُهُ الْمَحَارِمُ مِنْهُمَا، فَإِنْ قُنْدُوا غَسْلَهُ الرَّجُالُ وَالنِّسَاءُ لِلْحَاجَةِ وَاسْتِصْنَابًا لِحُكْمِ الصَّغَرِ كَمَا صَحَّحَ فِي
الْمُجْمُوعِ وَنَقَلَهُ عَنِ اِتْقَانِ الْأَصْحَابِ

*Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Makmum
Apakah hukum solat melihat mushaf al-Qur'an dalam solat fardhu dan solat sunat? Jika dibolehkan, adakah dibolehkan untuk kedua-dua imam dan makmum?*

Hukum Imam Melihat Mushaf al-Qur'an di Dalam Solat

Ulama' berbeza pandangan mengenai hukum seorang imam melihat mushaf al-Qur'an di dalam solat kepada beberapa pendapat, antaranya:

Pendapat pertama: Seorang imam yang melihat mushaf al-Qur'an di dalam solat, maka batal solatnya, sama ada dalam solat fardhu mahupun solat sunat. Ini adalah pendapat dalam mazhab Imam Abu Hanifah Rahimahullah.

Rujuk al-Mabsut (1/201-202), Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Syara'i (1/236).

Hujah bagi pendapat pertama:

Memegang al-Qur'an, membelek helaian mushaf, melihat kepadanya dan memikirkannya untuk memahami isi kandungannya merupakan perbuatan yang banyak dan ini boleh merosakkan solat.

Kerana satu ibadah (melihat mushaf) disandarkan kepada ibadah lain (solat).

Qias orang yang melihat mushaf al-Qur'an ke atas orang yang mempelajarinya daripada mushaf. Keadaan ini adalah seperti mempelajarinya daripada seorang guru di dalam solat. Perbuatan ini membatakan solat.

Pendapat kedua: Hukumnya adalah harus melihat dan membaca al-Qur'an daripada mushaf dalam solat fardhu mahupun solat sunat, bahkan diwajibkan untuk melihat mushaf jika tidak menghafaz surah al-Fatihah. Ini

Qaul Tamm

adalah pendapat dalam mazhab Imam asy-Syafi'e dan Imam Ahmad Rahimahallah¹⁹².

Dalil bagi pendapat kedua:

'Aisyah RA pernah menjadi maknum kepada hambanya yang telah dimerdekakan, Zakwan dalam keadaan dia membaca al-Qur'an di dalam solat dengan melihat mushaf.

إمامۃ العبد (Imamah al-Bukhari) meriwayatkannya secara mu'allaq di awal bab (والمؤلی) dalam sahih al-Bukhari (1/140). Imam an-Nawawi menilai sanadnya adalah sahih. Rujuk al-Khulasoh (1/500). Ibn Abi Syaibah dan al-Baihaqi juga meriwayatkan perkara seumpama ini dalam Musannaf ibn Abi Syaibah (2/123) dan Sunan al-Kubra (2/253).

Al-Hafiz ibn Hajar Rahimahullah telah berkata: "Hadith ini menjadi dalil bahawa harus bagi orang yang sedang mengerjakan solat untuk membaca al-Qur'an dengan melihat kepada mushaf¹⁹³".

Peristiwa ini menjadi dalil yang jelas bahawa Zakwan solat dengan melihat mushaf dan 'Aisyah RA tidak mengingkari perkara tersebut. Jika perkara tersebut tidak diharuskan, nescaya 'Aisyah RA akan melarangnya berbuat demikian.

¹⁹² Rujuk al-Majmu' Syarh al-Muhazzab (4/95), Raudhah at-Tolibin wa 'Umdat al-Muftin (1/294), al-Mughni (1/411), Hasyiyah ar-Raudh al-Murbi' (2/110).

¹⁹³ Rujuk Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari (2/185).

Imam az-Zuhri Rahimahullah pernah ditanya mengenai lelaki yang membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf di dalam solat, lalu beliau menjawab: "Mereka yang terpilih dan terbaik dari kalangan kami membaca al-Quran dengan melihat mushaf ketika dalam solat di bulan Ramadhan¹⁹⁴".

Nabi SAW telah memegang cucu Baginda, Umamah RA ketika Baginda sedang solat sepetimana yang diriwayatkan dalam Sahih al-Bukhari (516) dan Sahih Muslim (543). Jika tiada halangan untuk Rasulullah SAW memegang Umamah RA ketika solat, begitu juga halnya tiada halangan untuk seseorang itu memegang mushaf dan membacanya ketika solat. Ia juga mampu membantu untuk memanjangkan lagi tempoh berdiri dalam solat dan menambah kekhusukan sepetimana firman Allah: ﴿فُوْمُواْ لِلّهِ قَانِتِينَ﴾

Pendapat Ketiga: Hukumnya adalah makruh jika melihat mushaf al-Qur'an dalam solat fardhu, adapun melihatnya dalam solat sunat, maka hukumnya adalah harus. Ini adalah pendapat dalam mazhab Imam Malik Rahimahullah¹⁹⁵.

Dalil bagi pendapat yang ketiga:

Hadith 'Aisyah RA yang menjadi maknum kepada Zakwan seperti mana dalil pertama dalam pendapat yang kedua.

Hadith ini menunjukkan bahawa Zakwan menjadi imam dan membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf. 'Aisyah RA mengikutinya sebagai maknum dan tidak mengingkarinya. Walaubagaimanapun, hukumnya menjadi makruh untuk berbuat demikian kerana dibimbangi orang ramai akan

¹⁹⁴ Rujuk Mathalib Uli an-Nuha Syarh Ghayat al-Muntaha (1/484).

¹⁹⁵ Rujuk al-Dzakhirah (2/408), al-Jami li Masail al-Mudawwanah (3/1190).

Qaul Tamm

meninggalkan usaha untuk menghafaz al-Qur'an, dan mereka semua hanya cenderung untuk membaca al-Qur'an daripada mushaf, bukan menghafaznya.

Melihat kepada mushaf merupakan satu ibadah, membaca al-Qur'an juga merupakan satu ibadah, menggabungkan satu ibadah kepada ibadah yang lain tidak sampai menjadikan ibadah tersebut rosak, tetapi menjadikan hukumnya makruh.

Menyerupai ahli kitab yang membaca teks kitab mereka ketika beribadah.

Hukum Maknum Melihat Mushaf al-Qur'an di Dalam Solat

Berkenaan dengan keadaan maknum, marilah kita melihat tafsiran ulama' berkenaan firman Allah SWT:

وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِثُوا لِعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ

Maksudnya: "Dan apabila al-Qur'an dibacakan, maka dengarlah bacaan al-Qur'an tersebut serta diamlah supaya kamu memperolehi rahmat"

Surah al-A'raaf:204

Imam ibn Kathir Rahimahullah menafsirkan ayat ini dengan berkata: "Allah SWT telah memerintahkan untuk diam ketika ayat al-Qur'an dibaca sebagai satu penghormatan kepada al-Qur'an, tidak seperti apa yang dilakukan oleh Musyrikin Quraisy sepetimana dalam firman-Nya dalam surah al-Fussilat ayat ke-26. Perkara ini lebih ditekankan jika imam membacanya dalam solat

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Makmum
fardhu sepetimana hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam kitab sahihnya:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمْ بِهِ، فَإِذَا كَبَرُوا، وَإِذَا قَرَا فَأَنْصِتُوا

Maksudnya: “Sesungguhnya imam dijadikan untuk diikuti, apabila imam mengangkat takbir, maka hendaklah makmum mengikutnya mengangkat takbir, dan jika imam membaca ayat al-Qur'an, maka hendaklah makmum diam”

Riwayat Muslim (404)

Lihat Tafsir al-Qur'an al-'Azim (3/536)

Imam ibn Jarir at-Tobari Rahimahullah telah berkata: “Ahli tafsir berbeza pandangan mengenai keadaan yang diperintahkan oleh Allah untuk diam dan mendengar bacaan al-Qur'an yang dibaca; sebahagian mereka berpendapat perintah tersebut adalah ketika makmum mendengar bacaan imam di dalam solat dan ayat tersebut diturunkan kerana itu” Rujuk Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an (13/345).

Para Sahabat pernah menunaikan solat Subuh di belakang Rasulullah SAW yang mana Rasulullah SAW membaca ayat al-Qur'an di dalam solat tersebut dengan bacaan yang panjang dan para Sahabat mengikut bacaan Baginda, lalu Nabi SAW bersabda:

لَا تَفْعِلُوا إِلَّا بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ، فَإِنَّهُ لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِهَا

Qaul Tamm

Maksudnya: "Janganlah kamu berbuat demikian kecuali membaca surah al-Fatihah. Sessungguhnya tiada solat bagi sesiapa yang tidak membaca (surah al-Fatihah) di dalamnya (solat)"

Riwayat Abu Daud (823)

Sheikh Syu'aib ar-Arnouth Rahimahullah menilai hadith ini sebagai sahih lighairihi. Hadith ini mempunyai syahid daripada hadith yang diriwiyatkan oleh seorang Sahabat yang tidak dinamakan dan telah dikeluarkan oleh Imam Ahmad (18070), sanad hadith ini adalah sahih. Rujuk Takhrij Sunan Abi Daud (2/116)

Sheikh Abdul Karim al-Khudair Hafizahullah telah berkata: "Adapun sesiapa yang memegang al-Qur'an di dalam solat Terawih bagi mengikuti bacaan imam, ia bertentangan dengan kewajipan makmum untuk diam dan mendengar dengan tekun bacaan imam serta tidak disibukkan dengan perkara lain, maka perkara ini tidak sepatutnya dilakukan oleh makmum. Adapun imam yang tidak menghafaz al-Qur'an dan melihat mushaf, maka dibolehkan kepadanya, insyaAllah" Rujuk Fatawa Nur 'ala ad-Darb (halaqah yang kelima, no. fatwa: 3712)

Kesimpulan

Kami berpandangan harus untuk membaca al-Qur'an dengan melihat mushaf bagi imam dan mereka yang solat bersendirian, sama ada dalam solat fardhu maupun solat sunat jika dengan melihat mushaf tersebut mampu untuk memanjangkan tempoh berdiri di dalam solat dan membantu

menambahkan kekusukan di dalam solat. Namun begitu, kami berpendapat bahawa yang terbaik adalah membaca ayat-ayat al-Qur'an tanpa melihat mushaf di dalam solat jika tiada keperluan yang mendesak untuk berbuat demikian.

Kami ingin menukilkan apa yang telah dinyatakan oleh Imam al-Khatib al-Syarbini Rahimahullah: "Namun begitu, membaca ayat al-Qur'an dengan melihat mushaf dan juga membelek kertas mushaf ketika sedang menunaikan solat adalah harus dengan syarat ia dilakukan dengan tidak berturut-turut sebanyak tiga kali dan ianya dilakukan kerana mempunyai keperluan. Jika ia dilakukan dengan sengaja tanpa ada keperluan, maka hukumnya adalah makruh. Rujuk Mughni al-Muhtaj lla Ma'rifah Ma'ani Alfaz al-Minhaj (1/419).

Kami juga berpandangan bahawa adalah lebih baik bagi maknum untuk tidak melihat mushaf ketika mengikuti imam. Ini kerana perbuatan memegang mushaf atau yang seumpama dengannya seperti melihat telefon bimbit dan selainnya akan menyebabkan maknum tersebut terlepas untuk melakukan beberapa perkara sunat dalam solat yang lebih utama untuk dibuat ketika itu seperti menumpukan pandangan ke tempat sujud, mendekap tangan ketika berdiri, dan boleh menyebabkan pergerakan yang banyak dalam solat tanpa keperluan yang mendesak.

Semoga sedikit penjelasan ini dapat membantu dan menjawab persoalan yang sering berlegar di kalangan masyarakat terutamanya di bulan Ramadhan. Semoga Allah SWT memberikan kita kebaikan dan kefahaman yang sahih dalam memahami syariat-Nya seterusnya memberikan kekuatan kepada kita untuk mengamalkannya

Qaul Tamm

Wacana 33: PERLUKAH MENGIKUT IMAM SUJUD SAHWI

Saya terlewat sampai solat Subuh. Selepas membaca tahiyat, imam sujud sahwi. Adakah wajib saya ikut imam sujud sahwi atau bangun menambah rakaat?

Jawapan

Alhamdulillah, puji dan syukur kepada llahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikuti jejak langkahnya hingga hari kesudahan.

Sujud sahwi ialah sujud yang dilakukan kerana kecacatan solat yang dilakukan seseorang ketika bersolat sama ada disengajakan atau terlupa. Ia dilakukan pada akhir solat sebelum salam dengan cara sujud sebanyak dua kali sepetimana sujud-sujud di dalam solat dengan niat sujud sahwi.
(Lihat al-Fiqh al-Manhaji, 1/443)

Menjawab soalan di atas, boleh ikut sujud sahwi kerana tujuan makmum ialah mengikut imam. Imam itu adalah untuk diikuti. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.A, Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا جُعِلَ الْإِمَامُ لِيُؤْتَمْ بِهِ

Maksudnya: "Sesungguhnya dijadikan imam untuk diikuti."

Riwayat al-Bukhari (378) dan Muslim (948)

Guru kami, al-Syeikh ‘Atiyyah Salim berkata: Pada permasalahan sujud sahwī, ketika mana imam sujud dan makmūm sujud bersamanya, sedangkan imam sujud kerana lupanya tetapi makmūm tidak lupa, mereka juga hendaklah sujud bersama imam. (Lihat Syarh Bulugh al-Maram oleh Syeikh ‘Atiyyah Muhammad Salim, 1/464)

Dalam menjawab isu ini, kami kemukakan hadis yang diriwayatkan daripada Umar R.A, daripada Nabi SAW, sabda Baginda:

لَيْسَ عَلَىٰ مَنْ خَلَفَ الْإِمَامَ سَهْوٌ إِنْ سَهَا الْإِمَامُ فَعَلَيْهِ وَعَلَىٰ مَنْ خَلَفَهُ

Maksudnya: Tiadalah seseorang yang sembahyang di belakang imam sujud sahwī. Jika sekiranya imam lupa, maka hendaklah imam dan makmūm sujud sahwī.

Riwayat al-Bazzar, al-Baihaqi (2/532)
dan al-Daraqutni (1/377)

Hadis ini seperti kata al-Baihaqi adalah dha’if. Kata al-Syaukani, salah seorang pada sanadnya Kharijah bin Mus’ab, sedangkan beliau dha’if. Dan juga Abu al-Husin al-Madini sedangkan beliau majhul.

Hadis ini menjadi dalil bahawa imam menanggung di atas lupanya makmūm. Jika makmūm lupa, sedangkan imam tidak lupa, maka makmūm tidak perlu sujud sahwī. Inilah yang dinyatakan oleh Ibn al-Munzir secara ijma’. Usul syariat menyokong hukum ini. Ini kerana makmūm hendaklah mengikut imam sehingga mutaba’ah (ikutan hendaklah didahulu mengatasi tasyahhud awal). (Lihat Taudhibh al-Ahkam oleh al-Bassam, 2/351)

Qaul Tamm

Hadis ini juga menunjukkan jika sekiranya makmum tidak lupa tetapi yang lupa ialah imam sedangkan makmum hanya sempat pada tahiyyat akhir, maka hendaklah dia sujud bersama imam ketika sujud sahwai kerana nas:

وإذا سجّد فاسجّدوا

Maksudnya: “Apabila imam sujud, maka hendaklah kamu (makmum) bersujud.”

Riwayat al-Bukhari (378)

Ibn Munzir telah menyebutnya secara ijma’.

Kadang-kadang makmum itu tidak melakukan kesilapan manakala imam melakukan kesilapan. Sebagai contoh, imam terlupa membaca doa qunut sedangkan makmum tidak terlupa dan sempat membaca doa qunut walaupun yang ringkas. Kemudian di akhir solat, imam sujud sahwai kerana tidak membaca qunut, maka makmum mesti sujud bersama imam. Ianya tidak menjadi masalah dan tidak semestinya makmum juga lupa baru perlu sujud sahwai bersama imam.

Wacana 34: Imam Tahiyat Akhir di Rakaat Ketiga Zohor

Seorang imam terus duduk tahiyat akhir pada rakaat ketiga. Jadi, apa makmum perlu lakukan? Adakah makmum perlu berdiri sambil menegur imam, atau duduk tahiyat akhir bersama imam sambil menegurnya?

Salah satu daripada syarat sah qudwah (mengikut imam) ialah makmum perlu mengikut (mutaba`ah) perbuatan imam. Sekiranya makmum bersalahan perbuatan dengan imam, sama ada mendahului atau lambat sehingga dua rukun fi`li (perbuatan), tanpa keuzuran, maka batallah solat makmum jika tidak niat mufaraqah (berpisah dengan imam). Adapun jika mukhalafah (bersalahan) itu berlaku hanya sela satu rukun, maka itu tidak membatalkan kerana dianggap mukhalafah yang sedikit.

Pengecualian bagi hukum di atas jika imam terlupa fardhu (rukun), contohnya jika imam terus duduk bertasyahhud akhir pada rakaat ketiga. Syeikh Muhammad al-Zuhaili menjelaskan: "Jika imam meninggalkan suatu perbuatan fardhu solat seperti duduk pada tempat yang sepatutnya berdiri, atau berdiri pada tempat yang sepatutnya dia duduk, tidak harus bagi makmum untuk mengikuti imam dalam meninggalkan perbuatan tersebut. Sama ada dia tinggalkan kerana sengaja atau terlupa. Ini kerana makmum wajib mengikut perbuatan-perbuatan solat sedangkan apa yang dilakukan oleh imam itu bukanlah daripada jenis perbuatan-perbuatan solat. Begitu juga kerana boleh jadi imam sengaja meninggalkannya lalu batallah solatnya, boleh jadi juga dia buat kerana terlupa lalu perbuatannya itu tidak dikira. Maka hendaklah makmum itu mufaraqah daripada imam dan menyempurnakan solatnya secara sendirian¹⁹⁶."

¹⁹⁶ Lihat al-Mu`tamad fi al-Fiqh al-Syafie, 1/453

Justeru, difahami daripada teks di atas, bahawa wajib bagi makmum untuk berpisah daripada mengikut imamnya apabila dia mengetahui imamnya telah meninggalkan rukun. Namun begitu, disunatkan ke atas makmum untuk mengingatkan imam sebelum mufaraqah dengan ucapan tasbih. Syeikh Muhammad al-Zuhaili menyebut: "Sekiranya imam lupa pada perbuatan (solat), lalu meninggalkannya, atau ingin mengubahnya, maka mustahab (sunat) bagi makmum untuk bertasbih untuk memaklumkan imam¹⁹⁷."

Bagi menjawab soalan di atas, kami nyatakan bahawa hendaklah makmum terus berdiri bagi rakaat keempat solat zuhur dan disunatkan untuk menegur imam dengan tasbih supaya dia bangun¹⁹⁸.

Jika dia teringat dan dia bangun, maka teruskan solat berjemaah seperti biasa sehingga selesai. Namun, jika imam tidak bangun dan meneruskan tasyahhud akhir, maka wajib bagi makmum untuk niat mufaraqah bagi berpisah daripada imam dan menghabiskan solat secara sendirian.

¹⁹⁷ Lihat al-Mu'tamad, 1/454

¹⁹⁸ Jika makmum itu menegur sewaktu duduk istirehat sebelum bangkit ke rakaat keempat, itu diharuskan jika duduk itu tidak begitu lama kadar duduk antara dua sujud, menurut Imam Ibn Hajar. Adapun menurut Imam Syamsuddin al-Ramli, memanjangkan duduk istirahat adalah harus. (Lihat al-Taqrirat al-Sadidah, hlm. 248)

Wacana 35: Lupa Rukuk, Teringat Ketika Tahiiyyat Akhir

Seseorang baru teringat bahawa dia terlupa untuk rukuk semasa di sudah berada di tahiyat akhir. Apa perlu dilakukannya? Mohon penjelasan.

Solat yang sah dan sempurna adalah yang memenuhi rukun-rukun serta syarat-syaratnya. Rukun adalah bahagian yang asas bagi sesuatu perkara. Contohnya dinding bagi sesebuah bilik. Oleh itu bahagian-bahagian solat adalah rukun-rukunnya. Solat tidak akan sempurna dan tidak sah kecuali dengan menyempurnakan kesemua bahagiannya mengikut cara dan susunan yang datang daripada Rasulullah SAW sebagaimana yang diterimanya daripada Jibril AS. Semua rukun solat dapat kita rumuskan kepada 13 perkara¹⁹⁹.

Rukun solat adalah perbuatan atau bacaan tertentu yang wajib untuk dilakukan. Rukun terbahagi kepada empat bahagian. Iaitu rukun qauli, rukun fi'li, rukun qalbi dan juga rukun maknawi. Kesemua rukun ini mempunyai 13 rukun yang wajib untuk dilakukan dengan sempurna di dalam solat yang mana jika ditinggalkan akan menyebabkan solat terbatal. Rukun-rukun ini boleh dijelaskan secara ringkas seperti berikut:

Pertama: Rukun Qauliyyah, iaitu:

Takbiratul ihram

Bacaan surah al-Fatihah

Bacaan tasyahhud akhir

Selawat ke atas Nabi SAW serta ke atas keluarga baginda

¹⁹⁹ Lihat al-Fiqh al-Manhaji, 1/141

Qaul Tamm

Memberi salam.

Kedua: Rukun Fi'liyyah, iaitu:

Berdiri

Rukuk

I'tidal

Sujud

Duduk antara dua sujud

Duduk tasyahhud akhir.

Ketiga: Rukun Ma'nawiyyah, hanya ada satu iaitu tertib.

Keempat: Rukun Qalbiyyah, hanya ada satu iaitu niat²⁰⁰.

Maka tidak boleh untuk meninggalkan rukun-rukun ini kerana iaanya boleh menyebabkan solat menjadi batal sama ada ditinggalkan secara sengaja atau tidak sengaja.

Dalam isu di atas, jika hanya syak semata-mata, maka abaikan dan sempurnakan solat kerana perkara yang meragukan tidak menjelaskan perkara yang yakin. Hal ini selaras dengan kaedah:

البيقون لا يُرِكَنْ بالشك

Maksudnya: “Keyakinan tidak dihilangkan dengan syak (keraguan)²⁰¹.”

Kaedah ini bermaksud, sekiranya seseorang itu telah memastikan akan sesuatu, kemudian dia berasa syak adakah perkara yang dipastikan itu telah

²⁰⁰ Lihat al-Taqrirat al-Sadidah, hlm. 208-209

²⁰¹ Lihat al-Asybah wa al-Nazair, hlm. 50, 59 dan 263

Wacana Fiqh Ibadah- Permasalahan Imam dan Maknum
hilang atau tidak, maka asasnya adalah masih kekal perkara yang dipastikan itu. Maka sesuatu itu kekal di atas apa yang telah dipastikan²⁰².

Namun, jika dia memang yakin tidak melakukan dengan sengaja, maka perlu ditambah dengan satu lagi rakaat untuk menyempurnakannya. Hal ini juga seperti dalam kaedah:

البيْقَيْنُ لَا يُبَرَّأُ إِلَّا بِالبيْقَيْنِ

Maksudnya: “Keyakinan tidak dihilangkan melainkan dengan suatu keyakinan juga²⁰³.”

Penutup

Rujukan

²⁰² Lihat Syarah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, hlm. 45

²⁰³ Lihat Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, 9/81